

"MANUSIA jahiliyah ialah manusia yang bergelumang dengan segala macam dosa dan kejahatan: Manusia penjenayah, manusia peminum, manusia pelanggar undang-undang dan seumpamanya yang penuh dengan ciri-ciri jahiliyah yang ditolak oleh Al-Quran." - Titah di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1424 Hijrah/2003 Masihi.



"DAN siapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah Neraka Jahanam kekal ia di dalamnya dan Allah murka kepadanya dan melaknat serta menyediakan baginya seksa azab yang besar." - Surah An-Nisaa' ayat 93.

TAHUN 50 BILANGAN 34

RABU 24 OGOS 2005/1426 ربيع 19

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

DYTM teruskan lawatan kerja ke KDN, BMR dan BKN

Liputan Refa'ah Ali Osman dan Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri hari ini berkenan berangkat meneruskan lawatan kerja ke Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (KDN), Biro Mencegah Rasuah (BMR) dan Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Jabatan KDN dijunjung oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki; Setiausaha-setiausaha Tetap JPM, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail dan Timbalan Setiausaha Tetap JPM, Dayang Hajah Salbiah.

Setelah itu, Duli Yang Teramat Mulia disembahkan dan taklimat mengenai latar belakang, struktur organisasi, fungsi utama, peranan Jabatan KDN oleh Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki, Timbalan Menteri di JPM yang juga Pengarah KDN.

Selepas sesi sembah taklimat, Duli Yang Teramat Mulia berkenan melawat ke bahagian-bahagian di jabatan berkenaan termasuk pentadbiran dan unit kaunter anti dan seterusnya dijunjung untuk Majlis Santap Pagi diikuti dengan menandatangani buku lawatan dan menerima pesambah.

Jabatan KDN ditubuhkan pada 1 Ogos 1993 yang mana sejak penubuhannya, beberapa jabatan dan bahagian telah

diserapkan ke Jabatan KDN antaranya Unit Keselamatan di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Keselamatan Kerajaan dan Jabatan Pusat Tahanan di Jabatan Perdana Menteri.

Lihat muka 24



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyaksikan pameran di Dewan Taklimat Biro Kawalan Narkotik (BKN) sambil menerima sembah penerangan oleh Pemangku Pengarah BKN, Awang Haji Abdul Majid. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.

METERAI PERJANJIAN ELAK CUKAI BERGANDA

SINGAPURA, 19 Ogos. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura hari ini memeterai Perjanjian Mengelakkan Cukai Berganda (DTA). Ini bermakna kedua-dua buah negara mengiktiraf cukai yang

dibayar oleh penduduk Brunei di Republik Singapura dan sebaliknya.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed

Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersabda, Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura berusaha membantu pelaburan dan menyediakan semua insentif yang diperlukan. Sehubungan itu

Oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Duli Yang Teramat Mulia percaya perjanjian itu sangat berharga.

"Bagi kita dalam kerajaan, perjanjian itu menunjukkan kerjasama sebagai langkah ke hadapan yang sangat berguna dan ianya juga melambangkan semangat bekerjasama sentiasa ada di antara kedua belah pihak," sabda Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Menandatangani Perjanjian Mengelakkan Cukai Berganda antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia memeterai perjanjian tersebut dengan rakan sejawatan Duli Yang Teramat Mulia, Tuan Yang Terutama George Yeo.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda kedua-dua negara bersejajarnya ekonomi pembangunan ekonomi terlibat dalam pertandingan namun dalam waktu yang sama ianya

tidak menghalang kedua-dua buah negara membantu sesama sendiri sebagai rakan rapat dan rakan kongsi serta perjanjian serupa itu merupakan contoh yang sangat baik.

Duli Yang Teramat Mulia yakin perjanjian tersebut akan mengalulkan di kalangan para peniaga kedua-dua belah pihak dan para pelabur dari Republik Singapura. Seperti yang dikatakan beberapa hari ini, sabda Duli Yang Teramat Mulia, Asia Tenggara merupakan tempat yang paling elok untuk melakukan urusan niaga dan kedua-dua belah negara telah membuktikannya.

Sementara itu Tuan Yang Terutama George Yeo pula berkata, melalui perjanjian itu para peniaga kedua-dua negara tidak lagi perlu bimbang isu-isu cukai apabila mereka meneroka peluang-peluang pelaburan di Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Lihat muka 24

Kejadian hysteria di sekolah-sekolah dapat dikawal

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Ogos. - Berhubung dengan kejadian hysteria yang berlaku di Sekolah Menengah Mengait pada 17 Ogos 2005 yang melibatkan enam orang pelajar dan Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Jerudong pada pagi 18 Ogos 2005 yang melibatkan 25 orang pelajar, Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa langkah-langkah tertentu sedang dan telah dibuat bagi memulihkan keadaan dengan sebaik mungkin.

Alhamdulillah Kementerian Pendidikan menjelaskan keadaan dapat dikawal dengan kerjasama padu warga sekolah dan ibu bapa.

Di antara usaha-usaha pengawalan termasuk tindakan kerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Mufti Kerajaan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pasukan

Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan dalam siaran akhbar hari ini juga memaklumkan bahawa bagi menangani insiden serupa itu, sekolah-sekolah yang berkenaan mempunyai garis panduan dan pelan bertindak dengan arahan yang jelas bagi seluruh warga sekolah.

"Alhamdulillah sejauh ini, ibu bapa/penjaga telah memberikan kerjasama yang padu bagi memastikan ketenteraman para pelajar dan kelancaran perjalanan sekolah," jelas siaran itu.

Sehubungan ini, Kementerian Pendidikan memohon kerjasama semua pihak khususnya para ibu bapa untuk tidak cemas dan memberikan kerjasama yang berterusan.

KELUARGA CERIA, HIDUP BAHAGIA

ANTARA YANG MENARIK

Haluan: Ke arah merealisasikan wawasan negara: Amalkan budaya muzakarah - Muka 2

Melirik Masa Silam: Melangkah Ke Dunia Baru - Muka 6

Sorotan: Histeria-Orang ramai tidak perlu cemas - Muka 7

Soal hati dan perasaan 'Ikut rasa binasa ikut hati mati' - Muka 18 & 19

Persidangan Kebangsaan Mengenai Masyarakat Bermaklumat - Muka 21

Rokok memudarat dan membahayakan kesihatan - Muka 3 ANEKA

Bahasa Arab wajar dimuatkan dalam kurikulum - Muka 16 ANEKA

TAHUKAH AWDA

SERAMAI 53 graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan menerima ijazah sarjana dalam Konvokesyen Ke-17 UBD pada 6 September 2005. Daripada jumlah itu lima orang akan menerima ijazah Master of Public Policy, seorang menerima Master of Arts in History by Research - English Medium, 19 orang menerima Master of Science in Petroleum Geoscience, lapan orang menerima Master of Business Administration - English Medium, empat orang menerima Master of Education in Language Education - English Medium, tiga orang menerima Master of Education in Mathematics Education - English Medium, enam orang menerima Master of Education in Special Education - English Medium dan seorang menerima Master of Education - English Medium. - Sumber: www.ubd.edu.bn/news/events/convo2005/graduan/index.htm.



24 OGOS 2005 BERSAMAAN 1426 رابو 19 رجب

MEMANTAPKAN HUBUNGAN EKONOMI BRUNEI - SINGAPURA

PERJANJIAN pengelakan cukai berganda yang ditandatangani antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura baru-baru ini disifatkan sebagai langkah penting bagi masa depan kerjasama kedua-dua negara. Perjanjian yang dimeterai oleh Bandar Seri Begawan dan Singapura itu juga disifatkan sebagai sebahagian proses memantapkan lagi hubungan ekonomi yang sedia terjalin 'hebat' dan 'padat' antara kedua-dua negara yang paling lama berjiran itu. Selain penting bagi masa depan ekonomi kedua-dua negara, perjanjian itu juga bermatlamatkan membantu golongan peniaga dan pelabur ke arah menghadapi cabaran global dengan menyediakan mereka langkah-langkah yang perlu dalam hal-ehwal percukaian.

Momentum perjanjian itu tercipta pada 19 Ogos 2005 di Kota Singa sempena keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam selama tiga hari dari 18 hingga 20 Ogos. Tinta perjanjian itu meterai oleh Duli Yang Teramat Mulia dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo. Pemeteraian persetujuan antara kedua-dua negara itu juga bertujuan untuk menghapuskan cukai pendapatan atau keuntungan berganda yang diperolehi di salah sebuah negara dan dibayar kepada penduduk yang lain.

Sesungguhnya kerjasama dua hala antara kedua-dua negara telah berjalan sekian lama sebelum negara kita mencapai kemerdekaan. Hubungan kerjasama dua hala antara Bandar Seri Begawan dan Singapura adalah istimewa yang telah banyak membuahkan hasil yang manfaatnya diraih oleh rakyat kedua-dua negara berjiran. Semenjak Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik secara rasmi dengan Kota Singa itu pada Januari 1984 pelbagai kerjasama dua hala telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kerjasama dua hala itu meliputi bidang ekonomi, politik, pelancongan, pendidikan, pertahanan, kewangan, perdagangan, pelaburan, kebudayaan, sukan, penyiaran dan penerangan, pengangkutan udara, telekomunikasi dan pelbagai bentuk kerjasama yang lain terus terjalin kukuh dan mantap. Kerjasama itu juga meliputi hubungan-hubungan khusus seperti persamaan nilai mata wang. Selain mengadakan konsultasi-konsultasi dalam hampir semua aspek kehidupan moden baik di kalangan rakyat mahupun perdagangan. Pendek kata, kedua-dua negara berusaha gigih bagi mewujudkan lebih banyak lagi kerjasama di masa-masa akan datang. Kedua-duanya juga akan terus berkongsi kepentingan baik dari segi persahabatan mahupun perkembangan dan pencapaian taraf hidup rakyat masing-masing. Ternyata Brunei - Singapura sememangnya menikmati taraf kehidupan yang lebih tinggi kalangan 10 anggota ASEAN. Malah kedua-duanya juga mempunyai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tertinggi di rantau Asia Tenggara.

Dalam kerjasama perdagangan antara BSB - Singapura, pada misalnya jumlah perdagangan dalam tahun 2003 dianggarkan bernilai B\$809.6 juta. Dalam waktu yang sama, jumlah eksport negara kita ke republik berkenaan mencecah B\$344 juta. Sementara jumlah import pula ialah B\$465.2 juta. Dari iklim perdagangan yang amat menggalakkan itu, kedua-dua negara akan terus menikmati landskap perdagangan yang amat bererti dalam tahun 2005 ini. Harapan ini sebenarnya sering menjadi impian yang tinggi kedua-dua pemimpin iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.

Lawatan yang kerap berlaku antara pemimpin kedua-dua buah negara sejak kebelakangan ini juga merupakan faktor yang utama dalam mengukuhkan dan menguatkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama dalam semua aspek dan peringkat. Nisbah lawatan itu bukan saja dapat membantu mengukuhkan kerjasama antara kedua-dua negara tetapi yang penting menyumbang kepada pengukuhan hubungan yang rapat dan akrab di masa akan datang.

Adalah menjadi harapan dan hasrat kedua-dua pemimpin agar keakraban dan hubungan istimewa yang terjalin lama itu menjadi titik tolak dalam meluaskan lagi pelbagai kerjasama dua hala. Keakraban itu akan terus memperkukuh jalinan persahabatan kalangan para pemimpin, menteri, pegawai kanan kerajaan, ahli profesional dan perniagaan. Tegasnya dalam masa 20 tahun yang lampau, hubungan BSB - Singapura terus kukuh dan mantap. Harapan mengukuhkan juga diimpikan dengan termeterainya perjanjian pengelakan cukai berganda yang tetap menjanjikan harapan yang tinggi untuk meningkat dan memantapkan lagi kerjasama ekonomi pelbagai hala antara kedua-dua negara.

HALUAN...

Ke arah merealisasikan wawasan negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita mengadakan perjumpaan pada petang ini.

Tujuan utama perjumpaan ini diadakan adalah untuk bermuzakarah dengan Setiausaha-setiausaha Tetap, di samping itu untuk berbincang serba sedikit mengenai peranan, tugas dan tanggungjawab Setiausaha-setiausaha Tetap di dalam mengendalikan sistem pentadbiran kerajaan.

Sejak kita mencapai kemerdekaan penuh, sudah tentunya ekspektasi di kalangan rakyat terhadap kerajaan paduka ayahanda juga meningkat khususnya dalam pentadbiran hal-ehwal negara dan penjagaan keselamatan serta kesejahteraan mereka. Pertambahan bilangan penduduk, kemajuan bidang pendidikan dan kesan-kesan globalisasi adalah antara aspek-aspek yang dihubungkan dengannya.

Inilah sebahagian cabaran-cabaran yang telah dan akan seterusnya dihadapi oleh kerajaan paduka ayahanda yang bukan saja menghendaki pembaikan budaya kerja yang lebih beretika dan berdaya saing, bahkan juga merangkumi pewujudan sistem pentadbiran kerajaan yang responsif serta adaptif terhadap perkembangan dan cabaran semasa dan mendatang.

Kita telah pun mempunyai wawasan negara yang memberikan hala tuju yang jelas bagi survival bangsa dan negara. Ke arah merealisasikan wawasan negara itu, sistem pentadbiran kerajaan telah juga diperkukuhkan dengan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 yang antara lain telah menekankan nilai-nilai pembaharuan kepada Perkhidmatan Awam selaku pemikir, pemudah cara, pengembang maju dan pembawa pembaharuan.

Dalam konteks inilah, Setiausaha-setiausaha Tetap selaku pegawai kerajaan yang paling atasan sekali di dalam Perkhidmatan Awam hendaklah



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Mesyuarat Khas Setiausaha-setiausaha Tetap sempena lawatan kerja ke Jabatan Perdana Menteri pada 4 Rejab 1426 / 9 Ogos 2005.

sentiasa mengamalkan budaya bermuzakarah di semua peringkat, di samping keterbukaan dan berpandangan ke hadapan.

Pembudayaan holistik ciri-ciri keperibadian yang digariskan dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam perlulah dijadikan amalan oleh Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai kanan kerajaan khususnya serta seluruh warganegara amnya bagi membudayakan nilai-nilai kepimpinan dalam mengharungi apa jua cabaran-cabaran yang bakal ditempuh.

Saya menganggap isu pembaikan budaya kerja itu sebagai satu cabaran yang mesti diatasi, sebelum kita dapat berjaya dengan sepenuhnya di dalam melaksanakan apa jua rancangan untuk meningkatkan keberkesanan jentera kerajaan.

Seperti mana jua yang pernah ditegaskan oleh paduka ayahanda di dalam beberapa titah baginda semasa perjumpaan baginda bersama dengan Setiausaha-setiausaha Tetap pada tahun 1986, 1988 dan 1990, tanggungjawab mewujudkan kecekapan, keberkesanan dan kejujuran

AMALKAN BUDAYA MUZAKARAH

dalam sistem pentadbiran kerajaan yang bersih lagi amanah, nyata terletak di atas bahu Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua pejabat dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Baginda telah juga menekankan betapa mustahaknya, peranan Setiausaha-setiausaha Tetap di dalam menumpukan perhatian terhadap perkara-perkara yang melibatkan dasar dan perancangan jangka masa panjang.

Ini adalah memandangkan tanggungjawab Setiausaha-setiausaha Tetap di dalam memberikan input dan pandangan kepada Menteri-menteri dan Timbalan Menteri mengenai dengan kesan-kesan sebarang perubahan dasar ataupun tindakan pentadbiran kerajaan.

Persefahaman di antara Setiausaha-setiausaha Tetap dengan rakan-rakan sejawat mereka serta ketua-ketua pejabat dan pegawai-pegawai kanan juga amat perlu bagi menjalin rangkaian profesionalisme yang baik dan mewujudkan suasana kerjasama yang kondusif ke arah meningkatkan tahap produktiviti agensi masing-masing.

Ke arah ini, pemudulan ke atas keperluan dan masalah pegawai-pegawai dan kakitangan serta sikap terbuka dan sedia mendengar pandangan yang dihidangkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan haruslah diamalkan oleh Setiausaha-

setiausaha Tetap dan ketua-ketua pejabat.

Keyakinan orang ramai terhadap kualiti perkhidmatan dan layanan daripada jabatan-jabatan kerajaan juga berasaskan kepada sikap dan tahap pemudulan kakitangan kerajaan terhadap mereka.

Perlaksanaan program Tekad Pemudulan Orang Ramai (TPOR) di jabatan-jabatan kerajaan harus diperhatikan, dipantau dan diperbaiki sepanjang masa untuk memastikan keberkesannya dan menilai sejauh manakah komitmen agensi-agensi kerajaan terhadap program ini.

Daripada segi penguatkuasaan e-Government, sistem PMONet merupakan 'flagship project' kerajaan untuk membudayakan penggunaan ICT menyeluruh dalam kerajaan bagi melicinkan sistem pentadbiran kerajaan dan juga memudahkan hubungan dengan orang ramai.

Walau bagaimanapun, di samping kita menggunakan teknologi ICT yang terkini, kita mesti juga sentiasa peka terhadap keperluan tenaga manusia bagi semua kakitangan kerajaan yang diharapkan menggunakan teknologi tersebut.

Kelebihan-kelebihan sistem-sistem ICT tidak akan menjadi kenyataan tanpa digunakan sepenuhnya dan tanpa adanya pengguna-pengguna yang mempunyai kemahiran menggunakannya.

Ke arah itu, saya ingin menyarankan supaya kemahiran penggunaan ICT dijadikan sebagai salah satu amalan budaya kerja di kalangan pegawai-pegawai atasan. Sehubungan dengan itu, laman web intranet dan extranet setiap agensi dalam Jabatan Perdana Menteri hendaklah sentiasa diperkemaskini bagi kemudahan perhubungan dan perkongsian maklumat yang lebih telus dan terkini.

Wabillahi Taufik Wal-hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PEMBUDAYAAN holistik ciri-ciri keperibadian yang digariskan dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam perlulah dijadikan amalan oleh Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai kanan kerajaan khususnya serta seluruh warganegara amnya bagi membudayakan nilai-nilai kepimpinan dalam mengharungi apa jua cabaran-cabaran yang bakal ditempuh.

Mandiri bangsa perlu diperkukuh supaya tidak terpinggir



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika berucap merasmikan 'Brunei Business SympForum 2005'. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Isu pengurusan usaha niaga penting

RIMBA, 13 Ogos. - Majlis Perasmian Brunei Business SympForum 2005 yang bertemakan 'Mempromosikan Keusahawanan Yang Bertanggungjawab dan Koperasi Yang Cekal Dalam Persaingan Ekonomi Brunei Yang Semakin Mencabar' berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

SympForum tersebut dianjurkan bersama oleh Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar UBD; Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA); Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei dan Jawatankuasa Protom Pem-

angunan Usaha Niaga.

Ianya bertujuan bagi menghasilkan perbincangan yang membina, berkaitan dengan amalan dan pengurusan koperasi serta perusahaan kecil dan sederhana (SME) di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, SympForum tersebut juga adalah modal untuk mengenal pasti isu-isu etika dalam pimpinan dan pengurusan perusahaan dan perniagaan dalam memberikan pengetahuan yang lebih mendalam terhadap pembangunan koperasi lebih-lebih lagi dalam membantu memperbaiki kualiti SME, dengan melaksanakan kaedah-kaedah yang terbaik.

Melalui SympForum tersebut juga pihak-pihak yang berkepentingan akan dapat mengeratkan

kerjasama dan menggalakkan dialog antara agensi-agensi kerajaan dan SME serta mengenal kaedah terbaik di dalam pengurusan koperasi.

Dengan itu, ianya juga dapat menambahkan kefahaman mengenai isu-isu dan dasar-dasar berkaitan dengan perusahaan dan koperasi serta menyatukan penyelidikan ahli akademik dengan pengalaman pengusaha dan penggubal dasar untuk mengadakan forum di mana pengusaha, ahli akademik, penggubal dasar dan pihak-pihak yang lain berminat untuk bertukar-tukar pendapat dan buah fikiran.

Beberapa siri bengkel kerja juga diadakan bagi

Oleh Noor Khadijah Tengah

membantu menyumbang dalam mencari kelainan untuk mengubah pendekatan pembangunan, sikap, nilai-nilai dan pembuatan keputusan dalam pembangunan perniagaan untuk komuniti.

Tema perbincangan menyentuh mengenai 'Di Mana, Siapa dan Ke Mana Koperasi Di Brunei Darussalam', 'Isu-isu Penting Di Dalam Pengurusan Perniagaan dan Koperasi Di Brunei Darussalam' dan 'Membangun Belia Ke Arah Keusahawanan Beretika'.

Peserta SympForum tersebut termasuklah belia-belia, penuntut-penuntut, pemimpin dan ahli koperasi, usahawan belia, ahli akademik, penggubal dasar, agensi-agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO), institusi kewangan, SME, persatuan dan gabungan perdagangan.

RIMBA, 13 Ogos. - Usaha bersepadu adalah suatu contoh cemerlang di mana pelbagai sektor penting dalam masyarakat iaitu pendidikan tinggi, sektor agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam perkembangan industri dan perniagaan, perusahaan telah menggabungkan tenaga untuk sama-sama menyumbang sesuatu yang bermakna bagi merealisasikan semangat di sebalik tema Hari Kebangsaan Ke-21 'Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa'.

Sinergi atau usaha sama tersebut merupakan suatu langkah yang tepat menjurus kepada maksud tema itu yang mengimbu semua agensi dalam masyarakat sama-sama turun padang menyahut seruan berbangsa dan bernegara agar mandiri bangsa iaitu salah satu ciri dalam ketahanan nasional perlu diperkasa, diperteguh, disuntik dengan dinamisme global agar dapat berfungsi secara perkasa dalam keseluruhan masalah perancangan sosiobudaya, sosioekonomi, sosiopolitik dan pendidikan bangsa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud berucap demikian ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Perasmian Brunei Business SympForum 2005 berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Yang Berhormat berkata, selaku rakyat dan penduduk negara ini adalah diseru supaya beringat-ingat bahawa sifat mandiri atau upaya berdikari dalam konteks berbangsa dan bernegara akan banyak menentukan 'survival' bangsa.

Tambah Yang Berhormat, dalam zaman

Oleh Noor Khadijah Tengah

dunia tanpa sempadan di mana Negara Brunei Darussalam adalah tergolong dalam 'community of nations' di mana sistem nilai kehidupannya bersifat 'supranational' iaitu jangkauannya tidak lagi dibatasi oleh sempadan politik dan geografi, maka adalah mustahak mandiri bangsa diperkasa dan diperkukuh bagi mengelak dari terpinggir oleh arus perdana yang dicetuskan oleh gelombang globalisasi.

"Saya amat gembira sekali SympForum ini telah melibatkan sebuah institusi pendidikan tinggi yang berwibawa dan wacana di dalamnya pula akan ditumpukan kepada penglibatan serta membudayakan gerakan koperasi di kalangan belia," ujar Yang Berhormat.

Sebagai aset paling penting dan berharga bagi sesebuah negara, perlulah memiliki golongan belia yang berwawasan, bersifat dinamik dan berdikari serta golongan belia yang berilmu.

Yang Berhormat menyatakan bahawa betapa kepentingan ilmu itu telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam 'Majlis Ilmu 2005' yang mana baginda menekankan betapa pentingnya peranan ilmu dalam semua sudut pembangunan.

Antara lain Yang Berhormat menyatakan bahawa baginda telah bertitah, "Bangsa memerlukan peningkatan minda dan intelektualisme, bangsa yang menitikberatkan pendidikan adalah bangsa yang mempunyai masa depan, berhenti mengikuti perkembangan ilmu bermakna menyekat perjalanan untuk maju, suatu perbuatan yang sia-sia lagi tidak bertamadun."

Dalam hal tersebut jelas Yang Berhormat, kerajaan baginda telah menyediakan kemudahan-kemudahan yang terarah dan berterusan bagi pendidikan formal dan tidak formal demi melahirkan generasi belia yang berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan mandiri.

"Pada masa ini belia yang berjiwa mandiri dari segi ekonomi amatlah diperlukan, terutama sekali untuk mengimbangi persepsi terlampau bergantung kepada kerajaan dalam mencari pekerjaan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan bahawa penglibatan para belia dalam gerakan koperasi adalah usaha ke arah mewujudkan kehidupan berdikari dari segi ekonomi dan dapat membentuk individu belia yang 'marketable' atau yang bernilai komersil kerana gerakan koperasi itu dapat menanamkan ciri-ciri positif seperti nilai-nilai murni kemasyarakatan, dinamisme, bertanggungjawab, dedikasi dan berdisiplin.

Menurut Yang Berhormat, semangat atau budaya 'koperasi' di negara ini telah lama wujud dengan tertubuhnya sebuah syarikat yang bernama 'Syarikatul Islamiah' pada tahun 1933.

Katanya, ianya adalah satu tanda mengenai kesadaran ahli-ahli masyarakat di negara ini mengenai kepentingan bekerjasama dalam satu ikatan formal demi meningkatkan taraf kehidupan bersama.

"Kita dapat saksikan sekarang bahawa masyarakat kita sudah mula berasa yakin dan berupaya untuk membuka perniagaan walau secara kecil-kecilan seperti membuka gerai-gerai semasa hari-hari perayaan," ujar Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat berharap usaha sedemikian janganlah secara 'ad-hoc' atau berkala sahaja yang mana keuntungan yang diperoleh hendaklah dijadikan modal untuk membolehkan para peniaga mengembangkan lagi bisnes masing-masing ke peringkat yang lebih mencabar.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyeru kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab supaya meneruskan usaha membergikan nilai-nilai positif kepada masyarakat bahawa peranan untuk hidup dan bekerja secara berdikari adalah mulia demi mengurangkan pergantungan kepada kerajaan dalam pencarian pekerjaan kerana budaya koperasi adalah relevan dengan semangat mandiri atau berdikari.

Rancangan Strategik PDB

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Ogos. - Rancangan strategik yang akan direka perlu diserikan dengan perlaksanaan yang tegas, komited, bersungguh-sungguh dan sistem pemantauan yang berterusan, kata Pengarah Pentadbiran Am dan Kewangan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin hari ini.

Jawatankuasa Pandu Rancangan Strategik terdiri daripada Pengawal Kanan Polis dicadang untuk ditubuhkan bagi memastikan Pelan Strategik PDB tidak menjadi 'on-off exercise' tetapi sebagai proses yang dinamik dan berterusan yang perlu dinilai, dipantau dan

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

diubah suai dari masa ke semasa.

Pelan Strategik itu diharap akan dapat membawa PDB ke arah pencapaian visi, matlamat dan objektif dengan lebih terarah, tersusun, komited dan secara bersepadu, katanya.

PDB mengundang seorang pensyarah Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Madya Dr. Chee Kim Loy untuk memberi taklimat mengenai pembentukan dan pelaksanaan Pelan Strategik.

Beliau yang sudah berada di negara ini sejak 1994, mempunyai pengetahuan meluas mengenai

perkembangan sosial, ekonomi dan politik negara ini termasuk agama Islam, adat istiadat, adat resam dan kebudayaan Brunei.

Taklimat itu dihadiri oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin dan bertujuan bagi menyediakan Pegawai Kanan Polis mengenai pemahaman rangka kerja pemikiran strategik dan pengurusan organisasi awam serta memberi peluang berbincang mengenai beberapa isu utama dalam pembangunan serta perlaksanaan Rancangan Strategik PDB.

YSHHB beri sumbangan kepada mangsa kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Ogos. - Sebanyak 13 buah keluarga terdiri daripada 57 orang yang terlibat dalam kebakaran di beberapa kampung di Daerah Brunei dan Muara, Belait dan Tutong hari ini menerima sumbangan sejumlah B\$14,900.00 dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Selain itu, YSHHB turut menghulurkan sumbangan berbentuk alat-alat keperluan persekolahan kepada anak-anak mangsa kebakaran bagi meringankan beban yang mere-

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

ka tanggung.

Penyampaian sumbangan YSHHB disampaikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Haji Ali Hashim bin Haji Daud yang berlangsung di Ibu Pejabat YSHHB.

Turut sama menyampaian derma pada majlis tersebut ialah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang disampaikan oleh Pengarahnya, Datin Hajah Adina binti

Haji Osman kepada keluarga Awang Haji Matussin bin Othman, Awang Mohd. Yassin bin Abdul Rahman, Mohammad Jaini bin Yusof, Dayang Halimah binti Daud dan Dayang Roziah binti Mohd. Zaini.

Keprihatinan YSHHB dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan khususnya dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik dan sangat memerlukan adalah selaras dengan dasar penu-

DYTM berkenan menerima mengadap dua Duta Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, di Istana Nurul Iman.

Di majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Adnan bin Buntar, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun yang

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

baru dilantik dan Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Jabaruddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi yang baru dilantik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Surat Wati-kah Perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Dato

Paduka Awang Haji Mohd. Adnan bin Buntar dan Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Jabaruddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh pada hari Khamis, 11 Ogos 2005 di Istana Nurul Iman.

Turut sama hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Adnan bin Buntar, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun yang baru dilantik dan Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Jabaruddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi yang baru dilantik.

Masyarakat disaran beri sumbangan kepada insan istimewa

JERUDONG, 14 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah menyeru masyarakat supaya terus memberi sumbangan kepada pembangunan insan-insan istimewa.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majlis Malam Gala dan Penutup Rasmi Kejohanan Sukan Olimpik Khas Asia Pasifik 2005 (BOCCE) di

Oleh Abu Bakar Hj. Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Empire Theatre di sini.

Di majlis itu Yang Teramat Mulia dalam sabdanya yang juga merupakan Penaung Ahli Jawatankuasa Sukan Olimpik Khas Brunei Darussalam telah membeikan penghargaan kepada setiap yang terbahit dalam menjayakan sukan

berkenaan demi mendukung komitmen negara khususnya daripada insan-insan kurang upaya.

Terdahulu dari itu keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal yang juga selaku Jawatankuasa Kebangsaan BOCCE berserta ahli jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bulqiah.

Pengerusi Bersama BOCCE, Pengiran Datin Hajah Noraini dalam sembah alu-aluannya menyatakan dengan adanya sukan tersebut dapat memberi peluang kepada mereka yang kurang upaya untuk sentiasa memiliki fizikal yang cergas, produktif dan menghormati

anggota masyarakat melalui sukan dan pertandingan.

Majlis bermula dengan mengurniakan cenderamata kepada ketua-ketua delegasi yang kesemuanya 17 buah pasukan yang disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah.

Di kejohanan kali ini Pasukan Brunei B muncul sebagai johan dengan mengutip tujuh pingat emas, lima perak dan tiga gangsa diikuti oleh pasukan dari Sabah di tempat kedua dan Bangladesh di tempat ketiga.

Di majlis itu juga Yang Teramat Mulia telah berkenan menerima anak kunci sebuah van yang disumbangkan oleh NBT (Brunei) Sdn. Berhad kepada Pusat Ehsan yang disampaikan oleh Pengarah Urusan syarikat tersebut.

Majlis malam itu diserikan dengan persembahan pentas dan kebudayaan termasuk persembahan dari negara-negara peserta.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berkenan mengurniakan cenderamata kepada seorang ketua delegasi Kejohanan Sukan Olimpik Khas Asia Pasifik 2005 (BOCCE). - Gambar oleh Masri Osman.

PERKAMPUNGAN SIVIK PENUNTUT SEBERANG LAUT BERMULA 28 OGOS

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Syarikat Minyak Shell Brunei akan menganjurkan Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam selama 5 hari bermula 28 Ogos hingga 1 September 2005 bertempat di VOTEC International House, SEAMEO-VOTEC, Gadong.

Majlis pembukaan rasmi akan disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah pada 29 Ogos 2005 bertempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Gadong bermula jam 8.00 pagi.

Sepanjang kursus para siswa dan siswi akan berpeluang mengikuti ceramah mengenai Sistem dan Struktur Pentadbiran Kerajaan Serta Kaitannya Dengan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja; Adat Istiadat Brunei; Majlis Beradat Istiadat; Dasar dan Matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan dan Ajaran Sesat dan Amalan Serta Budaya Yang Boleh Merosakkan Akidah.

Para peserta juga akan berkesempatan berinteraksi dan beramah mesra bersama pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kanan kerajaan di samping mengikuti penempatan sehari bersama Pasukan Polis Diraja Brunei dan penempatan sehari di Kementerian Pembangunan dengan atur cara yang berasingan.

Antara objektif perkampungan ini ialah untuk memberikan kefahaman hal-ehwal semasa dalam kerajaan bagi membentuk minda dan iltizam penuntut ke arah melahirkan semangat keprihatinan cintakan bangsa, agama dan negara yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Ia juga dihasratkan untuk memberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal-ehwal negara dan kerajaan serta sektor swasta, meluaskan minda dan iltizam penuntut ke arah melahirkan semangat cintakan raja, bangsa, agama dan negara, selain bertujuan untuk mendekatkan penuntut ke arah menghormati dan mengamalkan nilai-nilai luhur falsafah MIB dan memberikan kefahaman mengenai keperluan semasa negara di bidang kemajuan ekonomi.



YANG Teramat Mulia dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bulqiah berangkat di Majlis Malam Gala BOCCE yang berlangsung di Empire Theatre. - Gambar oleh Masri Osman.

Beberapa langkah dipersetujui hadapi Selesema Burung

BERAKAS, 13 Ogos. - Beberapa langkah yang telah dibincangkan untuk menghadapi sebarang kemungkinan terjadinya wabak Selesema Burung (Avian Flu).

Negara-negara ahli telah bersejua meluaskan bidang kerjasama di antara pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta dalam sama-sama memerangi apa jua wabak penyakit.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman di sidang akhbar sekembalinya dari menghadiri Mesyuarat Perundingan Peringkat Menteri Mengenai Piagam Bangkok sempena Persidangan Sejagat Mengenai Promosi Kesihatan Ke-6 yang berlangsung di Bangkok bermula 7 hingga 11 Ogos 2005.

Antara matlamat Piagam Bangkok bertujuan bagi mengesahkan peranan promosi kesihatan sebagai satu proses bagi membolehkan orang ramai mengawal tahap kesihatan mereka.

Oleh Refa'ah Ali Osman

Menurut Yang Berhormat, mesyuarat tersebut juga membincangkan cadangan Kerajaan Thailand untuk menubuhkan 'central bank' di rantau ini bagi mengumpul dan menyimpan ubat yang dinamakan 'Oseltamivir' untuk merawat Selesema Burung.

Dalam mesyuarat tersebut, negara-negara yang terlibat disarankan supaya

memberi sumbangan kepada tabung berkenaan di samping sama-sama berkongsi maklumat dan teknologi yang berkaitan dengan pengawasan dan pengawalan wabak Selesema Burung.

Secara dasarnya, mesyuarat yang dihadiri oleh 11 buah negara Asia itu bersetuju dengan cadangan Kerajaan Thailand memandangkan kesukaran yang dihadapi bagi negara yang tidak mampu untuk mendapatkan ubat berkenaan mencadangkan agar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai penyelaras bagi usaha-usaha tersebut.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, semasa mengadakan sidang akhbar sekembalinya menghadiri Mesyuarat Perundingan Peringkat Menteri Mengenai Piagam Bangkok.

Kebawah DYMM hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan

Yang Terutama S R Nathan di atas perlantikannya semula menjadi Presiden Republik Singapura baru-baru ini.

Dalam perutusan tersebut, baginda berharap Tuan Yang Terutama akan memperolehi kejayaan yang berterusan dan mengukuhkan hubungan persahabatan yang erat dan sangat berharga bagi kedua-dua buah negara.

113 tan metrik buah kurma akan diserahkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos. - Jawatankuasa Penyelaras Pembahagian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan tahun ini mengadakan mesyuarat pertama hari ini yang berlangsung di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di Kumbang Pasang, di sini.

Antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud ialah sistem pengendalian dan pembahagian kurma, melantik urus setia dan ahli-ahli jawatankuasa penyelaras pembahagian kurma yang terdiri pegawai-pegawai kerajaan dan YSHHB.

Mesyuarat itu dihadiri oleh Pegawai-pegawai Daerah dan para pegawai kerajaan yang terdiri dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pelabuhan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dan pegawai YSHHB.

Pembahagian buah kurma kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tahun ini akan bermula dengan Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma tersebut kepada ketua-ketua kampung di seluruh negara yang akan mengagihkannya kepada anak-anak buah kampung di bawah jagaan masing-masing.

Sementara bagi anggota ABDB pula, buah kurma akan diserahkan kepada pemerintah-pemerintah dalam ABDB dan pengarah-pengarah unit di Kementerian Pertahanan yang akan mengagihkannya kepada para pegawai dan kakitangan di bawah unit masing-masing.

Bagi PDB, buah-buah kurma tersebut akan diserahkan kepada pegawai-pegawai pemerintah dan pengarah formasi. Kedua-dua jabatan ini akan mengagihkannya kepada

pegawai dan kakitangan di bawah unit masing-masing. Pada tahun ini, sejumlah 113 tan metrik buah kurma Mabroom dibekalkan oleh Al-Madinah Al-Munawarah Dates-Company (Tomoor), Arab Saudi dan akan dibagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam dengan tidak mengandungi umur dan taraf kerakyatan di mana setiap orang Islam akan menerima satu kotak kecil yang mengandungi 300 gram buah kurma.

Kurma yang dibekalkan dari Al-Madinah Al-Munawarah Dates Company,

Arab Saudi dihantar dengan menggunakan kapal laut dan dimuatkan dalam kontena berhawa dingin bagi memastikan kesegaran buah kurma berkenaan dan dijangka tiba di Pelabuhan Muara pada awal bulan September ini.

Buah kurma kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dihasilkan sebagai juadah berbuka puasa di bulan Ramadan dan merupakan salah satu projek khas yang diunkayahkan oleh YSHHB setiap tahun.



MESYUARAT Pembahagian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

Kakitangan RTB derma darah

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos. - Kempen Derma Darah Sempena Menyambut 30 Tahun Projek Perkhidmatan Radio Televisyen Brunei (RTB) berlangsung hari ini bertempat di Studio A dan B, di sini.

Kempen bertujuan bagi menggalakkan kakitangan RTB mengamalkan dan menjalani kehidupan yang sihat di samping memastikan dan menjaga tahap kesihatan mereka seharian.

Para penderma darah dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu sebelum dibenarkan menderma darah.

Antara pemeriksaan tersebut termasuklah pemeriksaan berat badan yang tidak kurang 48 kilogram, mempunyai tekanan darah yang normal 130/80 dan tidak mengalami tekanan darah tinggi (hipertension) serta bebas menghidap penyakit kencing manis (diabetic mellitus).

Manakala bagi wanita yang mengandung dan selepas bersalin tidak dibenarkan menderma darah.

Pemeriksaan kesihatan tersebut dilakukan oleh kakitangan-kakitangan Jaba-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, berangkat menyaksikan Pameran 'Paduka Anakanda Julangan Kasih Ayahanda' di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC). - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

DYTM berkenan saksikan Pameran 'Paduka Anakanda Julangan Kasih Ayahanda'

BERAKAS, 20 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berangkat menyaksikan Pameran 'Paduka Anakanda Julangan Kasih Ayahanda' di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini, petang ini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijun-

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah
Zohre Haji Abdullah

jung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Pameran 'Paduka Anakanda Julangan Kasih Ayahanda'.

Di pameran tersebut Duli Yang Teramat Mulia tertarik menyaksikan galeri yang mengandungi gambar-gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien sejak tahun 1952 bersama ahli keluarga diraja.

Duli Yang Teramat Mulia juga sempat mera-

kamkan gambar kenang-kenangan di pameran tersebut dan di akhir lawatan Duli Yang Teramat Mulia menandatangani cenderahati kenang-kenangan.

Sehingga hari ini, pameran tersebut telah menerima lebih 56 ribu pengunjung sejak ianya dibuka kepada orang ramai pada 27 Julai lalu dan akan berakhir pada 31 Ogos ini.

Brunei - Malaysia kukuhkan kerjasama di bidang ketenteraan

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, 11 Ogos. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia sentiasa mengukuhkan hubungan kerjasama dalam bidang ketenteraan termasuklah

dalam pertukaran lawatan peringkat tertinggi pegawai tentera antara kedua-dua buah negara.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menerima kunjungan hormat Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Datuk Ilyas Haji Din.

Kunjungan itu dibuat di pejabat Yang Dimulikan di Kementerian Pertahanan di sini, di mana Laksamana Datuk Ilyas ditemani oleh dua orang pegawai kanan TLDM dan atache tentera dari Suruhanjaya Tinggi Malaysia di negara ini.

Laksamana Datuk Ilyas berada di negara ini bagi lawatan rasmi selama tiga hari.

Hadir di majlis itu ialah Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei, Kolonel (L) Haji Joharie bin Haji Metussin.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menerima kunjungan hormat Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Datuk Ilyas Haji Din. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi ketika menerima kunjungan hormat Ketua Komander Tentera Laut Diraja Thailand, Laksamana Sampop Amrapala. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Menerima kunjungan muhibah

BERAKAS, 4 Ogos. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersama Angkatan Tentera Diraja Thailand terus berusaha mengukuhkan hubungan kerjasama dalam bidang pertahanan dengan mengadakan lawatan muhibah peringkat tertinggi.

Sehubungan dengan itu petang tadi Ketua Komander Tentera Laut Diraja Thailand, Laksamana Sampop Amrapala

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

mana Sampop Amrapala membuat kunjungan hormat kepada Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi, di Kementerian Pertahanan, di sini.

Rombongan Laksamana Sampop dialu-alukan

oleh Pemerintah ABDB bersama beberapa orang pegawai kanan ABDB di mana sebelum itu beliau telah disambut dengan tabik hormat dan tiupan wisel.

Hadir sama ialah Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei, Kolonel (L) Haji Joharie bin Haji

Matusin dan Duta Besar Thailand ke negara ini.

Laksamana Sampop berada di negara ini bagi lawatan rasmi selama dua hari yang ditemani oleh isterinya, Penolong Profesor Duangchai Amrapala.

Ini merupakan lawatan pertama beliau bersama isteri ke negara ini sejak menjadi Ketua Komander Tentera Laut Diraja Thailand.

82 anggota ABDB dinaikkan pangkat

BERAKAS, 19 Ogos. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 82 orang pegawai ABDB telah dinaikkan pangkat termasuk dua orang Pegawai Bomba yang ditauliahkan sebagai Pegawai Tauliah

Khas ABDB dan dinaikkan pangkat Leftenan.

Mereka ialah 735 Leftenan Pengiran Ariffin bin Pengiran Haji Mahmud dan 736 Leftenan Awang Shamsul Iskandar bin Zulkarnain.

Upacara kenaikan pangkat diadakan pagi ini bertempat di Mes Pegawai Berakas Garrison dan disempurnakan oleh Peme-

rintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusof.

Majlis juga dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai ABDB termasuk keluarga dan sanak saudara pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat.

Latihan Bersama Tentera Udara ke-11

PENANJONG, 18 Ogos. - Latihan bersama Airguard antara Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan Tentera Udara Republik Singapura telah berlangsung di Padang Tembak FFA Binturan di sini.

Latihan kali ke-11 yang berlangsung selama 12 hari

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

bermula 15 Ogos lalu antaranya mengadakan latihan menembak pesawat terbang dengan menggunakan peluru hidup dari semua senjata pertahanan.

Menyaksikan latihan hari ini ialah Pemerintah Bahagian Sistem Pertahanan Udara, Tentera Udara Republik Singapura, Brigedier Jeneral Tan

Meng Dui dan Pegawai Pemerintah Rejimen Tentera Udara Diraja Brunei, Leftenan Kolonel (U) Haji Zainal Abidin.

Latihan tersebut adalah antara Rejimen Tentera Udara Diraja Brunei dengan 18 Divisional Artillery (18 DA) Tentera Udara Republik Singapura.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MELANGKAH KE DUNIA BARU

PERALIHAN hidup seseorang kadang-kadang bermula dengan perkara yang baru yang pada sebelumnya belum pernah dialami. Penerokaan terhadap perkara yang baharu dalam kehidupan seseorang kadang-kadang dianggap juga sebagai satu peralihan. Dikatakan juga bahawa peralihan itu adalah seumpama perpindahan dari satu tempat ke satu tempat atau dari satu pengalaman ke satu pengalaman atau dari satu perkara ke satu perkara. Namun dalam perkara yang berkaitan dengan pencarian ilmu ianya adalah masih berada dalam satu jurusan, dan peralihan yang berkaitan dengannya adalah merupakan tangga-tangga pendakian yang tetap mengarah kepada kemuncaknya iaitu pengajian tinggi atau mencapai taraf yang relevan tinggi seperti peringkat profesional dalam bidang-bidang yang dikejar oleh diri kita masing-masing.

Sesungguhnya, dalam mengejar impian untuk mencapai cita-cita kejayaan untuk menjadi pelajar itu pun adalah satu pencapaian yang sungguh besar maknanya pada diri seseorang kerana bukan mudah untuk mendapatkan kelayakan dan diterima memasuki dunia yang menyediakan dengan pelbagai cabaran itu.

Dalam peringkat awal, dermasiswa adalah antara yang sangat mencabar kekuatan seseorang pelajar. Ia adalah juga merupakan ujian yang tidak kurang pentingnya. Ia sangat mencabar semangat dan juga tingkatan kesabaran yang sangat tinggi. Jika tidak berjaya, maka risikonya juga sangat besar kepada seseorang pelajar yang sangat-sangat mengharapkannya. Ia boleh saja mempengaruhi jiwa serta mental seseorang pelajar. Ia juga membahayakan usia yang masih muda dan yang bercita-cita tinggi terutama di kalangan mereka yang cukup syarat untuk menerimanya. Harapan ibu bapa yang sangat tinggi untuk melihat kejayaan anak-anak mereka di bidang pelajaran ini adalah juga merupakan beban yang terpicul di bahu anak-anak mereka yang mengharap itu. Inilah antara debaran yang sering menghantui pelajar.

Namun, pada kebiasaannya, mereka yang memenuhi syarat akan selalunya beroleh kejayaan untuk terus melangkah ke kaki menuju ke dunia baru mereka, dunia pelajar luar negara, dunia yang serba baru dalam hidup mereka, teman-teman pelajar yang baharu yang terdiri dari pelbagai bangsa dan budaya, dunia persekolahan yang sangat asing, guru-guru yang belum dikenali, tempat tinggal serta suasana yang serba baharu. Dan, keadaan yang sangat 'menungulkan ulu hati' mereka adalah perubahan yang mendadak apabila terpisah dengan ibu bapa, abang adik dan kakak, sanak saudara yang biasanya sama-sama 'berbasah-berkaring' pada setiap hari di sepanjang hidup masa lalu yang sama-sama mereka alami, teman-teman sekolah terutama yang sangat rapat dengan mereka, guru-guru terutama yang sangat menyayangi mereka, sahabat handai yang sepermainan, setaman dan sehalaman

dengan mereka dan macam-macam lagi yang sudah jauh dari pandangan mata dan sudah jauh dari jangkauan tangan biarpun di hati masih terpacat seribu kenangan. Bayangkanlah betapa beratnya tanggungan hati dan perasaan setiap seorang pelajar yang muda remaja. Biarpun pada yang sudah berumur, biarpun pada mereka yang sudah tua, sudah berkahwin dan punya anak-pinak, malah yang sudah punya cucu pun, perasaan pilu itu tidak akan lekang dari bertandang menghantui kotak fikiran yang tidak selalunya tegar dengan serba kekuatan itu. Itu adalah satu lagi risiko hanya kerana ingin hendak mencari ilmu, ingin hendak menjadi seseorang yang ada kelebihan, ingin hendak menjadi warga yang bermakna pada bangsa dan apabila negaranya, ingin turut serta membangun dan menyumbang ke arah pembangunan itu sendiri biarpun sekadar melalui khidmat yang sedikit.

Namun semuanya akan tidak sama lagi setelah segala-galanya dilalui dengan hadirnya kepuasan yang dikejar iaitu kejayaan mengharungi siku-liku hidup yang baru itu tadi. Segala-galanya tidak tegang lagi dan segala-galanya sudah dirasa tenang setenang air di danau. Kiranya ia berkocak juga, maka kocakan itu hanyalah sekadar penghias danau dari buih-buih kehidupan di dasarnya. Seseorang akan lebih merasa lega dengan sumber-sumber rezeki yang dihasilkan oleh ilmu yang dikejar itu tadi, hasil jerih payah, usaha gigih dan pengorbanan yang banyak tercurah, dan merasakan imbalan yang berbaloi untuk diri dan keluarga. Namun demikian, memang tidak semuanya sama. Masing-masing diri kita menyedari adanya pencapaian yang berbeza-beza. Itu adalah biasa apa lagi jika kita melihat pada sudut rezeki dan ketentuan-ketentuan yang sudah ditentukan kepada kita itu.

Namun di sebalik itu, awalan dari segala-galanya adalah pelbagai cara. Memang banyak cerita yang kita dengar di awal mere-

ka berangkat meninggalkan tanah air, terutamanya yang berkaitan dengan perasaan sepertimana yang kita sebutkan di atas tadi. Minggu lalu kita juga sudah menyentuh tentang adanya yang terbantu dari meneruskan hajat melanjutkan pelajaran keluar negara itu. Dan kita juga pernah menyebut mengenai bagaimana pelajar-pelajar kita di luar negara sangat gembira apabila mengetahui adanya 'orang Brunei' berkunjung atau melancong ke negeri di mana mereka itu sedang menuntut. Ianya juga adalah menunjukkan cara orang-orang kita yang sangat tersendiri, satu budaya yang menunjukkan kekuatan kita dalam hidup berbangsa dan bernegara.

DI NEGARA YANG SANGAT BARU

Bila kita menyebut 'di negara yang sangat baru' itu, tentunya kita tidak bertumpu kepada negara yang ada persamaan dengan kita seperti Tanah Melayu (Malaysia) dan Singapura. Yang sangat baru itu adalah merujuk kepada keasingannya pada kebiasaan kita dalam hubungan ketahanan kita terhadapnya dan sejauh mana kita dapat memahaminya dan keadaannya. Dengan demikian, United Kingdom dengan negeri-negeri di lingkungannya adalah sangat asing bagi kebanyakan diri kita. Kerana itu, apabila negara itu menjadi destinasi kita, maka akan ramai di antara kita merasakannya sebagai tempat yang sangat terasing dalam hampir keseluruhan kehidupan di sana. Ini termasuklah keperluan-keperluan yang dikehendaki untuk dijalani oleh sebilangan pelajar seperti yang diperlukan terlebih dahulu supaya memahirkan diri dengan bahasa.

Akan keperluan supaya setiap pelajar itu harus memahirkan diri dalam penggunaan bahasa Inggeris adalah sangat wajar. Ini bukan sahaja kerana keperluan bahasa itu sebagai bahasa pendidikan dan bahasa bangsa di situ, tetapi ianya adalah sangat perlu sebagai penyalur perhubungan yang

sangat penting dalam semua hal selagi kita berhubungan dengan mereka untuk keperluan dan kepentingan kita. Keperluan ini adalah dikhususkan kepada pelajar-pelajar yang tidak menguasai bahasa Inggeris. Bukan sahaja pelajar malah mereka yang terdiri dari kakitangan kerajaan yang berkursus di sana yang belum mahir berbahasa Inggeris.

Antara institusi yang menjadi tumpuan kalangan mereka yang memerlukan kursus kemahiran dalam penggunaan bahasa Inggeris itu termasuklah Colchester English Study Centre di Daerah Essex yang tidak begitu jauh dari London. Sewaktu berada di sana kita mendapati ada terdapat seramai 25 orang pelajar Brunei termasuk beberapa orang dari kakitangan kerajaan dari pelbagai jabatan yang hendak meneruskan pengajian dalam bidang masing-masing. Sebilangan besar pelajar-pelajar itu pula adalah terdiri dari calon-calon di pelbagai profesion, tetapi semuanya tergantung kepada pencapaian dan kemampuan mereka selepas menjalani pengajian selanjutnya.

Semasa berada di sana, antara kurikulum yang menarik ialah apabila pelajar-pelajar itu diperlukan tinggal di rumah-rumah keluarga Inggeris yang ditentukan. Skim ini disebut sebagai 'land-lady' yang diharapkan agar pelajar-pelajar itu dapat lebih cepat membiasakan diri berbahasa Inggeris kerana terpaksa berinteraksi dengan keluarga 'land-lady' itu pada setiap waktu. Skim ini memang berkesan bagi setengah-setengah pelajar yang suka bercampur, tetapi agak sukar bagi mereka yang suka menyendiri apa lagi kurang berani dan kurang keyakinan dalam berinteraksi antara kalangan yang berbahasa Inggeris itu. Skim ini memang bermanfaat dalam penguasaan bahasa Inggeris itu kerana dalam sesebuah rumah 'land-lady' itu ditempatkan pelajar-pelajar yang berlainan bangsa, bahasa dan budaya. Dalam sebuah rumah yang mempunyai empat buah kamar, misalnya, akan ditempatkan empat orang pelajar yang berlainan bangsa itu yang dengan sendirinya akan terpaksa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan mereka pada setiap hari. Mereka ini akan tinggal di situ dalam masa sekitar tiga bulan. Selain daripada itu, mereka juga mengikuti pelajaran seperti biasa di bilik darjah dan menjalani beberapa aktiviti yang berkaitan dengan kebahasaan itu.

Dalam pada itu, ada juga beberapa kejadian yang agak kurang selari dengan kehendak pembelajaran bahasa Inggeris itu. Ini berlaku ke atas pelajar yang ditempatkan seorang diri sahaja di sebuah keluarga 'land-lady' yang mengikuti skim tersebut. Keluarga 'land-lady' itu tersalah tafsiran dengan menggunakan tenaga pelajarnya untuk digunakan sebagai penjaga anak damit, tukang cuci, pembersih rumah. Ini menyebabkan sebilangannya terpaksa lari dan tinggal bersama rakan yang tinggal di rumah 'land-lady' yang lain. Maka berlakulah pindah-randah dan mencari rumah yang lain. Keadaan begini hanya berlaku dalam masa sehari dua sahaja dan ianya dapat diatasi dengan segera. Ianya juga sama sekali tidak mengganggu pelajaran mereka.

HISTERIA - ORANG RAMAI TIDAK PERLU CEMAS

SOROTAN

OLEH JAAFAR IBRAHIM

jaafer.ibrahim@information.gov.bn

KEJADIAN histeria yang pada mulanya berlaku di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri atau lebih dikenali STPRI pada 28 Julai lalu kini terus menjadi trauma dan menimbulkan kelam-kabut di kalangan ibu bapa dan juga penuntut di negara ini. Berita mengenai kejadian histeria ini merebak ke seluruh negara begitu cepat seperti 'goreng pisang panas'. Masing-masing orang membuat andaian dan spekulasi mengenainya. Apa pun yang terjadi, ianya merupakan kuasa Allah. Sebagai orang Islam kita tidak perlu cemas dan membuat tafsiran yang salah dan yang boleh terkeluar dari garis agama Islam.

Sana sini di pejabat-pejabat, kedai-kedai kopi, di tempat-tempat awam dan di majlis-majlis, isu itu menjadi topik hangat dan menjadi perbincangan umum.

Kejadian tersebut diburukkan lagi dengan penyebaran maklumat palsu dan khabar angin yang disebarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab melalui sistem pesanan ringkas atau SMS. Pada petang hari Khamis, 18 Ogos lalu, SMS disebarkan ke seluruh negara mengenai kejadian itu yang kononnya mendakwa dan menyuruh orang ramai agar tidak keluar rumah selepas 12.00 tengah malam. Perbuatan seumpama itu amatlah dikesali dan ianya boleh menimbulkan ketakutan, kebimbangan dan kekhawatiran di kalangan orang ramai.

Sehubungan dengan itu Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) amat memandangkan berat mengenai penyebaran SMS itu. Menurut pihak polis mereka akan mengambil tindakan yang serius kepada mereka yang menyebarkan maklumat-maklumat palsu dan khabar-khabar angin

yang tidak bertanggungjawab itu. Mereka yang didapati bersalah menyebarkan maklumat palsu dan khabar angin akan dikenakan hukuman di bawah Bab 34 dan Bab 35 dari Akta Ketenteraman Awam Penggal 148. Mereka yang didapati bersalah akan dihukum denda dan penjara jika sabit kesalahan. Dalam pada itu, pihak PDB juga menasihati orang ramai agar tidak terpengaruh dengan khabar-khabar angin itu.

Kita berharap agar orang ramai tidak perlu cemas mengenai berita palsu yang tidak berasas sama sekali. Adalah juga diharapkan agar orang ramai yang menerima apa jua SMS yang 'berbau' palsu dan khabar angin' agar tidak akan menyebarkan kepada orang lain, kerana apa yang didapati pada petang 18 Ogos itu SMS disebarkan ke seluruh negara dengan begitu cepat. Jadikanlah kemudahan canggih seperti telefon bimbit untuk tujuan yang lebih bermanfaat. Kepada mereka yang

suka menyebarkan berita seumpama itu supaya berhenti daripada melakukannya kerana perbuatan itu bukan sahaja menimbulkan keadaan panik tetapi dalam waktu yang sama boleh mengganggu ketenteraman awam.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan media pada hari Jumaat, 19 Ogos telah menegaskan bahawa kejadian yang menimpa enam orang penuntut Sekolah Menengah Mengailit, Gadong dan 25 orang penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Hussin, Jerudong yang berlaku pada hari Khamis, 18 Ogos itu telah dapat ditangani dengan baik dan keadaan telah dapat dikawal dengan adanya kerjasama ibu bapa, penuntut dan guru-guru sekolah berkenaan.

Bagi menangani apa-apa jua keadaan berikutan kejadian histeria itu, Kementerian Pendidikan akan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kesihatan, PDB, Jabatan Ke-

selamatan Dalam Negeri, Jabatan Mufti Kerajaan dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah dalam menangani kejadian yang telah mendapat perhatian umum.

Kementerian Pendidikan juga meminta orang ramai agar tidak cemas dengan keadaan itu. Semua kejadian yang menimpa itu telah dapat dikawal dan ianya telah pulih seperti biasa. Apa yang diharapkan agar pihak ibu bapa akan memberikan kerjasama dalam menanganinya. Kementerian itu dalam siarannya menambah bahawa sejauh ini ibu bapa memberikan kerjasama yang padu dan menggalakkan.

Kejadian histeria yang melanda sejak sebulan yang lalu kini terus bermain di kepala khususnya penuntut-penuntut sekolah. Yang amat membimbangkan kejadian itu akan mengganggu pelajaran akademik para penuntut lebih-lebih lagi musim peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), 'O' Level dan 'A' Level yang akan bermula pada pertengahan bulan Oktober ini. Sekiranya, fenomena sedemikian terus berleluasa, pastinya persiapan para penuntut menghadapi peperiksaan

tersebut akan terjejas dengan adanya khabar-khabar angin yang disebarkan mengenai dengan kejadian histeria itu.

Kita tidak menafikan memang terdapat kejadian histeria atau 'kesarungan' di kalangan beberapa orang penuntut menengah atas di STPRI pada 28 Julai seperti yang dilaporkan oleh media tempatan, sehinggalah sekolah berkenaan ditutup sehari pada 30 Julai 2005 berikutan dengan kejadian itu atas arahan Kementerian Pendidikan. Penutupan itu dilakukan bagi menenteramkan keadaan yang telah menimbulkan kelam-kabut di kalangan para penuntut dan ibu bapa. Namun kejadian di sekolah berkenaan telah berlautan sebulan di mana menurut sumber rasmi sekolah itu, beberapa kejadian yang menimpa beberapa orang penuntut telah berlaku saban hari. Keadaan itu sedikit sebanyak menimbulkan keadaaan yang tidak menentu sehingga ada ibu bapa yang tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar duli dalam keberangkatan tidak berjadual pada hari Isnin, 15 Ogos lalu ke STPRI. Baginda amat prihatin dan penuh pemedulian menyaksikan sendiri kejadian itu yang telah menimpa salah seorang penuntut sekolah tersebut sambil menitahkan agar kejadian itu ditangani dengan sebaik-baiknya dan diselesaikan agar tidak mengganggu pembelajaran akademik penuntut-penuntut di sekolah berkenaan.

Dari raut wajah baginda jelas terpancar pemedulian baginda terhadap 'malang' yang menimpa kepada penuntut itu. Atas keprihatinan baginda terhadap perkembangan pendidikan di negara ini agar tidak terjejas, baginda telah mengadakan sesi tertutup bersama Pengetua STPRI bagi mengetahui punca kejadian histeria dan ke arah menanganinya agar tidak berpanjangan. Sesi selama 10 minit itu juga dihadiri oleh Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman; Setiausaha Tetap Kementerian Pen-

didikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan dan Timbalan Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam dan Awang Haji Ishaaq. Kita amat beruntung mempunyai seorang raja dan pemimpin yang sentiasa mengelinga dan memeduli hal-ehwal rakyatnya lebih-lebih lagi mengenai perkembangan pendidikan penuntut-penuntut di negara ini.

Kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala agar kejadian histeria itu tidak akan berpanjangan, kerana kejadian itu bukan sahaja menimbulkan kelam-kabut tetapi keadaan cemas dan panik di kalangan para ibu bapa dan penuntut. Orang ramai pula, jangan cuba mengambil kesempatan daripada keadaan itu dengan menyebarkan khabar-khabar angin melalui SMS. Pihak keselamatan dalam kerajaan seperti PDB dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri akan sentiasa memantau keadaan itu dan akan mengambil tindakan yang tegas kepada mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab yang sengaja menimbulkan kacau-bilau dan mengganggu ketenteraman awam di negara ini.

Bahasa jati diri sesebuah bangsa

BERAKAS, 16 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad berkata keteguhan dan kesatuan sesebuah bangsa kepada perkembangan sosio ekonomi, sosiopolitik, pendidikan dan kebudayaan itu sendiri mencakupi ruang lingkup kehidupan adat-istiadat, tatasusila bahasa dan sastera.

Apabila kita bercakap mengenai sastera maka kita juga memperkatakan mengenai bahasa, justeru kerana itu, jelas Yang Berhormat, bahasa itu sendiri adalah alat utama untuk menyampaikan sastera kepada masyarakatnya.

"Bahasa adalah jati diri sesuatu bangsa dan apabila bercakap tentang Sastera Melayu, kita juga bercakap tentang keperkasaan bahasa dan bangsa serta bahasa Melayu itu sendiri," jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di Majlis Pertemuan Sasterawan Brunei Ke-III dan Penyerahan Hadiah Kreatif

Bahana BSP - DBP 2004 yang berlangsung di Dewan Sarmayuda di sini.

Dalam konteks lain, jelas Yang Berhormat, hubungan sastera memperkasa bangsa ialah melalui penulisan kreatif kerana menurutnya para penulis adalah perakam, pengkritik dan penganalisis tentang tamadun bangsanya.

Menurut Yang Berhormat melalui mesej yang disampaikan dalam karya-karya mereka itu, baik yang tersurat mahupun yang tersirat akan dijadikan renungan dan tafsiran oleh masyarakatnya, kerana itu peranan sastera dalam kehidupan tidak boleh diukur atau ditanggapi dengan kaedah yang sama seperti kita mengukur ilmu sains dan matematik, kerana sastera berperanan sebagai penyumbang kepada faktor pembinaan insan, pembinaan insan bermoral, berakhlak, berdisiplin, beretika yang menyumbang ke arah memperkasa bangsa.

Menyentuh peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku agensi yang bertanggungjawab dalam perkembangan dan penyebaran sastera di kala-

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

ngan masyarakat beliau percaya DBP dapat memanfaatkan mutiara pemikiran para sasterawan dalam pelbagai upaya rancangan strategi pengembangan sastera.

Katanya, selaku warga dunia, negara kita terdedah kepada sistem nilai kehidupan yang bersifat supranatural iaitu jangkaan sistem nilai kehidupan sesebuah negara adalah tidak lagi dibatasi oleh sempadan politik dan geografi.

Justeru selaku satu komponen daripada warga dunia dan dalam dunia kesusasteraan tersebut, jelas Yang Berhormat, kekurangan-kekurangan di peringkat serantau sasterawan-sasterawan dan pakar-pakar sastera kita adalah aktif terlibat dalam projek-projek sastera untuk memperteguh kerjasama serantau.

Dalam usaha memperluas dan memperkasa lagi jangkauan supranatural kesusasteraan tanah air, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyeru para sas-

terawan negara supaya terus berusaha meningkatkan hasil-hasil karya yang lebih bermutu tinggi dan meningkatkan ilmu pengetahuan serta peka terhadap perkembangan sastera dalam dan dunia luar.

Selain dari itu beliau juga mengusulkan bagi memanfaatkan teknologi informasi (IT) secara menyeluruh dengan menyediakan rangkaian atau laman web untuk menyalurkan karya-penulis serta menyediakannya dalam bidang bimbingan dalam bidang penulisan selain untuk mempromosikan karya sastera dan para sasterawan dengan pendedahan yang seluas-luasnya.

Sementara itu beliau juga menyarankan agar DBP lebih giat memanfaatkan jaringan kerjasama di antara rakan-rakan di negara yang berbahasa Melayu seperti melalui MASTERA untuk mengentengahkan projek-projek yang dapat mempromosikan karya sastera yang ber-

wajah Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, Pemangku Pengarah DBP, Awang Haji Abu Bakar menjelaskan, sastera atau kesusasteraan khususnya Sastera Melayu Brunei merupakan salah satu 'core business' jabatan tersebut untuk diperkembangkan kepada khalayak agar ianya dihayati oleh penggiat sastera itu sendiri.

Tegasnya, pelbagai usaha telah dijalankan oleh jabatannya termasuk memasyarakatkan sastera itu dalam apa jua cara yang difikirkan mendatangkan kesan yang memuaskannya selain menerbitkan majalah-majalah berbentuk sastera.

Pertemuan sasterawan yang diadakan setiap dua tahun ini adalah untuk mempertemukan para penulis tanah air sambil berbincang dan berinteraksi mengenai soal-soal kesusasteraan, kemajuan dan perkembangannya masa kini terutama dalam menerima arus globalisasi.

Pertemuan tersebut diharapkan akan dapat memartabatkan sastera Melayu, di samping untuk menanamkan semangat cintakan sastera itu sendiri.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad melancarkan dua buah buku iaitu 'Fajar Kian Hampir' dan 'Syair Simarsu Gunung' sempena Pertemuan Sasterawan Brunei (atas). Sementara gambar bawah, Yang Berhormat menyampaikan hadiah kreatif Bahana BSP-DBP kepada seorang penulis. - Gambar oleh Ramli Tengah.



MSD catat 398 aduan sejak tahun 1998



DULI Yang Teramat Mulia disemahkan taklimat mengenai peranan dan fungsi Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD).

BERAKAS, 16 Ogos. - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) telah mencatatkan sejumlah 398 aduan dari orang ramai melalui Tekad Pemenduan Orang Ramai (TPOR) dari tahun 1998 hingga tahun 2004.

Dari jumlah tersebut, sejumlah aduan dicatatkan oleh jabatan tersebut pada tahun 1988 yang merupakan aduan yang tertinggi dicatatkan, manakala pada tahun 2003 mencatatkan hanya 32 aduan, sementara pada tahun lalu mencatatkan 37 aduan.

Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Sa Bali bin Abas menyatakan perkara tersebut dalam sembah taklimat mengenai fungsi, peranan dan bidang tugas jabatan tersebut semasa keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Jabatan Perkhidmatan Pengurusan baru-baru ini.

Dalam sembah taklimat tersebut, beliau juga menyampaikan mengenai status aduan yang diterima daripada Pejabat Setiausaha Sulit Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

TPOR diperkenalkan pada tahun 1995 dan 'focal point' aduan orang ramai bermula tahun 1988.

Liputan Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Harun Haji Rashid dan
Halim Haji Sulaiman

Selain menyemahkan TPOR beliau juga menyemahkan mengenai Dasar dan Kemajuan Pengurusan, Perkembangan Organisasi, Pengurusan Kualiti dan Produktiviti dan Audit Pengurusan.

Sembah taklimat itu juga meliputi projek pembaharuan yang diperkenalkan oleh jabatan tersebut termasuk rancangan penelitian semula ke atas Perkhidmatan Awam yang diperkenalkan tahun 1990 yang bermatlamatkan untuk mengembangkannya dan mempertingkatkan lagi kecekapan, keberkesanan produktiviti, kualiti dan prestasi pentadbiran dan pengurusan Perkhidmatan Awam negara ini.

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan pada asalnya dikenali dengan Unit Perkhidmatan Pengurusan di bawah Jabatan Perjawatan dan pada 1 September 1986 ditempatkan di Jabatan Perdana Menteri, kemudian 1 Januari 1990 dipertingkatkan tarafnya menjadi Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Keselamatan Kerajaan dan akhir sekali pada 1 Ogos 1993 menjadi Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Sementara itu Jabatan Audit pula mempunyai visi ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan peningkatan akauntabiliti.

Dalam sembah taklimat semasa keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Juruaudit Agung, Datin Paduka Hajah Salmah binti Haji Hanafiah menyemahkan bahawa objektif Jabatan Audit ialah secara tidak langsung memastikan kementerian/jabatan/badan statutori/syarikat milik kerajaan mengurus dan menggunakan sumber-sumber yang diperuntukkan dengan sempurna, cekap dan berkesan, di samping pemungutan hasil kerajaan dibuat dengan penuh amanah.

Antara pendekatan dan strategi Jabatan Audit ialah melahirkan tenaga kerja yang berkelulusan profesional dalam bidang perakaunan, pengauditan, teknologi info dan bidang teknik.

Juga disentuh dalam sembah taklimat itu ialah rancangan strategik, jangka panjang/pendek serta pemantauan kerja-kerja pengauditan dan lain-lain lagi.



SEJURUS tiba di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Audit dan Unit Petroleum, Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.



DULI Yang Teramat Mulia selesai menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Masjid Kampong Pulaie (atas kiri).

JURUAUDIT Agung, Datin Paduka Hajah Salmah menyemahkan catatan tugas-tugas pengauditan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia (atas kanan).

HAJAH Hartini binti Haji Abdul Halim, Juruaudit Kanan, menyemahkan taklimat mengenai struktur yang terdapat di bahagiannya di Jabatan Audit (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia meneliti sebuah buku terbitan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (kanan).





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menyaksikan secara dekat contoh-contoh minyak yang dipamerkan di Unit Petroleum.



DULI Yang Teramat Mulia disebarkan taklimat kawasan-kawasan yang menjadi kajian penerokaan minyak oleh seorang pegawai Unit Petroleum.



DYTM disebarkan taklimat mengenai Banci Belajawan Keluarga oleh seorang pegawai Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.



KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulia mendengar taklimat mengenai pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-8.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah pegawai-pegawai wanita.

Sumber petroleum dipastikan sempurna dan berdaya tahan

BERAKAS, 16 Ogos. - Misi Penubuhan Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk memastikan kesemua sumber petroleum dieksploitasi dengan sempurna dan berdaya tahan bagi keberuntungan mak-sima negara.

Di samping itu, ia juga sebagai badan regulatori (mengawal dengan peraturan) yang berkesan dan dihormati dengan tenaga kerja yang berdedikasi tinggi, profesional dan boleh dipercayai demi kepentingan negara dan penduduk negara ini.

Antara fungsi utama Unit Petroleum ialah menyebarkan nasihat dan cadangan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai peraturan dan perlindungan pelaburan industri-industri petroleum dan produk petroleum bagi negara.

Perkara ini antara lain dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Unit Petroleum, Awang Alias bin Haji Mohd. Yusof dalam sembah taklimatnya sempena keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn
dan Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Jabatan-jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Audit, Unit Petroleum dan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di sini.

Menurut beliau, selain itu misi unit berkenaan juga memberikan nasihat, terjemahan, rekomendasi dan arah tuju mengenai polisi dan melaksanakan dengan cara yang berkesan semua perkara yang berkaitan dengan petroleum serta penjagaan simpanan minyak mentah dan gas negara ini, di samping memastikan syarikat-syarikat yang beroperasi melaksanakan Polisi Pembruneian dan penggunaan sumber petroleum dilaksanakan secara bijaksana.

Duli Yang Teramat Mulia menimbulkan dua sabda pertanyaan selepas sembah taklimat tersebut, iaitu walaupun harga minyak di tahap yang tinggi, kenapa harga minyak 'gasoline' di negara ini masih lagi tidak berubah dan berapakah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan setahun? Dan adakah Unit Petroleum mempunyai 'Pasukan Bertindak Kecemasan' dan Pusat Operasi untuk bertindak jika sekiranya terjadi sebarang kecemasan?

Selepas mendengar sembah penjelasan oleh Awang Alias, Duli Yang Teramat Mulia berkenan

melawat ke bahagian-bahagian di Unit Petroleum antaranya Bahagian Pemajuan, Eksplorasi, Perancangan Strategik, Tenaga Manusia dan Pentadbiran, Komersil dan Audit dan Korporat sebelum berangkat ke Masjid Kampung Pulaie bagi menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia berangkat pula ke sebuah hotel di Berakas bagi Majlis Santap Tengah Hari bersama para pegawai kanan dan kakitangan dari keempat-empat jabatan.

Setelah santap Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan ke Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) yang terletak di Jalan Ong Sum Peng dan mendengar sembah taklimat mengenai latar belakang, organisasi, fokus JPKE masa kini, Rancangan Kemajuan Negara, isu dan cabaran JPKE dan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya, yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Kamis bin Haji Tamin yang juga menyebarkan visi jabatan tersebut sebagai pusat kecemerlangan dalam perancangan ekonomi.

Beliau menambah, misi JPKE adalah merancang ekonomi bagi kemajuan negara dengan meng-

gariskan peranan utama sebagai menyediakan rancangan kemajuan, dasar ekonomi, mengawasi pelaksanaan rancangan ekonomi, menyelaras rancangan dan pelaksanaan pembangunan sumber manusia dan menyediakan perangkaan sosio-ekonomi negara.

Selain itu, jelasnya, JPKE juga menguatkuasakan akta-akta seperti Kawalan Harga, Sukatan dan Timbangan, Perangkaan dan Banci Penduduk.

JPKE, katanya, mempunyai fokus masa kini dalam ekonomi 'blue print' seperti wawasan negara dan pelan perspektif garis kasar.

Fokus lain ialah kajian perbelanjaan keluarga, melaksanakan langkah-langkah pembaikan pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara, dasar dan pelan perkembangan sumber manusia termasuk dana pembangunan sumber manusia dan pelaksanaan e-JPKE.

Selepas taklimat Duli Yang Teramat Mulia menyabdakan dua soalan iaitu apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah kontraktor yang lambat menerima pembayaran ke atas kerja-kerja pembangunan? Dan apakah terdapat strategi untuk membantu peniaga-peniaga Melayu?

Setelah mendengarkan sembah jawapan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan ke Bahagian Perangkaan Kajian, Bilik Kajian Perbelanjaan Keluarga, Bahagian ICT dan Bilik Gerakan RKN 8.

Lawatan DYTM ke Republik Singapura



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo dan isteri.

Berangkat tiba di S'pura

SINGAPURA, 17 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat tiba di sini bagi lawatan tiga hari atas undangan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Ter-

utama George Yeo.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama George Yeo dan isteri, Puan Jennifer Yeo.

Turut hadir bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia, Persuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke sini, Tuan Yang Terutama Pengiran

Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula dan isteri, Datin Sri Wahyuningih Wignyohartono serta pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura.

Semasa berada di sini, Duli Yang Teramat Mulia akan mengadakan perjumpaan bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura serta berangkat melawat Institut Pertahanan dan Pengajian Strategik (IDSS).



DULI Yang Teramat Mulia mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong di Istana.



DULI Yang Teramat Mulia disempahkan taklimat mengenai kerja-kerja Institut Pertahanan dan Pengajian Strategik (IDSS) yang disampaikan oleh Pengarah IDSS, Tuan Barry Desker ketika melawat IDSS.

Hubungan Brunei Darussalam - Singapura terus kukuh

SINGAPURA, 18 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah hari ini memulakan lawatan dengan atur cara berasi-

ngan. Duli Yang Teramat Mulia memulakan lawatan dengan mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong di Istana. Selepas perjumpaan itu Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang disempahkan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama S R Nathan dan isteri di Istana.

Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan hubungan diplomatik dengan Republik Singapura pada tahun 1984. Hubungan persahabatan kedua-dua buah negara telah sekian lama terjalin sebelum hubungan diplomatik dibentuk. Sebelum itu Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Agensi Kerajaan di Republik Singapura pada 1 Februari 1975 bagi menjaga kepentingan negara di republik ini. Agensi tersebut kemudian dinaikkan tarafnya kepada peringkat Suruhanjaya pada 1 September 1982 dan dua tahun kemudian diubah sekali lagi kepada Suruhanjaya Tinggi. Sejak penubuhan agensi tersebut hubungan yang sedia terjalin terus dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi.

Sehingga kini pelbagai kerjasama telah terjalin di peringkat dua hala dan serantau. Kedua-dua negara kini berusaha gigih bagi memantapkan lagi jalinan kerjasama antaranya yang

Liputan Dayangku Hajah Saidah Pg. Hj. Omaralli

saidah.omaralli@information.gov.bn

Gambar-gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

berjalan ketika ini termasuk pelaburan, pertahanan, kesihatan, penyiaran dan penerangan, pendidikan, perkhidmatan udara dan kerjasama teknikal.

Di samping itu lawatan-lawatan di kalangan pemimpin kedua-dua buah negara juga diadakan antaranya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba-

ginda Raja Isteri telah berkenan mengadakan lawatan negara ke Republik Singapura pada bulan Januari tahun ini. Semasa lawatan tersebut baginda berkenan menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari Universiti Kebangsaan Singapura (NUS), manakala Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama S R Nathan telah mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam pada bulan Mac tahun lepas.

Lawatan tidak hanya terhad di kalangan pe-

mimpin sahaja bahkan di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli korporat dan perniagaan serta penuntut-penuntut sekolah juga turut diadakan. Dalam bidang perdagangan antara kedua-dua buah negara pada tahun 2003 telah mencecah kira-kira \$809.6 juta dan dari jumlah itu, eksport Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura dianggarkan kira-kira B\$344.4 juta sementara jumlah import sekitar B\$465.2 juta.

Manakala di bidang kerjasama teknikal pula, Kerajaan Republik Singapura secara berterusan mempelawa rakyat Negara Brunei Darussalam menghadiri kursus di bidang kehakiman, perubatan dan kewangan.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan mengabadikan gambar kenang-kenangan bersama Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama S R Nathan dan isteri di Istana.

IDSS terkandung dalam agenda lawatan DYTM

SINGAPURA, 19 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan memulakan hari kedua lawatan ke sini dengan mengadakan perjumpaan bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo.

Selepas perjumpaan itu Duli Yang Teramat Mulia dan rakan sejawatan Duli Yang Teramat Mulia itu menandatangani Perjanjian Pengelakan Cukai Berganda (DTA) di satu majlis yang diadakan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Di majlis tersebut kedua-dua menteri berkenaan menyuarakan rasa puas hati kerana perjanjian itu telah menambahkan

lagi kerjasama di bidang perdagangan dan pelaburan.

Di sebelah petang Duli Yang Teramat Mulia berangkat melawat Institut Pertahanan dan Pengajian Strategik (IDSS). Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di institut itu dijunjung oleh Pengarah IDSS, Tuan Barry Desker dan seterusnya disempahkan taklimat mengenai kerja-kerja institut berkenaan.

Institut tersebut ditubuhkan pada bulan Julai 1996 sebagai institut penyelidikan di kalangan Universiti Teknologi Nanyang yang antara lain bertujuan bagi menyelaras penyelidikan mengenai isu-isu keselamatan, strategik dan antarabangsa.

Di samping itu IDSS juga menyediakan pendidikan di peringkat ijazah dan umum dalam penga-

jian strategik, hubungan antarabangsa, pengurusan dan teknologi pertahanan. Selain itu IDSS juga bertujuan untuk meningkatkan program kerjasama dan pertukaran bersama institusi serantau dan antarabangsa, menganjurkan seminar atau persidangan mengenai strategik dan polisi kemasyarakatan di Asia Pasifik. Sejurus selepas mengadakan lawatan, Duli Yang Teramat Mulia mengadakan perjumpaan bersama Menteri Mentor, Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew di Istana.

Di sebelah malam Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang disempahkan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, Profesor S. Jayakumar dan isteri di Grand Hyatt Hotel.

Lawatan DYTM ke Republik Singapura

Berangkat membuat lawatan ke Taman Warisan Melayu



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menyaksikan pelbagai koleksi yang dipamerkan di Muzium Warisan Melayu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan melakar tembikar ketika melawat Taman Warisan Melayu, Istana Kampong Gelam.

Berangkat pulang

SINGAPURA, 20 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat meninggalkan Republik Singapura petang ini setelah mengadakan lawatan selama tiga hari ke sini atas undangan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi bagi mengucapkan selamat berangkat, Tuan Yang Terutama George Yeo dan isteri, Puan Jennifer Yeo serta Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Kula dan isteri, Datin Sri Wahyuningsih Wignyohartono.



MESRA ... DYTM dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura, Profesor S. Jayakumar membicarakan sesuatu ketika DYTM berangkat ke Majlis Santap Malam yang disempakan oleh Profesor S. Jayakumar di Hotel Grand Hyatt (kiri).

DYTM ketika mengadakan perjumpaan bersama Menteri Mentor, Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew di Istana (kanan).

SINGAPURA, 20 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah mengakhiri lawatan hari ini dengan melawat ke Taman Warisan Melayu.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di taman tersebut, Istana Kampong Gelam yang terletak di Sultan Gate dijunjung oleh Menteri Negara Untuk Hal Ehwal Luar Negeri dan Pengerusi Komiti Pengurusan Yayasan Warisan Melayu, Tuan Yang Terutama Zainul Abideen Rasheed serta disambut dengan tradisi adat Melayu oleh barisan belia-belia dari Kumpulan Budaya Sri Warisan.

Sebaik berangkat tiba Duli Yang Teramat Mulia disajikan dengan persembahan kebudayaan Melayu antaranya Dikir Singapura, Zapin Perpaduan oleh Kumpulan Budaya Sri Warisan. Sejurus selepas itu Duli Yang Teramat Mulia berkenan melawat beberapa galeri yang terdapat di taman itu dan Duli Yang Teramat berkenan melakar corak pada sebuah tembikar.

Taman berkenaan merupakan sebahagian daripada projek nasional yang disarankan oleh pemerintah Republik Singapura bagi memastikan setiap

Liputan Dayangku Hajah Saidah Pg. Hj. Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar Pg. Haji Omar

kaum etnik mempunyai pusat warisan mereka sendiri.

Taman tersebut merupakan tapak bersejarah yang pernah menjadi tempat kediaman Al-Marhum Sultan Hussein pada awal abad ke-19. Ianya sebagai institusi warisan yang baru saja dirasmikan sekitar dua bulan lalu oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong. Taman tersebut diletakkan di bawah pentadbiran Yayasan Warisan Melayu.

Matlamat taman tersebut bagi melestarikan warisan Melayu dengan membuat kajian mengenai asal usul dan evolusi kaum Melayu dan memelihara khazanah warisan Melayu di samping menguatkan persefahaman dan pertalian di antara kaum-kaum yang berbeza di republik tersebut. Ini dilakukan kerana pertalian antara kaum yang kukuh adalah asas kesejahteraan negara.

Selain itu ianya juga bagi memaparkan sumbangan Melayu Singapura di dalam proses pembangunan negara dan menjadikannya pusat kajian serta rujukan bagi sesiapa sahaja yang mahu mengenali warisan Melayu Singapura terutama kepada generasi muda.

Taman yang berdiri di atas tanah seluas dua ekar itu mempunyai kegiatan jangka panjang yang berteraskan budaya, sejarah dan kesenian Melayu. Taman tersebut menganjurkan persembahan budaya yang bertujuan membantu para penonton mengenali dan memahami adat resam dan budaya orang Melayu, di samping melaksanakan bengkel-bengkel tembikar dan batik yang dilaksanakan oleh ikon-ikon seni.

Dalam pada itu taman tersebut juga sentiasa giat mencari peluang melancarkan projek-projek dua hala yang dapat meningkatkan kerjasama dengan negara-negara Melayu dan Islam yang lain terutama sekali negara-negara di dunia Melayu.

Sehubungan itu antara artifak yang dipamerkan di taman itu artifak-artifak dari Negara Brunei Darussalam termasuk medallion anugerah Al-Marhum Paduka Seri Begawan Sultan kepada Allahyarham Yusuf Ishak, bekas Presiden Republik Singapura dan meriam-meriam peninggalan sejarah.

Sebelum berangkat balik Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai bersama Pengerusi dan Ahli-ahli Komiti Pengurusan Yayasan Warisan Melayu dan Kumpulan Budaya Sri Warisan.

DULI Yang Teramat Mulia ketika mengadakan perjumpaan bersama Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong di Istana (kiri sekali).

DYTM mengadakan perjumpaan bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri republik itu (kiri).





LAWATAN YANG TIDAK BERJADUAL ... Baginda sewaktu meninjau secara dekat proses-proses kerja yang dilaksanakan sambil berinteraksi dengan salah seorang pegawai (atas kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menandatangani buku lawatan sebelum meninggalkan Bangunan Undang-undang (atas kanan).

BILIK perpustakaan yang menyimpan banyak buku undang-undang turut dilawati oleh baginda (kiri).



SEMBAH TAKLIMAT ... Keberangkatan baginda di Pejabat Undang-Undang diakhiri dengan sembah taklimat (atas).

BAGINDA ketika menerima junjung ziarah dari pegawai dan kakitangan semasa keberangkatan di Pejabat Undang-Undang (atas kanan).

DERETAN FAIL ... Baginda ketika meninjau ke salah sebuah bilik yang menempatkan fail-fail (kanan). Sementara gambar kanan sekali, baginda ketika melawat salah satu bahagian di Bangunan Undang-Undang.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima sembah penerangan ringkas mengenai tugas yang dilaksanakan di Mahkamah Besar (kiri).



LA
KE
KE
MA
BE
UN
SE
KE

Ha

WATAN BAWAH DYMM BANGUNAN HKAMAH SAR DAN DANG-UNDANG RTA LAWATAN STPRI

Gambar-gambar oleh
Ariffin Mohd. Noor dan Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar



PRIHATIN ... Baginda menyaksikan sendiri keadaan salah seorang penuntut STPRI yang mengalami histeria (atas).

BAGINDA ketika mengunjungi salah sebuah kelas yang mengikuti mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam (kiri).

ZIARAH ... Keberangkatan baginda merupakan kesempatan bagi pelajar untuk junjung ziarah ke hadapan majlis baginda (bawah kiri). Sementara gambar bawah, baginda berkenan beramah mesra bersama para pelajar STPRI.



MESRA ... Keberangkatan baginda dijunjung dengan penuh kemesraan oleh para penuntut STPRI (atas kanan). Sementara gambar atas kiri, baginda ketika meninjau secara dekat sebuah bilik darjah di STPRI.

Tingkatkan sumbangan bukan berasaskan minyak, gas

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, 1 Ogos. - Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah menggesa syarikat persendirian supaya meningkatkan lagi sumbangan bukan berasaskan minyak dan gas dalam ekonomi negara.

Yang Mulia Dato Paduka juga memuji peniaga-peniaga kecil dan sederhana tempatan yang beroperasi dan mengeksport produk bukan minyak dan gas yang disifatkan sebagai contoh produk Brunei yang menjadi kebanggaan negara.

Beliau menambah, kementerannya juga bekerjasama dengan lain-lain kementerian dan agensi kerajaan dalam menyediakan peluang bagi pertumbuhan yang lebih meluas dalam semua sektor. Yang Mulia Dato Paduka menyatakan demikian se-

jurus sebelum membuka rasmi Loji Pengisaran Kimia dan Kemudahan Pemeriksaan Baru (PTAS) di sini.

Loji pengisaran tersebut terletak di kawasan industri ringan di sini. Selain melabur dalam projek prasarana, syarikat tersebut juga menyediakan latihan dan meningkatkan kemahiran dan kebolehan kakitangan anak-anak tempatan.

Kemudahan pemeriksaan PTAS menyediakan peluang bagi para individu yang berminat dalam kerja-kerja pemeriksaan untuk mengembangkan kerjaya dalam bidang tersebut dengan mendapatkan kelayakan antarabangsa. Pengiktirafan itu membolehkan mereka bertugas di merata dunia. Setakat ini syarikat tersebut membuat pelaburan B\$5 juta dalam kompleks seluas lima ekar.



TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah ketika merasmikan Loji Pengisaran Kimia dan Kemudahan Pemeriksaan Baru (PTAS) (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Mulia Dato Paduka melawat sekitar bangunan loji pengisaran tersebut.



Kursus Tulisan Jawi mendapat sambutan

KUALA BELAIT, 6 Ogos. - Kursus Tulisan Jawi yang dikendalikan oleh Pejabat Unit Dakwah Daerah Belait bagi masyarakat Tiongghoa sejak tahun 2001 mendapat sambutan yang menggalakkan.

Menurut Ketua Unit Dakwah Daerah Belait, Dayang Hajah Hanisah Abdullah kursus tersebut merupakan salah satu strategi dakwah dengan cara kemesraan, di samping mengeratkan persahabatan

dengan masyarakat Tiongghoa di daerah ini.

Selain itu, katanya, kursus juga bagi memberi kefahaman kepada masyarakat Tiongghoa mengenai huruf hijaiyah (huruf Alif hingga Ya) selain menge-

nali bunyi-bunyi huruf yang berbaris, seterusnya diajar juga cara menulis huruf tunggal dan cara menyambung dari satu huruf ke satu huruf.

Sehubungan itu, beliau berharap para peserta kursus akan dapat mengenali sedikit sebanyak huruf jawi dan jika ada peluang akan melanjutkan hingga ke kursus lanjutan sehingga mereka boleh membaca akhbar dan buku-buku dalam tulisan jawi.

Beliau menyatakan demikian di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Tulisan Jawi Ke-6 bagi masyarakat Tiongghoa Daerah Belait diadakan di Dewan Serbaguna Pejabat Unit Dakwah di sini.

Sejak kursus tersebut diperkenalkan empat tahun lalu, seramai 140 orang masyarakat Tiongghoa menghadiri Kursus Asas Tulisan Jawi dan kali ini, seramai 48 orang yang terdiri dari kalangan kaum ibu dan kanak-kanak mengikuti kursus serupa.

Kursus diadakan sekali seminggu selama lapan minggu di bawah bimbingan seorang tenaga pengajar berbangsa Cina yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Mandrin bagi memudahkan para peserta memahami kursus yang diajarkan.

Tetamu kehormat, Ketua Pegawai Ugama Da-

erah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh berharap para peserta kursus sedikit sebanyak akan memperoleh dasar ilmu pengetahuan tentang tulisan jawi melalui bentuk, tatacara menulis dan mungkin mencapai ke tahap menjeja.

Di Negara Brunei Darussalam, katanya, masyarakat Tiongghoa tidak asing dengan tulisan jawi terutama mereka yang melibatkan diri dalam perniagaan yang mempunyai pintu-pintu kedai atau bangunan perniagaan bertulis tulisan jawi terpapar dengan jelas kerana ia dipersyaratkan lebih besar daripada tulisan rumi.

Bagi mereka yang mengikuti kursus tulisan jawi, tambahnya, bolehlah menduga keupayaan mereka bagi mengenal huruf ejaan dan bunyi sebagai ujian kekuatan minda selain mencurahkan pengalaman yang ada melalui hasil proses pengajaran dan pembelajaran yang mereka peroleh serta mengembangkan ilmu pengetahuan tentang tulisan jawi.

Di majlis itu, tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah kepada enam pemenang yang menyertai Bengkel Tulisan Jawi, tiga orang kategori kanak-kanak dan tiga lagi kategori orang dewasa.

Bank Standard Chartered buka cawangan baru

KUALA BELAIT, 5 Ogos. - Ketua Pegawai Eksekutif, Cawangan Baru Bank Standard Chartered (StanChart), Shalini Warriar berharap perpindahan Bank StanChart ke lokasi barunya akan dapat memberi keselesaan yang lebih kepada para pelanggan mereka.

Menurutnya, sejak mula bank tersebut ditubuhkan pada tahun 1958, setakat ini sudah mempunyai tujuh cawangan seluruh daerah termasuk sebuah cawangan di Kuala Belait (KB) dengan 250 orang kakitangan dan pada tahun ini mereka hanya menyediakan perkhidmatan akaun deposit asas kepada Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dan kakitangannya.

Bagaimanapun pada

masa ini bank berkenaan sudah menyediakan pelbagai perkhidmatan produk kewangan, simpanan, kad kredit, pinjaman peribadi, pinjaman perumahan dan transaksi perbankan.

Beliau berucap demikian ke Majlis Perasmian Cawangan Baru Bank StanChart di tingkat satu Hotel Swiss Pekan Belait yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar.

Kira-kira 50 orang termasuk pegawai kanan jabatan kerajaan, BSP dan para pelanggan berkunjung ke majlis perasmian tersebut. "Lokasi baru bangunan bank ini akan memberikan lebih kemudahan

berkunjung dengan reka bentuk dan konsep terkini, mereka menyambut mesra para pelanggan selain memberikan lebih keselesaan," ujar Shalini Warriar.

Menurut beliau, enam bulan pertama tahun ini pihaknya agak sibuk dengan melakukan pelbagai persiapan untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan mereka.

Pihaknya juga memperkenalkan e-Penyata dengan itu para pelanggan tidak perlu menunggu posmen menghantar bil kad kredit mereka setiap bulan, apa yang penting mereka hanya perlu memberikan kepada pihak bank alamat e-mel bagi urusan penghantaran melalui penyata elektronik.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar mendengar penerangan ketika melawat cawangan baru Bank Standard Chartered.

Teruskan promosi hasil kreativiti wanita

KUALA BELAIT, 7 Ogos. - Isteri Pegawai Daerah Belait, Datin Hajah Rupiah binti Hussin ber-

kata, Pertunjukan dan Peraduan Kraf Tangan, Seni Gubahan dan Masak-masakan Wanita dapat dijadi-

kan sebagai satu ruang untuk mempromosikan daya cipta dan kreativiti wanita.

Sehubungan itu, Datin Hajah Rupiah berharap usaha mengenal dan mempromosikan hasil tangan yang dipertunjukkan akan dapat diteruskan ke tingkat yang lebih jauh dan menjadikannya sebagai usaha sepenuh masa dengan memasarkannya secara lebih luas lagi.

Beliau berucap demikian selaku tetamu kehormat di Majlis Pertunjukan dan Peraduan Kraf Tangan, Seni Gubahan dan Masak-masakan Wanita sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 bagi Daerah Belait yang dikendalikan oleh Persatuan PERTIWI Daerah Belait yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Beliau seterusnya berkata, komitmen mereka dalam sama-sama menyertai dan melaksanakan acara perayaan sebagai bukti akan ketaatan mereka kepada kepimpinan baginda, di samping menggambarkan sumbangan yang amat besar dalam sama-sama menceriakan dan menyemarakkan sambutan pada tahun ini.

Lebih 80 peserta menyertai pertandingan yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu jahitan dan anyaman, gubahan, masakan dan kuih-muih.

Kategori gubahan lebih mendapat sambutan ramai. Kategori tersebut dinilai dari segi kreativiti, gubahan, kekemasan dan bahan-bahan yang digunakan, manakala kategori masak-masakan dinilai melalui keenakan rasa.

Sebelum penghakiman dijalankan, sesi taklimat untuk para hakim disampaikan oleh Ketua Jemaah Hakim, Hajah Sharifah Maimunah binti Sheikh Mohammad. Tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada pemenang terbaik, Sharifah Fauza Wan Hil, Dayang Farzana binti Rosli dan Dayang Hasmah binti Haji Hamdi, manakala pemenang keseluruhan, Sharifah Fauza Wan Hil.



TAHNIAH Isteri Pegawai Daerah Belait, Datin Hajah Rupiah binti Hussin menyampaikan hadiah kepada pemenang keseluruhan, Sharifah Fauza Wan Hil.



KETUA Pegawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh menyampaikan hadiah kepada pemenang pertama Bengkel Tulisan Jawi Kategori Kanak-kanak, Woo Wai Munn.

Penglibatan aktif sektor swasta perlu bagi pendidikan

SERIA, 6 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata, bagi meningkatkan sistem pendidikan negara dan latihan, adalah penting bagi setiap institusi pendidikan di negara ini memberikan sumbangan kepada pertumbuhan dan perkembangan sosioekonomi dan rohani.

Yang Berhormat menegaskan sumbangan tersebut amat penting bagi kemajuan sumber tenaga manusia.

Menteri Pendidikan, berucap demikian di Majlis Sambutan Ulang Tahun Jubli Emas Penubuhan Sekolah Saint Michael di sini.

Yang Berhormat berkata, untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan pendidikan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mahu penglibatan yang lebih proaktif sektor swasta terutama dalam menggalakkan pendidikan dan latihan yang lebih berkesan.

Sehubungan itu, Yang Berhormat melihat sekolah-sekolah swasta berperanan penting sebagai pelengkap kepada sekolah-sekolah kerajaan. Dari itu Yang Berhormat berharap

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

organisasi-organisasi swasta dan institusi pendidikan akan tampil ke hadapan bagi membantu Kementerian Pendidikan dalam memberikan perkhidmatan pendidikan dan latihan yang berkualiti.

Sekolah tersebut mula dibuka rasmi pada tahun 1955 dan merupakan sebuah sekolah tertua di negara ini. Penubuhannya ketika itu bagi menempatkan anak-anak pekerja Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) melanjutkan pelajaran mereka dan ketika ini lebih banyak lagi anak tempatan khususnya anak Melayu belajar di sekolah tersebut.

Pengetua sekolah berkenaan, Vincent Sumping menjelaskan sistem pendidikan sekolah dan pencapaian di peringkat nasional. Beliau menambah, sebagai sebuah sekolah swasta, Sekolah Saint Michael telah melaksanakan Sistem Pendidikan 2003 selaras dengan garis pandu Kementerian Pendidikan.

Katanya, sekolah tersebut juga mengikuti bilangan mata pelajaran yang ditawarkan termasuk menerapkan mata pelajaran Melayu Islam Beraja

(MIB) di peringkat menengah, selain itu ianya juga memperolehi pencapaian terbaik dalam keputusan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi tempoh tiga tahun kebelakangan.

Di kejohanan olahraga antara sekolah-sekolah pula, katanya, sekolah itu juga menang dua kali berturut-turut pada tahun 2002 dan 2003. Beberapa orang bekas pelajar sekolah itu kini ada yang memegang jawatan penting sama ada di sektor kerajaan dan swasta.

Hampir 80 peratus dari lebih 300 pelajarinya kini terdiri dari anak-anak Melayu yang belajar dari Taman Asuhan sehingga ke Tingkatan Enam. Sekolah itu akan terus meningkatkan kualiti prasarana, kemudahan dan program pendidikan pada tahun-tahun akan datang.

Selain itu sekolah itu juga akan terus memberi sumbangan ke arah memperkembangkan tahap kualiti pendidikan di negara ini. Pelbagai program dan kegiatan diatur sempena sambutan tersebut termasuk pameran mengenai sejarah dan pencapaian sekolah.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman memotong kek sempena sambutan ulang tahun Jubli Emas penubuhan Sekolah Saint Michael (kiri). Sementara gambar kanan, Menteri Pendidikan semasa merasmikan sambutan ulang tahun Jubli Emas penubuhan sekolah tersebut.



Belia sertai aktiviti khairat sambil beriadah

LUMUT, 31 Julai. - Para belia yang menyertai aktiviti khairat dan riadah Belia-belai Gemilang selama dua hari anjuran Ahli Jawatankuasa Tertinggi Masjid Pekan Seria telah menerima sijil mereka daripada tetamu kehormat,

Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali bin Matyassin.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil diadakan di Taman Rekreasi Anduki. Aktiviti sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Ke-

bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 peringkat Daerah Belait dilancarkan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh berlangsung di Masjid Pekan Seria.

Seramai 30 orang belia mewakili pelbagai sekolah dan perseorangan menyertai aktiviti dengan mendengar beberapa ceramah dan pembentangan kertas kerja antaranya 'Al-Quran dan Sains Astronomi: Suatu Kajian Ringkas' disampaikan oleh Imam Masjid Pekan Seria, Muhd. Zulhilmi bin Muhd. Jefri, ceramah khas dari Pusat Kesihatan Kuala Belait bertajuk 'Bahaya Rokok dan Kesannya Pada Kesihatan' dan 'Peranan dan Fungsi Penghulu dan

Ketua Kampung' disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Jabatan Daerah Belait, Awang Haji Sueb Rizal bin Haji Abdul Malek.

Di samping itu, para peserta juga menunaikan sembahyang fardu dan hajat berjemaah serta melihat jirim bulan secara dekat menggunakan teropong berkuasa tinggi sambil mendengar penerangan mengenai ilmu kaji bintang Ijmal Shina At-Tanjim (Seni Astronomi) disampaikan oleh Imam Masjid Pekan Seria.

Para peserta juga mengikuti halaqah memperingkatkan menuju ketakwaan dan Sembahyang Sunat Witir, membaca Ratib Al-Athas beramai-ramai serta Perkumpulan Bicara Hati dan Penglipur Lara di samping melakukan senaman pagi.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali bin Matyassin menyampaikan sijil kepada seorang belia yang menyertai aktiviti khairat dan riadah.

Para peserta tunjukkan kreativiti melalui pertandingan

KUALA BELAIT, 4 Ogos. - Sebanyak 29 penyerta Pertandingan Pintu Gerbang dan Hiasan Bercucuk Rumah-rumah dan Bangunan sempena sambutan ulang tahun Hari Kepu-

teraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 bagi Daerah Belait.

Pengerusi Jawatan-

kuasa Pertandingan, Awang Hamdan bin Haji Abdul Latip menyatakan kategori sekolah bukan kerajaan dan jabatan kerajaan mendapat sambutan menggalakkan jika dibandingkan tahun-tahun lepas.

"Insya-Allah tahun akan datang pihak penganjur akan membuat peningkatan dan penambahan kategori balai ibadat," katanya di Majlis Penyampaian Hadiah yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Pertandingan anjuran Jabatan Perkhidmatan Elektrik dibahagikan kepada tujuh kategori. Kategori A bagi sekolah rendah kerajaan; B bagi sekolah menengah kerajaan dan maktab; C bagi sekolah bukan kerajaan; D bagi persatuan, kedai dan syarikat; E bagi jabatan kera-

jaan; F bagi rumah persendirian dan G bagi rumah kerajaan.

Beliau menjelaskan tatacara penghakiman mengikut kreativiti lampu cucuk 30 peratus, reka bentuk 25 peratus, tulisan 15 peratus, kebersihan lima peratus dan keselamatan 10 peratus. Dalam hubungan itu beliau berharap peserta yang tidak berjaya supaya akan dapat mempertingkatkan lagi usaha terutama dari segi kreativiti reka bentuk lampu cucuk kerana peratus pemarkahannya sangat tinggi.

Johan kategori B, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan di tempat ketiga Maktab Anthony Abell; johan kategori C pula, Sekolah Saint John; naib johan, Sekolah St. James dan di tempat ketiga, Sekolah Saint Michael. Johan kategori E, Balai Bomba

Kuala Belait; naib johan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan di tempat ketiga, Balai Polis Seria.

Sementara johan kategori F, Haji Adnan bin Haji Dullah; naib johan, Hajah Saidah Tafa dan di tempat ketiga, Mahmud Bungsu; manakala johan kategori G, Saudah Abdullah; naib johan, Sainah Mohd. dan di tempat ketiga, Hassan Ahmad.

Johan setiap kategori menerima piala rebutan berserta piala iringan, sijil penyertaan dan wang tunai \$350.00; manakala naib johan menerima piala iringan, sijil penyertaan dan wang tunai \$300.00 dan tempat ketiga menerima piala iringan, sijil penyertaan dan wang tunai \$250.00.

Hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat,

Timbalan Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali. Antara yang hadir di majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Md. Yussuf bin Bakar dan Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali bin Matyassin.

Pengerusi Jemaah Hakim, Malai Hassan bin Malai Haji Othman ketika mengulas mengenai kuangnya penyertaan dalam beberapa kategori tertentu disebabkan beberapa perkara antaranya kekurangan peruntukan dan tenaga mahir.

Sehubungan itu, pihaknya berharap di tahun-tahun akan datang masalah seumpama itu akan berkurangan dan lebih ramai yang turut serta dalam per-

tandingan tersebut bukan sahaja dapat menunjukkan kreativiti tetapi juga bagi menimbulkan suasana gemilang di musim perayaan Hari Keputeraan baginda.

Dalam pada itu juga diharapkan lebih ramai lagi penduduk dan rakyat serta masyarakat peniaga dan individu yang berkemampuan memberikan sokongan dan menghulurkan bantuan dalam bentuk tajaan kepada peserta seperti sekolah rendah dan menengah.

Menyentuh mengenai format penghakiman, beliau menyatakan, pertandingan tahun ini agak berbeza dari tahun sebelumnya dengan menaikkan markah penuh bagi bahagian keselamatan dengan tujuan untuk membudayakan keselamatan diutamakan.



TIMBALAN Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali menyampaikan hadiah kepada johan kategori B, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah.

Bangunan baru Pusat Pemulihan Belia

Oleh Noor Khadijah Tengah



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menuang simen di Majlis Perletakan Batu Asas Bangunan Pusat Pemulihan Belia yang terletak di Kampong Belimbing. - Gambar oleh Ramli Tengah.

SUBOK, 8 Ogos. - Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pagi ini mengadakan Majlis Perletakan Batu Asas Bangunan Pusat Pemulihan Belia lelaki dan perempuan di sebuah kawasan dengan keluasan 20 ekar bertempat di Kampong Belimbing, di sini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud hadir selaku tetamu kehormat majlis seterusnya memulakan perletakan batu asas bagi bangunan baru tersebut.

Projek pembinaan bangunan tersebut adalah projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 dengan peruntukan \$20 juta yang mana pusat tersebut telah

dimulakan pembinaannya pada 28 September 2004 dan dijangka siap pada 27 Mac 2006.

Pembinaan pusat tersebut adalah bertujuan bagi menempatkan mereka yang bermasalah sosial dan jenayah di kalangan remaja di mana pusat tersebut akan mengadakan beberapa program dan aktiviti yang akan disediakan yang berorientasikan pembentukan akhlak mulia untuk remaja serta penerapan nilai disiplin bagi melahirkan belia berawas.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal; Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Adina binti Othman serta ketua-ketua dan pegawai-pegawai kanan di kementerian tersebut.

Penggunaan internet bantu Pegawai Perhubungan Awam

Oleh Refa'ah Ali Osman

BERAKAS, 4 Ogos. - Perhubungan Awam merupakan salah satu tugas atau tanggungjawab yang amat penting dalam memberikan informasi yang tepat kepada orang ramai serta menjaga imej dan nama baik kerajaan.

Perkara ini dijelaskan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis Seminar dan Bengkel Perhubungan Awam - Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed.

Seminar yang berlangsung selama sehari itu mengundang seorang konsultan dari Malaysia, Encik Razak Abu Bakar bagi membentangkan kertas kerja yang bertajuk 'Penggunaan Internet Dalam Perhubungan Awam' dan 'Covert Public Relation'.

Menurut Encik Razak, penggunaan internet pada masa ini akan dapat menjamin dan membantu Pegawai Perhubungan Awam dalam memberikan informasi yang tepat dan

berkesan kepada orang ramai selain dapat membantu kita berkomunikasi dengan cepat.

Melalui penggunaan internet akan dapat mempercepatkan lagi proses penyebaran maklumat yang ingin diberikan kepada masyarakat selain ianya dapat membantu kita mencari bahan atau maklumat yang kita perlukan, jelasnya lagi.

Menurutnya lagi, dengan mengamalkan penghantaran maklumat melalui internet akan dapat menjadikan Perhubungan Awam sebagai sebuah industri yang mantap dan berkesan dalam memberikan maklumat.

Tugas ABDB semakin berat dan meluas

PENANJONG, 5 Ogos. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), sebagai benteng pertahanan negara mempunyai tugas yang semakin berat dan meluas pada dunia sekarang serta akan datang yang kini sentiasa bergolak.

"Cabaran-cabaran terhadap keselamatan dan keamanan juga datang dari pelbagai bentuk seperti jenayah lintas sempadan yang termasuk keganasan," jelas Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata, pendekatan yang diambil oleh Kementerian Pertahanan, melihat isu keselamatan adalah dari sudut menyeluruh.

Tambahnya, pendekatan itu menghendaki semua pihak untuk sama-sama melihat kepentingan keadaan di arena serantau khususnya, kerana keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara sangat berkait rapat dengan keadaan luar negara.

Beliau menyatakan perkara itu ketika berucap di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Pengambilan Rekrut Lelaki Ke-127 dan Wanita Ke-46 di Padang Kawad Institut Latihan ABDB di sini.

Dalam hubungan itu menurut beliau, inisiatif Kementerian Pertahanan mengambil berat mengenai hal-hal seperti itu yang terkandung dalam Kertas

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

Putih Pertahanan 2005 dan Perancangan Strategik adalah sangat bertepatan dengan situasi semasa.

"Negara dan rakyat menyambut baik dan berbangga atas penglibatan ABDB dalam sama-sama menyumbang ke arah usaha mewujudkan keamanan dan keselamatan serantau, seperti penglibatan dalam pasukan pengawas antarabangsa di Mindanao dan peranannya bersama-sama agensi-agensi kemanusiaan bagi bencana Tsunami di Aceh, semua usaha ini telah memenuhi tuntutan ke atas negara kita sebagai anggota masyarakat antarabangsa," jelasnya.

Begitu juga penglibatan dalam bidang-bidang baru yang berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan, seperti industri pertahanan, kegiatan pengamanan dan kemanusiaan merupakan langkah-langkah yang berpatutan.

Ini ditambah lagi dengan rangkaian kerjasama yang dijalin oleh ABDB dengan angkatan tentera negara-negara sahabat dalam hal-hal keselamatan akan dapat meningkatkan kefahaman dan saling mempercayai selaras dengan dasar luar negara yang mendukung usaha-usaha serantau seperti Forum Serantau ASEAN (ARF) dan isu-isu sejagat yang melibatkan kepentingan pertahanan.

Di majlis itu beliau juga menyampaikan hadiah rekrut terbaik keseluruhan lelaki kepada Mohammad Hafifi bin Haji Abu Bakar; penembak terbaik M16A2, Hamdani bin Haji Abdul Rahman; penembak terbaik HBAR, Mohd. Azrol Haji Awang Aji; terbaik latihan jasmani, Abd. Halim bin Haji Mohammad dan jurulatih terbaik, Koperal Zakaria Ibrahim.

Sementara itu, rekrut wanita terbaik juga menerima hadiah dari tetamu kehormat. Mereka ialah Serinorhaty binti Haji Lamat, terbaik keseluruhan; Noor Ismawati Pusa, penembak terbaik M16A2; kawad terbaik, Nurazimah binti Abd. Latif; latihan jasmani terbaik, Hajah Noor Dina binti Haji Othman dan jurulatih rekrut wanita terbaik, Shahrina Adyati binti Mohd. Julaihi.

Seramai 179 rekrut lelaki dan 38 rekrut wanita tamat latihan hari ini termasuklah enam orang bakal Pegawai Kadet Lelaki dan lima Pegawai Kadet Wanita.

Pegawai-pegawai Kadet tersebut menerima kenaikan pangkat mereka dari Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi di Mes Pegawai Penanjong Garison.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail ketika hadir di Majlis Seminar dan Bengkel Perhubungan Awam - Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-59 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.

Rajin, tekun kunci kejayaan Mohd. Hafifi dan Serinorhaty

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

PENANJONG, 5 Ogos. - Mempunyai sifat rajin, bekerjasama dan memiliki semangat berpasukan yang tinggi membuatkan Mohammad Hafifi bin Haji Abu Bakar terpilih menjadi rekrut lelaki terbaik keseluruhan pengambilan ke-127 oleh Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Menurut penjelasannya, beliau telah mempamerkan suatu kebanggaan di mana telah berjaya memperoleh purata 90 peratus dalam semua mata pelajaran dan mendapat peratus tertinggi dalam ujian semboyan.

Ketika menjalani latihan, tambahnya, beliau juga merupakan seorang yang

aktif dalam bersukan dan kegiatan Al-Quran, dikir dan keagamaan yang lain.

Mohammad Hafifi berasal dari Kampong Tungku, Gadong, lahir pada Ogos 1982 berusia 22 tahun.

Memperolehi pendidikan awal di Sekolah Rendah Tungku sebelum meneruskan pelajaran ke Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanul Bol-kiah (SMALHB) dengan berjaya mendapat Sijil Tinggi Pelajaran Ugama (STPU).

Sementara itu rekrut wanita terbaik, Serinorhaty binti Haji Lamat dari pengambilan ke-46 memberitahu bahawa dirinya

terpilih kerana memiliki keperibadian yang baik dan berjaya memperoleh peratus yang tinggi dalam semua pelajaran baik bagi teori mahupun amali.

Semasa menjalani latihan selama tiga bulan beliau telah memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam semua mata pelajaran dan latihan yang diajarkan di samping memiliki tahap disiplin yang tinggi dan hormat kepada pegawai atasan dan rakan sebaya.

Berkat kerajinan dan ketekunan dirinya mudah

baginya menerima apa jua yang diajarkan sehingga membolehkan menjalani latihan tanpa sebarang masalah.

Selain itu, jelas beliau, dengan mempunyai tahap ketahanan jasmani yang tinggi beliau juga telah melihatkan mutu kawad yang terbaik ketika berlatih.

Moto beliau adalah sentiasa bersifat positif, bekerja keras dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan yang diberikan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap II Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam ketika menyampaikan piala kepada pasukan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna yang muncul johan dalam Pertandingan Nasyid. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Perkhidmatan Awam yang baik, berkesan amat diperlukan

RIMBA, 3 Ogos. - Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dato Paduka Dr. Haji Ismail berkata, Negara Brunei Darussalam sangat-sangat memerlukan Perkhidmatan Awam (PA) yang baik dan berkesan dalam pembangunan.

Katanya, dalam suasana yang mengalami perubahan sama ada yang dibawa dari luar mahupun wujud disebabkan proses evolusi seperti perubahan demografi seperti bertambahnya penduduk akan mempengaruhi dan menghendaki paradigma sesuai ataupun pendekatan berbeza yang lebih baik dan berkesan dalam melayani dan menyediakan PA.

Tidak syak lagi adalah satu bentuk cabaran yang pasti dihadapi dan ditangani, jelas Naib Canselor UBD ketika menekankan perkara tersebut semasa merasmikan Program Pembangunan Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Peringkat Pertengahan 2005 di Dewan Senat, UBD di sini.

Dato Paduka Dr. Haji Ismail menjelaskan pegawai pertengahan merupakan salah satu komponen yang sangat fundamental dan berperanan bukan saja mengawasi dan memastikan pelaksanaan perkhidmatan yang dijalankan oleh kakitangan bawah mereka juga berfungsi bagi menerima input dan feedback dari mereka untuk disampaikan kepada pihak atasan bagi penggubalan mahupun pengubahsuaian dasar yang sejajar dengan kehendak masa dan pelanggan.

Melalui cara ini, tegasnya, mungkin perkhidmatan akan lebih berwujud dan digalati, di samping dapat 'justified' perbelanjaan tahunan yang diluluskan.

Kerana itu beliau merasakan program yang dikendalikan ini sangat berkesan dan perlu diteruskan bagi tujuan meningkatkan kesedaran dan keberkesanan pegawai da-

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

lam menangani suasana dinamik dan sering berubah.

Selain itu, program ini juga akan dapat memberikan nilai tambah kepada pegawai yang mengikutinya dalam bentuk bukan saja ilmu pengetahuan terkini daripada fasilitator yang terlibat tetapi juga nilai tambah yang diperoleh semasa para pegawai berinteraksi antara satu sama lain.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan kursus yang dikendalikan oleh Fakulti Pengajian Perniagaan, Ekonomi dan Dasar UBD merupakan kali ketiga diadakan.

Program yang mula diperkenalkan sejak 2003 akan berjalan selama lapan minggu bermula 1 Ogos lalu dengan disertai seramai 22 orang pegawai dari Bahagian I dan II yang memegang jawatan Timbalan atau Penolong Ketua Jabatan serta pegawai kanan di kementerian-kementerian.

Awang Haji Mohammad Taib, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah PA terdahulu menerangkan bahawa program tersebut terbahagi kepada tiga bidang

utama iaitu Pentadbiran dan Pengurusan Awam, Kemajuan dan Pengurusan Projek dan Memperkasakan Kemahiran Pengurusan.

Antara lain program tersebut diadakan adalah untuk memperlengkapkan diri peserta untuk memenuhi kehendak dalam meningkatkan kemahiran khususnya dalam bidang pengurusan dan pentadbiran awam yang mana merupakan kunci utama pelaksanaan dasar kerajaan.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dato Paduka Dr. Haji Ismail berucap merasmikan Program Pembangunan Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Peringkat Pertengahan 2005. Majlis berlangsung di Dewan Senat UBD. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

85 pelajar khatam Al-Quran

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

MULAUT, 14 Ogos. - Seramai 85 pelajar Darjah VI Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam yang terdiri dari 42 pelajar lelaki dan 43 pelajar perempuan menyertai Majlis Khatam Al-Quran bagi tahun 1426 Hijrah/2005 Masihi berlangsung di dewan sekolah tersebut.

Pada tahun ini seorang murid di bawah umur 10 tahun yang telah ditasmik bacaannya dalam proses Skim Galakan Khatam Al-Quran di bawah 10 tahun

anjuran Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Unit Al-Quran jabatan tersebut juga disertakan sama oleh pihak penganjur.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Kementen-

Pelajar diseru bersifat proaktif

Oleh Siti Seri Leila Imelda
Farrah Zohre Haji Abdullah

LAMBAK, 1 Ogos. - Tanpa bimbingan yang rapi pelajar-pelajar akan mudah terpengaruh kepada pelbagai gejala dan fahaman yang bertentangan dengan norma-norma atau nilai-nilai hidup keislaman bermasyarakat dan bernegara.

Timbalan Setiausaha Tetap II Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matar-sat berucap demikian di Pertandingan Nasyid dan Lagu Dakwah Antara Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Ke-19 yang berlangsung di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna di sini.

Beliau menambah semua pihak perlu berusaha mencari jalan untuk mengisi masa anak-anak remaja dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah serta menguntungkan diri mereka sendiri dan orang-orang yang berada di sekelilingnya.

Sehubungan dengan itu sesebuah sekolah memainkan peranan penting dalam menyusun aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan komprehensif serta diminati oleh para pelajar dalam mempersiapkan diri mengharungi kehidupan yang serba mencabar.

Menurutnya lagi dengan adanya program yang berstruktur, pihak sekolah akan lebih mudah memantau pelaksanaan dan perkembangannya serta menilai keberkesanan aktiviti-aktiviti yang diadakan.

Sebagai pendidik haruslah mempunyai minda yang terbuka dan membuka peluang berbincang bersama ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sekolah masing-masing, manakala peranan guru-guru di sekolah bukanlah terhad kepada mengajar dan menyampaikan ilmu pengetahuan dalam bidang akademik, tetapi juga meliputi perkembangan aspek aspek pembentukan akhlak, kemahiran dan bakat serta apa yang diharapkan ialah para pelajar akan dapat dibentuk menjadi insan yang seimbang dari segi akli, rohani dan jasmani.

"Kepada para pelajar pula, adalah diharap supaya sentiasa peka dan bersifat proaktif dalam usaha untuk memperkembangkan dan memajukan diri sama ada secara formal atau tidak formal. Para pelajar perlulah mendisiplinkan diri dan berusaha untuk menghindarkan diri daripada gejala-gejala yang berunsur negatif yang boleh merosakkan masa depan para pelajar," jelasnya.

Beliau juga menasihatkan agar menyayangi diri sendiri dan jaga nama baik serta maruah ibu bapa, keluarga, sekolah, bangsa dan agama, di samping rajin belajar dan penuhilah masa yang terluang dengan aktiviti-aktiviti yang

berfaedah dan diredai Allah.

Pertandingan berke-naan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Nasyid bagi peserta perempuan, Lagu Dakwah bagi peserta lelaki. Pada tahun ini sebanyak 34 buah sekolah menyertai pertandingan tersebut dan 10 pasukan telah layak ke peringkat akhir.

Pertandingan bagi bahagian Lagu Dakwah dimenangi oleh Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar yang membawakan lagu 'Brunei Makmur Sejahtera' dengan markah 89.5 peratus, manakala naib johan membawa lagu 'Iman dan Taqwa' disandang oleh Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassan Bolkiyah memperoleh 84.5 peratus.

Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan pula mendapat tempat ketiga, sementara Institut Tahfiz

Al-Quran Sultan Haji Hassan Bolkiyah dan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong masing-masing di tempat keempat dan kelima.

Johan bahagian Nasyid pula dimenangi oleh Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna yang membawakan lagu 'Keagungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam' dengan markah 88.5 peratus, manakala pasukan yang membawakan lagu 'Titih Belajar' dari Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassan Bolkiyah dengan 85.5 peratus di tempat kedua.

Sementara itu Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit memperoleh markah 82 peratus sekali gus menempatkan mereka di tempat ketiga, manakala Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Jerudong dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah masing-masing di tempat keempat dan kelima.

Majlis Ta'lim dapat sambutan menggalakkan

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, 6 Ogos. - Persatuan-persatuan wanita di negara ini memberikan sambutan yang menggalakkan pada Majlis Ta'lim yang dianjurkan oleh Bahagian Kursus dan Bimbingan Wanita, Pusat Da'wah Islamiah sebagai lanjutan Program Usrah Pendekatan Agama yang kurang mendapat sambutan.

Menurut Ketua Bahagian Kursus dan Bimbingan Wanita, Dayang Hajah Norzainah, perubahan pendekatan ini terpaksa dibuat memandangkan program usrah sebelum ini kurang mendapat sambutan.

Jelasnya, sejak Majlis Ta'lim dimulakan sambutanannya di luar dugaan malahan persatuan-persatuan yang menyertainya menginginkan kuota ditambah dari empat orang setiap persatuan kepada jumlah yang ramai.

"Permintaan itu tidak dapat kita penuhi kerana ruang mengadakan majlis sangat terhad dan demi memenuhi permintaan itu masa sesinya ditambah pada dua bulan sekali," tambahnya.

Beliau memberitahu wakil PELITA BRUNEI ketika diminta mengulas mengenai Majlis Ta'lim tersebut pagi tadi di pejabatnya di sini.

Akan tetapi program usrah masih lagi diteruskan yang pada masa ini bersama Persatuan Pandu Puteri sehingga penghujung bulan

Ogos nanti, katanya.

Program usrah secara amnya lebih memberikan bimbingan agama kepada sesebuah persatuan wanita, manakala Ta'lim pula dijalankan dengan menjemput empat orang wakil dari setiap persatuan dan lebih kepada sesi perbincangan dua hala.

Sesi itu lebih menarik kerana sambutanannya yang hangat dengan memberikan kesempatan bertanya apa jua yang perlu dibincangkan tanpa sebarang batasan dari hal masalah wanita hinggalah rumah tangga.

Tambahnya, objektif Ta'lim ialah bagi meningkatkan pengetahuan ajaran Islam kepada ahli-ahli persatuan wanita di negara ini supaya mereka lebih berkeyakinan dalam melaksanakan ibadat harian, di samping menjana minda para wanita mengenai hak-hak mereka menurut syariat Islam.

Bagi sesi pertama ini ia dihadiri oleh 60 orang perwakilan dari 15 persatuan wanita yang mendaftar dan dibahagikan kepada dua kumpulan di mana setiap kumpulan terdiri dari 30 orang dengan menjalankan sesi Ta'lim lebih dua jam dengan tajuk perbincangan Sembahyang Sunat, Jamak dan Qasar, Masbuk dan Muafik.

Majlis kedua akan diadakan pada bulan Oktober nanti.

FIRMAN Allah Taala dalam Surah Al-Ra'd ayat 11, tafsirnya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, bermaksud: "Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging yang apabila ia baik, baiklah seluruh jasad. Sebaliknya apabila ia buruk, buruklah seluruh jasadnya. Daging itu ialah hati." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud: "Setiap daging yang tumbuh (dibina) dari hasil-haram, maka Neraka adalah lebih utama baginya." (Hadis riwayat At-Tirmizi dari Ka'ab bin 'Ajr - Hadis Hasan).

Sabda Baginda lagi bermaksud: "Hati seseorang itu ditimpa (dibentuk) oleh makan minum."

Islam adalah agama yang memerintahkan umatnya bekerja dan melarang menganggur. Bahkan bekerja adalah bertujuan untuk mencari nafkah yang halal untuk diri sendiri, keluarga dan orang yang di bawah tanggungan adalah wajib. Makan minum memberi kesan kepada pembentukan peribadi seseorang Muslim.

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud: "Mencari yang halal adalah fardu atas setiap Muslim." (Hadis riwayat Ibnu Abdil Bar dari Ibnu Mas'ud).

"Umat Islam berkewajipan untuk berfikir dan bertindak sesuai dengan sikap dan petunjuk Baginda ini, kerana bekerja dan berusaha untuk mencari rezeki adalah merupakan suatu tuntutan agama yang perlu dilaksanakan. Golongan belia, khususnya yang berilmu dan mempunyai kemahiran, mestilah bergerak dan berusaha dengan sepenuh tenaga untuk mengisi peluang-peluang pekerjaan mencari rezeki yang halal lagi bersih." (Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1426H).

Cabaran ekonomi kepada golongan belia berhubung kait dengan tahap pendidikan dan kemahiran yang diperolehi, di samping sikap yang terdapat dalam diri belia itu atau mekanisme lain.

Dari segi pengangguran sebagai contoh, hampir semua kita mengatakan bahawa belia-belia kita memilih kerja. Mungkin ini ada kebenarannya, namun persoalan dan punca mengapa belia itu memilih kerja tidak dicari jawabannya (mungkinah sistem pendidikan kita perlu dinilai semula?). Kemudian kita juga sering dimomokkan dengan kata-kata bahawa belia kita tidak mahu berusaha atau berdikari sendiri dalam pekerjaan. Mungkin ini ada kebenarannya, namun persoalan dan punca mengapa sikap demikian ini terlekat pada belia-belia berkenaan tidak dicari jawabannya. Mungkin ada usaha ke arah itu namun resolusinya belum ditemukan atau dibuat. Kerana masing-masing kita percaya dan yakin isu ini adalah masalah global dan tidak ada yang seharusnya kita khuatirkan sehingga kita tidak boleh makan tidur siang malam. Tetapi mengikut pemerhatian rambang kita, masalah pengangguran bukan sahaja terjadi kepada generasi belia, malah kini merupakan fenomena atau isu semua peringkat manusia. Belia muda, dewasa dan orang tua. Apa hal orang dewasa yang dibuang kerja atau berhenti kerja? Apa hal orang yang bersara wajib atau dipersarakan? Apa pula halnya mereka yang menjadi mangsa 'retrenchment' dan pekerja syarikat atau kilang yang gulung tikar? Dan warga emas yang hanya bergantung harap kepada bantuan pencen tua dan bantuan kebajikan masyarakat? Bukankah mereka juga komponen penganggur?

Kita sering juga mendengar bahawa pihak kerajaan sudah membuat belia-belia kita untuk memperoleh kemahiran dan mungkin memberi pinjaman dan peluang untuk menjadi usahawan kecil atau sederhana, tetapi kata mereka belia-belia yang ber-

**MINDA KREATIF:
BERFIKIR & MENJADI
MAKMUR! 'TIADA ALASAN
MENGANGGUR' - Titah**

**MASIH MENGANGGUR @
MENCARI PEKERJAAN?
ATAU BISKITA PESARA
MENGANGGUR?
DAIL KOD 9 : 10**

kenaan telah gagal, realitinya begitu, namun persoalan dan punca mengapa hal ini terjadi tidak dilihat dan dipisi secara tuntas oleh pihak-pihak yang berkenaan. Adakah mereka seperti pelepasan pelari maraton yang tidak ada 'finishing line'nya? Mereka dibiarkan berlepas setelah 'majlis pelancaran' tetapi tidak ada pementasan, pemedulian dan bimbingan 'ikhlas'.

Dalam kitab Faidhul Qadir, Syekh Al-Manawi berkata: "Orang yang menganggur, dilihat pada zahimnya ia menganggur. Tetapi pada hakikatnya syaitan telah bertapak dan beranak pinak di dalam hatinya. Seorang yang hidup tanpa membuat sebarang pekerjaan yang bermanfaat, sedang ia mampu, maka hidupnya tidak bererti (sia-sia)."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dalam Titah Khas ke seluruh negara sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1426H/2005M, supaya usaha segera diambil untuk mengenal pasti punca sebenar masalah pengangguran di negara ini.

Baginda dengan jelas bertitah menyentuh dua isu utama mengenai pengangguran di negara ini, iaitu sama ada ia berpunca daripada masalah kurangnya peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada anak tempatan atau kerana sikap mereka sendiri.

Baginda bertitah statistik tahun 2004 menunjukkan jumlah anak tempatan yang berdaftar mencari pekerjaan ialah 7,784 orang sedangkan dalam masa yang sama, terdapat 75,273 orang pekerja asing di negara ini. Berdasarkan statistik tersebut, sepatutnya tidak berlaku pengangguran di kalangan anak-anak tempatan di negara ini.

Baginda juga dengan tegas bertitah bahawa kerajaan baginda telah memberikan peluang kepada semua golongan untuk memperoleh kemahiran bekerja dan pengalaman berusaha yang dapat meningkatkan mobiliti mereka. Ini merupakan pelaburan penting dan dapat memberikan manfaat secara keseluruhan. Dengan pelbagai peluang itu, adalah tidak terluar sukar untuk memperoleh kemahiran bekerja serta pengalaman berusaha yang diperkenalkan oleh kerajaan, sama ada usaha ini mencapai matlamat atau tidak tergantung juga pada sikap individu itu sendiri. Jika benar antara sebab pengangguran itu berpunca daripada sikap individu, maka adalah perlu ia

SOAL HATI DAN PERASAAN 'IKUT RASA BINASA IKUT HATI MATI'

OLEH KALAM FIRDAUS

kan Brunei hari ini untuk diwarisi oleh generasi akan datang? 1001 persoalan yang 'membaji' otak, minda dan sikap kita selaku 'orang Brunei'. Adakah benar samboyan 'Brunei Yakin' itu sikap dan mentaliti kita? Atau cuma sebagai laungan 'retorik' yang 'menang sorak kampung terdawai' tanpa 'modus operandi' yang berkesan. Kalaupun 'sikap', 'mentaliti' dan 'keupayaan bangsa Brunei' hari ini tidak digilap, tidak ditandai dan tidak 'diacuankan' dengan Islam (Al-Quran dan Al-Sunnah), nilai-nilai luhur, Calak Brunei, Calak MIB, 'keupayaan bangsa Brunei' tidak akan ke mana.

Bersempena dengan sukut baik dan tabarruk titah baginda ini, tersirat satu pengajaran daripada yang tersurat iaitu 'Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai 'role model' yang unggul' untuk menyelesaikan permasalahan 'global' dan 'isu berbangsa dan bernegara' bagi Negara Brunei Darussalam, khususnya.

Tema ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-21 tahun 2005: 'Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa' yang didasari oleh kata 'mandiri' yang perlu dikuatkan atau diperkasa ke suatu tahap kesatuan dalam 'esprit de corps' bangsa. Upaya ini mesti dilakukan secara bersepadu: di semua peringkat kehidupan dan khusus dalam bidang pendidikan di institusi-institusi pendidikan. Para belia perlu dibiasakan dengan sikap serta semangat mandiri agar mereka dapat merasakan 'nikmat' hasil titik peluh membanting tulang sendiri di ladang-ladang, di sawah padi, melawan badai dan pukulan ombak di samudera. Dengan berbekalkan semangat mandiri, mereka berupaya menguasai ICT dan tidak terus menerus bertongkat kepada konsultant-konsultant asing. Adalah tidak cukup dengan cuma memiliki patriotisme yang membuak-buak; dengan gandingan semangat mandiri, semangat patriotik akan lebih bermakna, lebih kental, tahan pukul dalam persaingan kehidupan. Natijahnya, upaya memperkasa semangat mandiri secara bersepadu akan melahirkan bangsa mandiri yang tahan diuji zaman.

Proses dan mekanisme untuk menyelesaikan permasalahan atau 'isu pengangguran' di kalangan masyarakat dan bangsa 'Brunei', sebenarnya tidaklah dapat diungkai dan diselesaikan dalam sekelip mata atau masa sehari dua. Ia sudah pasti memerlukan proses dan mekanisme yang agak lama dan panjang. Ibarat hendak menghasilkan buah yang berkualiti tinggi, maka wajib bermula dari benih yang baik, benih yang baik pula berasal dari buah yang baik, buah yang baik berasal dari pohon yang baik dan pohon yang baik bersumber dari persekitaran, penjagaan dan pemilih yang terbaik dan hasilnya adalah terbit daripada usaha, iktidar dan 'ketentuan' Allah Subhanahu Wataala. Dan Allah Taala telah berfirman dalam Surah Al-Ra'd ayat 11, tafsirnya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri." Dan Firman Allah Taala lagi

SIRI PERTAMA

dalam Surah Al-'Asr ayat 1 - 3, tafsirnya: "Demi masa, sesungguhnya manusia benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat-menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya menetapi kesabaran."

Proses dan mekanisme itu pula boleh diungkai dalam bingkai waktu yang berbeza. Sama ada kita inginkan masa pendek (jangka masa pendek), iaitu konsep 'work smart' seperti proses menanam sayur 'tauge' cuma memakan masa sehari dua, masa sederhana (jangka masa sederhana), seperti proses menanam sayur daun dan buah cuma memakan masa beberapa bulan atau jangka masa lama (jangka masa panjang) seperti menanam pohon durian atau pelaburan dalam bidang 'pelajaran formal' bagi anak-anak. Semua proses dan mekanisme ini berhubung rapat antara satu sama lain dalam usaha kita 'membaiki' pengangguran masyarakat dan bangsa Brunei.

Zaman berubah. Seawal tahun 1970-an hingga akhir 1980-an Negara Brunei Darussalam begitu 'sinonim' dengan gelaran dan nama timangan 'Orang Brunei Kaya' dan 'Negara Brunei Kaya' disebabkan hasil minyak dan gas. Tambahan pula rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam belum begitu ramai dan kemasukan warga dan pengaruh luar masih terhad. Dan kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam aman sejahtera. Situasi mulai berubah apabila Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan dan membuka pintu hubungan dengan negara luar. Maka mencurah-curahlah pakar, profesional dan buruh dari luar negara mengisi kekosongan pelbagai bidang yang sesuai dengan kepakaran dan kepandaian mereka. Anak peribumi yang leka dan alpa tentang cabaran kehidupan dan nasib berbangsa serta bernegara sebelum ini seperti menerima kejutan dan persaingan yang mengugat kestabilan sosio-ekonomi negara dan bangsa.

Ambang abad ke-21 menyaksikan ekonomi dunia mengalami kegawatan ekonomi serta krisis kewangan yang melanda kebanyakan negara di Asia. Paling mengejutkan ialah sebahagian negara yang terlibat adalah terdiri dari negara yang sebelumnya dinobatkan dengan gelaran Asian Tigers, iaitu negara yang mencapai pertumbuhan yang mengagumkan dan berjaya melepaskan diri dari ikatan lingkaran kekusutan (vicious circle). Krisis kewangan bermula di negara Thailand seterusnya merebak ke sebahagian besar negara rantau Asia yang lain dan kesannya amat serius bagi negara seperti Korea Selatan, Republik Indonesia dan Malaysia. Bagi negara Asia dan Asia Tenggara yang lain, walaupun tidak menerima kesan ekonomi yang serius, sedikit sebanyak merasakan bahang kegawatan tersebut. Tidak terkecuali Negara Bru-

nei Darussalam turut merasai 'bahangnya'.

Sungguhpun terdapat teori-teori ekonomi yang dikembangkan untuk menjelaskan mengapa dan kenapa perkara sedemikian berlaku, hakikat sebenarnya adalah sukar untuk menerima mana satu teori yang muktabar dan boleh diterima untuk dijadikan landasan bagi memperbaiki keadaan. Secara logik, krisis ini berhubung dengan faktor luaran dan dalaman sesebuah ekonomi. Kedua-dua faktor ini pula sering terikat dan berkait melalui mekanisme dasar pertukaran mata wang asing (exchange rate). Ringkasnya, dengan kewujudan aliran keluar masuk modal tanpa kawalan, perdagangan bebas serta dasar pertukaran mata wang 'flexible' boleh merangsang aktiviti spekulasi dan manipulasi para pelaku dalam sektor perniagaan.

Dalam hal ini kita amat wajar untuk mengkaji riwayat hidup Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan dan iktibar yang tulen.

Seperti mana kita akui dan maklumi bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah manusia biasa dalam erti kata baginda bernama Muhammad anak kepada Abdillah yang beristerikan Aminah. Baginda sendiri dilahirkan ke dunia seperti 'anak damit' biasa, makan, minum, tidur, sihat, membesar dari kecil sejak lahir hinggalah wafat. Baginda beristeri dan bekeuarga, sebagai suami kepada isteri dan ayah kepada anak-anak. Dalam hubungan ini memanglah Baginda menjalani kehidupan selaku manusia biasa. Tetapi jika dihayati lebih mendalam Baginda sebenarnya manusia agung, bukan calang-calang manusia, manusia yang menjadi contoh teladan dan ikutan, insan kamil dan sempurna. Ma'sum dan dipelihara oleh Allah Subhanahu Wataala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi insan kamil kerana Baginda ditartibiyah oleh Allah Subhanahu Wataala. Tentulah tarbiyyah Allah Subhanahu Wataala ini amat berkesan. Ia bukanlah bermula ketika Baginda berumur 40 tahun semasa Baginda diangkat menjadi Nabi dan Rasul, malah bermula sejak baginda masih di alam baqa dan alam barzakh, sebagaimana yang diwayatkan dalam kisah 'Nur Muhammad' (wallahu'alam) dan semenjak baginda dilahirkan lagi. Sesuai dengan hadis Baginda yang tafsirnya: "Tuhanku telah mendidik aku dengan sebaik-baik didikan."

Walaupun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seorang Arab keturunan Quraisy dan dibesarkan dalam persekitaran Kota Mekah, hidup bersama kaum Quraisy, adat resam kehidupan, menerima pendidikan tidak formal dari masyarakat jahiliyyah. Sebagaimana lazimnya, manusia biasa tidak akan terlepas dari pengaruh dan kesan adat resam serta pendidikan tidak formal dalam pembentukan sahsiah dan peribadinya. Nilai atau norma kehidupan yang diterima dan diamalkan oleh masyarakat mudah pula untuk diterima kerana nilai dan norma tersebut sudah berakar umbi dan merupakan cara hidup serta nilai atau norma yang membentuk masyarakat tersebut, dalam masa yang sama kebudayaan, persekitar-

an dan alam sekeliling adalah di antara faktor yang ampuh dan terpenting yang membentuk peribadi seseorang. Ini suatu perkara yang telah terbukti kebenarannya. Firman Allah Taala dalam Surah An-Nahl ayat 78 tafsirnya: "Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun; dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur." Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dari Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, bermaksud: "Tiap-tiap kanak-kanak itu dilahirkan dalam keadaan suci, maka ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi." Tetapi adakah perkara ini berlaku kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam? Sebenarnya ianya tidak berlaku kepada Baginda.

Walaupun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hidup di kalangan zaman dan masyarakat jahiliyyah, baginda tidak pernah menerima nilai-nilai negatif yang dilakukan dan diamalkan oleh masyarakat jahiliyyah, seperti berdusta atau menipu, menjual beli dengan sistem riba (sehingga Baginda diberi gelaran Al-Amin), berzina, minum arak, melakukan perbuatan maksiat, berfoya-foya, menyembah berhala, melakukan kezaliman dan sewampamanya. Hakikatnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah melakukan perkara-perkara yang tercela menurut pandangan Islam walaupun pada masa itu Baginda masih muda dan belum menerima wahyu dan dilantik menjadi Nabi dan Rasul.

Allah Subhanahu Wataala telah memuji dan mengiktiraf akhlak Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Qalam ayat 4, tafsirnya: "Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia."

Isteri Baginda, Sayidatina Aishah apabila ditanya mengenai akhlak Baginda Rasulullah berkata: "Sesungguhnya akhlak Baginda adalah Al-Quran." Bermakna akhlak Baginda adalah 'cermin' dan 'terjemahan' kepada Akhlak Al-Qur'an yang mulia dan agung kerana penghayatan baginda terhadap akhlak tersebut. Sebagaimana dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wataala yang mendidik dan mentarbiyyah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar menjadi ikutan kepada umat manusia.

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Ahzab ayat 21, tafsirnya: "Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu contoh ikutan yang baik."

Untuk memastikan kita mengikuti dan mencontohi akhlak yang mulia, yang benar, yang kamil maka akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah yang benar, unggul, kamil dan sempurna. Baginda malah diutus untuk mendidik dan menyempurnakan akhlak mulia untuk seluruh manusia. Baginda sendiri menegaskan bahawa: "Aku diutus adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."

SOAL HATI DAN PERASAAN 'IKUT RASA BINASA IKUT HATI MATI'

Dari muka 18

Untuk mencontohi dan mentauladani akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ia menyekut soal hati yang jernih, jujur dan tawaduk, iaitu menyentuh tentang ketiadaan dan keimanan kita ke hadirat Allah dan Rasul-Nya.

Sebagaimana yang telah dipamer dan dibuktikan oleh Khulatu Rasyiddin. Firman Allah Taala dalam Surah Al-A'raf ayat 158, tafsirnya: "Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang Umami yang beriman kepada Allah dan kamilah-kalimah-Nya (kitab-kitab-Nya) dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk."

Ayat di atas dengan jelas menegaskan kepada kita, untuk mendapatkan hidayah dan petunjuk dari Allah maka hendaklah kita mengikut perjalanan dan jejak langkah Baginda. Ini bermakna kita mestilah menjadikan Baginda sebagai contoh dan ikutan yang 'tulen dan sejati'. Dengan sepenuh hati, sepenuh keimanan dan rasa pertanggungjawaban. Firman Allah Taala dalam Surah An-Nur ayat 63 tafsirnya: "Oleh itu, hendaklah mereka yang mengikrari perintahnya, beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

Ayat tersebut di atas dengan jelas memerintahkan agar kita tidak ingkar dan menyalahi apa-apa jua perintah dan arahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini bermakna kita bukan hanya setakat perlu mencontohi Baginda malah juga perlu menaati, beriman, mematuhi segala apa jua perintah dan larangan Baginda. Firman Allah Taala dalam Surah An-Nur ayat 62, tafsirnya: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman ialah mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, dan apabila mereka turut bersama-sama dengan Rasulullah dalam sesuatu perkara yang memerlukan perhimpunan ramai, tidaklah mereka meninggalkan majlis perhimpunan itu sebelum mereka meminta izin kepadanya."

Ayat ini menegaskan betapa pentingnya kita taat dan patuh kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan sentiasa menghormati Baginda. Allah berfirman dalam Surah Ali-Imran ayat 31 tafsirnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): 'Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan ingatlah, Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.'"

Demikian ditegaskan oleh Allah Subhanahu Wataala bahawa jika benar kita beriman dan kasih kepada Allah, mengharapakan keampunan dan kerendahan-Nya maka hendaklah kita kasih kepada Rasulullah dan mengikut perjalanan dan petunjuk ajaran Baginda.

Ramai orang melihat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai manusia dan insan biasa-biasa sahaja. Sebenarnya fahaman seumpama ini merupakan suatu kesalahan besar dan boleh membawa kepada kesesatan dan kehancuran umat. Yang penting dan perlu kita hayati ialah 'bukan Baginda sebagai manusia biasa secara lahiriah', tetapi sebagai 'manusia sempurna': insan kamil dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diberikan wahyu dan ditabiah oleh Allah Subhanahu Wataala.

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Kahfi ayat 110,

tafsirnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): 'Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahikan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu.'"

Ayat ini menjelaskan bahawa walaupun Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan manusia biasa, tetapi pada hakikatnya Baginda berbeza dari manusia biasa lain kerana Baginda diberikan wahyu oleh Allah Taala, sedangkan manusia biasa tidak diberikan wahyu. Perbezaan amat besar di antara insan yang diberikan wahyu dengan yang tidak diberikan wahyu kerana yang diberikan wahyu hanyalah Nabi dan Rasul.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali-Imran ayat 144, tafsirnya: "Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudah pun didahului oleh beberapa Rasul (yang telah mati atau terbunuh)."

Berdasarkan kepada kenyataan di atas adalah jelas bahawa Muhammad bin Abdullah ialah seorang Nabi dan Rasul yang diberi wahyu oleh Allah, dididik dan ditabiah, dijaga dan dipimpin oleh Allah Subhanahu Wataala menjadikan Baginda insan kamil yang menjadi contoh dan ikutan umat manusia.

Firman Allah Taala dalam Surah Ali-Imran ayat 164, tafsirnya: "Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat-Nya) kepada orang-orang yang beriman setelah Ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat) serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata."

Ayat di atas dengan jelas menyatakan bahawa di antara peranan dan tugas terpenting Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah 'mentazkiyah' dan 'mentarbiyyah' kita di dalam usaha untuk mendapatkan kerendahan Allah Subhanahu Wataala untuk dapat mencontohi perjalanan dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selaku insan kamil. Memimpin kita agar berjaya bersih, iktikad yang benar dan iman yang yakin ke hadirat Allah Taala. Baginda mentazkiyah kita. Tazkiyah ini adalah penting untuk memastikan bahawa batin kita bersih dari segala kesyirikan dan kekufuran.

Islam amat mementingkan persoalan hati kerana hatilah menentukan buruk baik sesuatu perkara. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud: "Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging yang apabila ia baik, baiklah seluruh jasad. Sebaliknya apabila ia buruk, buruklah seluruh jasadnya. Daging itu ialah hati." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim). Menurut Ibn Qayyim: "Allah mencipta anak Adam dan menetapkan kadar kesempurnaan bagi anggota jasadnya. Apabila kadar kesempurnaan ini berkurang, akan sakitlah anggota itu. Begitulah juga dengan raja segala anggota, iaitu hati, ia juga mempunyai kesempurnaan dan apabila wujud kekurangan pada kesempurnaan itu, ia akan ditimpa penyakit dan bentuk kerisauan, kedukacitaan dan keresahan, sebagaimana mata dan telinga akan kurang daya penglihatan dan pendengaran apabila kekurangan kesempurnaan kedua-duanya."

Hati dicipta untuk mengenali, mengasih, mentaahid-

kan, asyik dalam kecintaan, reda dan tawakal kepada Allah. Sepatutnya Allah sajalah yang bertakhta di hati manusia dan tidak ada sebarang kenikmatan, kegembiraan, kelazatan bahkan kehidupan melainkan dengannya. Inilah bahan-bahan makanan yang menyihatkan dan menghidupkan hati. Apabila wujud kekurangan pada bahan-bahan ini, hati akan dilanda penyakit kerisauan, keresahan dan kedukacitaan dari setiap penjuru.

Hati yang paling rendah martabatnya adalah yang dipenuhi dengan nafsu al-ammarah. Hati yang dipenuhi nafsu al-ammarah mempunyai kecenderungan untuk memuaskan syahwat, mudah marah, tamak haloba, sombong, bongkak, suka dipuji, takutkan kesusahan dan mudah kecewa sehingga akhirnya seseorang menyalahkan Tuhan-Nya kerana membebarkannya dengan masalah yang dihadapi. Hati yang seperti ini menyebabkan tuannya mengalami tekanan secara berterusan dan akhirnya membawa kepada kecewaan dan kebinasaan baik dirinya mahupun orang lain.

Apabila hati digilap dengan amalan yang sesuai, ia meningkat ke tahap yang lebih stabil iaitu nafsu al-lawwamah. Hati yang dipenuhi nafsu al-lawwamah menasihati tuannya tentang kefanaan dunia. Ia menyedarkan tuannya tentang keutamaan yang perlu dicari ketika tuannya terbabas dan terpesona dengan kesenangan yang memperdayakan. Apabila hati terus digilap, ia meningkat kepada makam nafsu al-mutmainnah ataupun hati yang tenang damai. Mereka yang memiliki hati yang mutmainnah amat yakin dengan janji-janji Allah yang tertera di dalam Surah An-Nasyrah ayat 5-6 tafsirnya: "Sesungguhnya sesudah kesulitan ada kemudahan, sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan."

Biskita mungkin merasa pelik apabila saya mengetengahkan 'Soal Hati' dalam 'merubah nasib' dan 'membasmi pengangguran'. Sebagaimana kata Al-Imam Al-Ghazali menegaskan bahawa hati adalah seperti raja dan anggota-anggota lain sebagai tenteranya. Semua anggota-anggota akan taat dan patuh terhadap perintah raja ini. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, bermaksud: "Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging yang apabila ia baik, baiklah seluruh jasad. Sebaliknya apabila ia buruk, buruklah seluruh jasadnya. Daging itu ialah hati." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Berhubung dengan hati yang perlu dibersihkan, dididik, ditazkiyah, digilap dan dijaga ini bukanlah hakikatnya seketul hati atau seketul darah sahaja tetapi lebih jauh dari itu, iaitu hati batin, mata hati dan rohaniah seseorang yang dilambangkan oleh seketul darah tadi. Jika kita meneliti peranan hati di dalam pencapaian dan peningkatan rohani seseorang berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah ternyata ia adalah penting malahan menjadi asas kepada keimanan dan keislaman.

Konsep kerohanian Islam hendaklah dilihat dan difahami secara lebih terbuka dan menyeluruh. Ianya harus menjadi asas kehidupan dan roh setiap individu Muslim, keluarga masyarakat dan negara. Sebagai contoh, takwa harus dihayati oleh individu, dan asas kepada kehidupan keluarga, masyarakat dan negara. Konsep pembasmi pengangguran dan nafsu hendaklah dijadikan asas pembentukan peribadi individu, keluarga, masyarakat dan negara, dan demikianlah seterusnya. Peranan nilai kerohanian hendaklah menyeluruh, sama ada di dalam hubungan manusia dengan dirinya, dengan manu-

sia lain, dengan keluarga, dengan masyarakat, dengan negara, dengan Allah dan makhluk-makhluk Allah yang lain. Ianya nadi dan hati kegiatan Muslim. Demikian kegiatan kehidupan, politik, sosial, budaya dan ekonomi.

Firman Allah Taala dalam Surah At-Taghaabun ayat 11, tafsirnya: "Dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar)." Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud: "Akan dimasukkan ke Syurga orang-orang yang hatinya seperti hati burung (yakni benar-benar berserah dan percaya kepada jaminan Allah pada dirinya)."

Setiap pekerjaan itu tergantung kepada niat. Apabila setiap orang bekerja dan ia diatkan kerana melaksanakan kerja itu atas dasar perintah Allah, maka terhasillah niatnya kerana Allah. Maka jadilah kerjanya itu sebagai ibadah dan diberi pahala.

Maksud niat kerana Allah itu ialah seperti bekerja kerana mencari rezeki halal, mencari nafkah untuk keluarga, niat untuk mencari wang dan harta kerana hendak membantu fakir miskin dan anak yatim, niat untuk mencari biaya untuk mengerjakan haji dan lain-lain semuanya adalah niat kerana Allah, kerana perkara-perkara tersebut diperintah oleh Allah ke atas setiap orang berkenaan. Firman Allah Taala dalam Surah At-Taubah ayat 105 tafsirnya: "Bekerjalah, nanti Allah dan Rasul serta orang mukmin akan melihat (menilai) apa yang kamu kerjakan."

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Ahmad, Al-Baihaqi dan lain-lain, bermaksud: "Sebaik-baik usaha (untuk mendapatkan rezeki) ialah bekerja dengan tangan sendiri." (menjadi usahawan: self-employed)

Suatu ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat, tiba-tiba mereka ternampak seorang muda dan gagah, pagi-pagi lagi sudah keluar bekerja dengan penuh bersemangat. Para sahabat ada yang memberi komen: "Kasihan sekali pemuda itu, andainya masa muda dan kekuatannya itu digunakan untuk jihad fisisilillah alangkah lebih baik." Setelah mendengar ucapan sahabat itu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya: "Jangan kamu semua mengatakan demikian sebabnya kalau orang itu keluar dari rumahnya untuk bekerja bagi memenuhi keperluan hidup untuk dirinya sendiri agar tidak meminta-minta kepada orang lain, maka ia telah bekerja untuk fisisilillah. Jika ia bekerja untuk memenuhi keperluan keluarga dan anak-anak yang masih kecil, maka ia telah bekerja untuk 'fisisilillah'. Tetapi jika ia bekerja untuk tujuan bermegah-megah, maka kerjanya untuk fisisilillah-syaitan." (Hadis riwayat At-Tabrani).

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud: "Hati seseorang itu ditempa (dibentuk) oleh makan minum."

Dari 'Hatilah' terbit fikiran (mentaliti) dan 'sikap' seseorang. Jika 'Hati' mengatakan 'Ya', seluruh anggota akan mengatakan 'Ya', tetapi jika 'Hati' mengatakan 'Tidak' seluruh anggota dan kehidupan seseorang akan mengatakan "Tidak!". "Tidak Boleh!". "Tidak Mahu!". "Tidak Yakin". "Tidak! Tidak! Tidak!" Segalanya "Tidak!". Tertutuplah segala ruang dan peluang untuk segalanya. Demikian falsafah 'penganggur': "Hendak 1,000 Daya. Tak Hendak 1,000 Dali."

Hati yang sakit apabila ia keras (keras hati), akan menjadi penghalang kepada kema-

sukan iman, ihsan, ilmu dan hikmah ke dalamnya. Dan paling kronik bila hati menjadi buta (buta hati), yang tidak dapat membezakan antara baik dan buruk, halal dan haram. Kemuncak kemusnahan hati seseorang itu ialah apabila hatinya mati. Seorang yang mati hati dan jiwanya adalah umpama bangkai bernyawa. Hati yang sakit menjadipunca utama kepada timbulnya gejala-gejala jenayah dan keruntuhan sosial umat manusia.

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud: "Sesungguhnya orang yang tidak ada apa-apa di dalam hatinya sedikit pun daripada al-Qur'an adalah umpama sebuah rumah buruk yang binasa (tidak berhas). (Hadis riwayat Al-Imam At-Tirmizi)

Sebab itulah kita mestilah sentiasa berdoa memohon perlindungan daripada Allah Taala sebagaimana diajarkan dalam Al-Quran, Surah Ali Imran ayat 8 tafsirnya: "(Mereka berdoa dengan berkata): 'Wahai Tuhan kami! Jaganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jua Tuhan yang melimpah-limpah pemberian-Nya.'"

Sebuah hadis riwayat Imam Bukhari bahawa suatu hari seorang lelaki menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan meminta sedekah. Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh lelaki itu tunggu sebentar dan lalu masuk ke dalam rumah. Setelah keluar, baginda memberi sebilah kapak dan menyuruhnya pergi bekerja mencari kayu dan menjualnya di pasar. Sebelum lelaki itu pergi, Baginda berpesan kepadanya agar dua tiga hari lagi datang menemui Baginda semula. Setelah beberapa hari, lelaki itu menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semula dan ternyata hasil motivasi dan semangat yang diberikannya oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, membantu lelaki itu menjadi seorang usahawan kayu-kayan. (Mungkin masa kini boleh dianggap industri peralakan).

Di samping berusaha secara zahir, berusaha dengan menggunakan kemampuan fikiran dan tenaga hendaklah disertai dengan tawakal dan doa, kerana adunan usaha, tawakal dan doa ini akan menjadikan seseorang merasa yakin dengan kudrat dan iradat Allah Subhanahu Wataala sebagai penentu kepada hasil usaha dan ikhtiar kita.

Dalam sebuah doa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar umatnya agar memohon perlindungan daripada Allah daripada sifat 'pemalas'. Doanya adalah seperti berikut yang bermaksud:

"Ya Allah, aku memohon perlindungan kepada-Mu daripada kegelisahan dan dukacita, kelemahan dan kemalasan, pengecut dan bakhil dan daripada beban hutang dan paksaan orang."

Firman Allah Taala dalam Surah Al-A'raf ayat 96 tafsirnya: "Dan (Tuhan berfirman lagi): 'Sesungguhnya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi.'"

Dalam menempuh hidup di alaf ke-21 ini berbagai cabaran dan pengaruh luaran yang datang mempengaruhi dan menggugat kesejahteraan hidup kita. Pelbagai perubahan timbul sama ada dalam bidang keilmuan, teknologi, pemikiran, sosial, budaya dan ekonomi dapat kita saksikan. Oleh yang demikian kita hendaklah bersedia menempuhnya de-

ngan mengukuhkan 'jati diri' dan meningkatkan akidah, iman dan ilmu pengetahuan kita. Akidah merupakan bekal untuk hidup yang paling utama bagi seluruh manusia. Kejayaan dan kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat sangat bergantung kepada kesucian 'hati' dan kemurnian akidah.

Penguatan akidah umpama membangun sebuah rumah yang mesti dimulai dari asasnya. Apabila asasnya kuat dan kukuh, maka akan kuatlah keadaan ummah, namun apabila asasnya rapuh, maka akan lemahlah keadaan mereka. Oleh itu aspek penanaman akidah dan keimanan mestilah dijadikan suatu agenda utama oleh umat manusia.

Pembinaan masyarakat mempunyai hubungan yang erat dengan individu, kerana bermula dari individu lahirlah masyarakat. Individu yang mempunyai akidah dan iman yang mantap akan melahirkan sebuah masyarakat yang beriman, baik, harmoni dan aman. Sebaliknya individu yang rosak akan menjadikan masyarakat pincang dan lemah.

Sejarah telah menunjukkan bahawa dengan kedatangan Islam, ukhuwah atau persaudaraan di antara kaum Muhajirin dan Ansar yang berasaskan agama Islam telah mengambil tempat semangat perkauman dan kebangsaan yang berleluasa pada zaman jahiliyah. Semangat ukhuwah telah menjadikan bangsa Arab Quraisy dan seluruhnya sebagai suatu umat yang baru. Di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah berjaya mewujudkan satu negara Islam contoh yang digelar 'Daulah Islamiyah' dan umat Islam waktu itu digelar umat atau masyarakat 'Madani'.

Ukhuwah juga telah melahirkan satu macam perasaan dan kesedaran akan tanggungjawab terhadap masyarakat. Maka lahirilah suatu rasa keselamatan dan ketenteraman yang dipenuhi dengan keadilan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menggariskan dalam hadisnya semua perkara yang boleh membawa kepada kekuatan ukhuwah Islamiyah yang menyebutkan bahawa perumpamaan seorang Muslim dengan seorang Muslim yang lain adalah seperti sebuah bangunan yang menguatkan setengahnya akan setengah yang lain.

Ertinya, masyarakat Islam mestilah tegak seperti sebuah bangunan yang tersergam kukuh. Orang-orang yang beriman adalah seperti seperti satu tubuh, apabila salah sebahagiannya merasa sakit maka seluruh badan akan merasa kesakitannya.

Dengan kata lain masyarakat Islam ditegaskan atas dasar kasih sayang (mahabbah), bersatu hati, tanpa rasa dengki, iri, adu domba, prasangka dan penyakit-penyakit hati yang lain. Rasa ukhuwah, rasa kasih sayang itulah nantinya menyebabkan lahirnya sifat 'pemaduan', prihatin, mengabdikan berat urusan saudara sesama Muslim dan tidak mementingkan diri sendiri. Oleh itu Islam berjuang keras untuk memastikan masyarakat Islam bersih dari setiap perkara yang mungkin boleh menghapuskan rasa kasih sayang dan menimbulkan permusuhan di antara sesama Muslim.

Secara pandangan mata kasar dan pengalaman asam garam kehidupan, menempuh liku-liku hidup bermasyarakat, adakah kitani orang Islam dan bangsa 'orang Brunei' sudah bersatu padu, bersatu hati, berukhuwah, berkasih sayang, pemaduan dan prihatin antara sesama kitani? Jika sekiranya kitani masih memiliki sikap: 'Senang melihat orang susah dan susah melihat orang senang' @ hasad dengki, pra-

sangka, jatuh menjatuhkan, pencingkan diri sendiri, mengata orang diri yang lebih. Umpamanya dalam perusahaan dan perniagaan, jika kita melihat perusahaan dan perniagaan jiran kita, rakan kita, saudara kita, bangsa kita nampak maju, kita pun "Duplikasi @ Copycat perusahaan dan perniagaan mereka. Umpamanya kalau orang jual 'Nasi Lemak', 'Nasi Katok', 'Nasi Bell', 'Nasi SMS', 'Cakoi 3 Rasa', 'Keropok Likur', 'Satay Ala Jawa', gerai tepi jalan dan seumpamanya, maka kita pun tiru sama, sana sini nampak iklan serupa: 'Nasi Lemak', 'Nasi Katok', 'Nasi Bell', 'Nasi SMS', 'Cakoi 3 Rasa', 'Keropok Likur', 'Satay Ala Jawa', gerai tepi jalan dan seumpamanya. Tidak sampai dua tiga bulan akhirnya semua lingkup dan tutup perusahaan. Yang bina gerai 'usang' tepi jalan, terbiar... tunggu pihak berkuasa tolong 'panyap' dan bersih kawasan berkenaan kerana 'menyakitikan mata'. Yang 'keras kepala' dan 'keras hati' akan bangun pondok baru, mungkin tanda 'protes' atau 'minta ihsan kerana nak cari makan'. Dah minta tempat, lesen dan pohon pinjaman tapi tak 'makbul', maka berniaga-lah di mana 'rasa selesa ikut selera'. Kadangkala 'lokasi' yang ditawarkan tidak 'mengena'. Kalau jual 'pisang-pisangan' ambuk saja jadi pelanggan. Al-Maklum Al-Fahamlah, kerana 'hendak hidup'. Daripada 'menganggur' atau 'kerja kotor @ jahat'.

Untuk pengetahuan bersama, 'penganggur' bukan sahaja dari kalangan belia, remaja, lepasan sekolah atau tercir sekolah @ berhenti sekolah, mungkin diberhentikan @ buang sekolah, lepasan 'graduasi' (saya gelar 'penganggur elit atau terhormat'), kerana merasa pelik graduan pun menganggur, baru satu universiti di negara ini, (di mana silapnya?) dan penganggur masa kini sudah bertambah ahli, iaitu para 'pesara'. Daripada pendapatan 100 peratus, kini tinggal 50 peratus bagi yang ada hak pencen, jika tiada hak pencen, seperti warga TAP (Tabung Amanah Pekerja) @ selagi belum sampai umur 55 tahun (TAP: Takboleh Ambil Panya), kena laksanakan hutang-piutang dengan pihak majikan, bil-bil: air, telefon, elektrik, hutang rumah, loan kereta dan seumpamanya. Kalau nasib baik, ada baki, kalau nasib tidak baik, gigit jari! Akhirnya mereka juga masuk 'penganggur berdaftar'. Ada yang kembali bekerja walau gaji hari, ada yang jadi pengawas keselamatan, ada yang cuba buat bisnes (walaupun tak ada watak bisnes), bisnes pun yang sudah berlambak seperti buka kedai jahit, buka gerai atau restoran, atau pohon lesen perniagaan dan kota pekerja untuk 'disewakan' atau 'diali babakan'.

Itulah akibatnya sebagai-mana titah baginda sultan bahawa statistik tahun 2004 menunjukkan jumlah anak tempatan yang berdaftar mencari pekerjaan ialah 7,784 orang sedangkan dalam masa yang sama, terdapat 75,273 orang pekerja asing di negara ini. Berdasarkan statistik tersebut, sepatutnya tidak berlaku pengangguran di kalangan anak-anak tempatan di negara ini.

Persoalan demi persoalan! Mahukah anak-anak tempatan mengisi kekosongan jawatan 'buruh kasar' yang akan ditinggalkan atau dikosongkan oleh pekerja warga asing? Mampukah warga peribumi memberikan perkhidmatan 'sekomited' pekerja warga asing dengan tawaran gaji yang 'minimum'? Mampukah pengamal 'Ali Baba' dari kalangan 'orang biasa' dan 'orang bukan biasa-biasa' melepaskan 'nikmat' berAli Baba? Wallahualam.

BELIA

SENI pertukangan, khususnya pertukangan kayu kini semakin kurang mendapat perhatian oleh golongan belia menyebabkan warisan yang dulunya boleh menyumbang kepada pendapatan yang lumayan telah beransur-beransur pupus.

Sebagai langkah bagi mengekalkan warisan pertukangan atau perusahaan kayu itu terus dikekalkan dan diwarisi oleh masyarakat Melayu, Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Temburong telah mengambil inisiatif meng-unikayahkan Bengkel Membuat Ulu dan Sarung Parang pada bulan April lepas.

Menurut Awang Haji Ayub bin Haji Jamahat, Pekerja Kanan, Jabatan Belia dan Sukan yang menyelaras bengkel tersebut menyatakan melalui bengkel tersebut akan dapat mendedahkan dan mengasuh bakat para belia menceburi bidang pertukangan, di samping memperolehi pendapatan daripada usaha tersebut.

Selain itu, melalui pengetahuan daripada bengkel tersebut para belia sekurang-kurangnya dapat mewarisi apa jua seni pertukangan kayu untuk dikembangkan sebagai perusahaan sampingan.

"Melihat kepada penglibatan golongan belia di bidang pertukangan kayu ini semakin kurang diminati, maka Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong berusaha menarik golongan belia menyertai bengkel ini untuk mengasuh bakat mereka dengan hasrat bagi mengekalkan warisan budaya Melayu ini tetap berkembang," kata Awang Haji Ayub.

"Dengan penyertaan mereka ini kita akan dapat memperkembangkan semula seni pertukangan kayu khususnya membuat ulu dan sarung parang di kalangan mereka yang ketika ini hanya dikendalikan oleh sebilangan warga tua," tambahnya.

Sebagai langkah permulaan, sekumpulan belia lepasan sekolah yang sedang mencari pekerjaan telah mengikuti bengkel tersebut yang dikendalikan oleh tiga orang tenaga pembimbing memberi-

Salah seorang tenaga pembimbing memberi-

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Harun Haji Rashid

tahu, semasa bengkel tersebut para peserta didedahkan asas-asas dan teknik pertukangan termasuk penggunaan peralatan

perkakas dan kayu yang akan digunakan.

"Pada bengkel ini, para peserta mempelajari asas-asas seperti sukatan pada ulu dan sarung parang yang hendak dibuat, selain jenis-jenis kayu boleh digunakan," jelasnya lagi.

Dengan mengenali asas-asas permulaan ini akan dapat memudahkan bagi membentuk rangka ulu atau sarung parang bersama corak-corak yang menarik.

Menyentuh mengenai harga pula, sebilah parang yang lengkap dengan sarungnya kini berharga antara \$40.00 hingga ke \$100.00 berdasarkan kepada saiz dan bentuknya.

Mengenai harga pula, sememangnya tidak menentu sama ada di Daerah Brunei dan Muara, Tutong, di Belait atau Temburong kerana ianya diukur pada keadaan dan bentuk parang serta

Belia perlu warisi seni pertukangan kayu

sarungnya yang dibuat.

Bengkel yang dikendalikan itu dijangka dapat memberikan manfaat kepada para belia dalam usaha mendekatkan belia-belia berjinak dengan pekerjaan pertukangan kayu dan dalam masa yang sama memberi pendapatan sampingan daripada hasil usaha tersebut tanpa memerlukan modal perbelanjaan yang besar.

Kemahiran yang diperolehi melalui bengkel yang dipelajari itu tentunya akan menjadi asas atau pendorong dalam menerokai bidang-bidang pertukangan yang lain bagi menghasilkan produk-produk yang bermutu tinggi.

Secara tidak langsung bengkel tersebut membuka jalan dan peluang kepada belia-belia mempelajari kemahiran pertukangan kayu yang sedikit masa dulu menjadi salah satu hasil pendapatan.

Justeru, bengkel selama empat hari yang di-



"MELALUI penyertaan belia dalam Bengkel Pertukangan Kayu akan dapat mengembangkan semula seni pertukangan kayu yang ketika ini hanya dikendalikan oleh warga tua..." Awang Haji Ayub bin Haji Jamahat.

kendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong akan dapat menyumbang kepada belia yang berkemahiran dalam pertukangan kayu dan dalam masa yang sama pula berjaya mengekalkan warisan tersebut untuk diteruskan oleh generasi akan datang.



SEBAHAGIAN hasil pembuatan ulu dan sarung parang yang diunikayahkan oleh para belia yang menyertai bengkel.



PARA belia ketika sedang mengikuti Bengkel Pembuatan Ulu dan Sarung Parang yang dikendalikan oleh tiga orang pembimbing.

Rencana ...

NILAI-NILAI etika dan akhlak di dalam Masyarakat Bermaklumat seharusnya dihormati di mana ianya memupuk ke arah keadilan dan maruah serta harga diri setiap individu. Semua mereka yang mempunyai peranan di dalam Masyarakat Bermaklumat seharusnya mengambil tindakan yang bersesuaian dan kawalan pencegahan, berdasarkan undang-undang, terhadap penyalahgunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), contohnya, tindakan yang boleh mendorong ke arah perkauman, keganasan, penderaan kanak-kanak dan sebagainya.

Di tengah-tengah arus pembangunan telekomunikasi yang pesat semenjak hujung tahun 1990-an, berkemungkinan satu pengajaran positif yang dapat dipelajari oleh penggiat industri dan para kerajaan adalah tanggungjawab untuk memastikan adanya manfaat ekonomi dan sosial melalui ICT.

Akan tetapi revolusi ICT turut membawa beberapa risiko yang boleh membahayakan dan merosakkan akhlak. Perlindungan yang luas seharusnya diberikan kepada keluarga dan akan membolehkan mereka untuk memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat.

Artikel ini dipetik melalui kajian yang dibuat oleh International Telecommunication Union (ITU) mengenai 'broadband' di Republik Korea, di mana sebagai satu Masyarakat Bermaklumat yang maju, ianya telah memberikan suatu gambaran keadaan masyarakat bermaklumat di masa akan datang. Republik Korea sudah pun menghadapi beberapa kesan yang kurang baik berikutan dari kadar penembusan ICT yang begitu mendalam di kalangan golongan belia di negara itu. Ini telah menghasilkan tekanan untuk meredakan kesan tersebut dan untuk membantu mereka yang terlibat.

Pemahaman yang dapat diperolehi dari contoh ini bukan sahaja diambil kira oleh para pakar bahkan juga akan dapat membantu mengurangkan kesan yang seumpamanya di kalangan masyarakat yang lain.

Sementara perkembangan ICT di Republik Korea telah membawa kemajuan ekonomi dan sosial, terdapat juga pelbagai cubaan yang telah timbul. Contohnya adalah ketagihan permainan online atau 'online gaming addiction' yang telah menjadi satu masalah besar. Penggunaan permainan online

yang berlebihan, baik di rumah mahupun di dalam 'online game rooms' yang dikenali sebagai 'PC bangs', amat ketara sekali di kalangan remaja dan belia.

BAHAYA BUDAYA SIBER (CYBERCULTURE)

Seorang pengguna mendapati mati akibat permainan online selama tiga hari berturut-turut di mana kekhusyukannya bermain telah menyebabkannya lupa untuk makan, minum dan tidur. Ini menunjukkan bahawa kehidupan siber (cyberlife) ada kalanya lebih mencengkam dari kehidupan sebenar. Menyedari masalah ini, Ministry of Information and Communication of Korea telah menubuhkan Pusat Pencegahan dan Kaunseling Bagi Ketagihan Internet untuk menangani masalah tersebut.

Pusat ini dilengkapi dengan kaedah dan kelengkapan kaunseling secara berkumpulan dan persendirian serta memberikan nasihat secara percuma kepada penagih-penagih internet, di samping turut merancang untuk memfokuskan programnya di dalam pencegahan ketagihan. Ibu bapa dan remaja juga berpeluang untuk menghadiri tak-

limat mengenai isu ini.

Walaupun contoh yang digambarkan ini agak keterlaluan, 'cybercafe' dan budaya permainan ini juga mempunyai kesan yang membahayakan pada kanak-kanak. Kita tidak tahu adakah sihat atau tidak untuk berada di hadapan komputer selama beberapa jam setiap hari. Tekanan dan kesan pada mata, otak dan telinga belum lagi dikaji sepenuhnya. Kecenderungan di kalangan para remaja dan belia untuk bertahan duduk dalam jangka masa yang lama mungkin akan menyebabkan risiko kesi-

GEJALA permainan online ini menunjukkan interaksi sosial yang berubah. Ianya memberikan kesempatan bagi para penggunanya untuk menjadi orang lain. Walaupun ia hanya satu permainan, ianya seolah-olah menjadikan kehidupan sebenar lebih hambar berbanding dunia virtual yang lebih menyeronokkan. Di dalam kes ini, pengaruh untuk lari ke 'dunia lain' setentunya tidak membantu bagi para belia untuk menghadapi kehidupan sebenar.

MENJANA MASYARAKAT BERMAKLUMAT NILAI-NILAI ETIKA DAN PENGGUNAAN BERPATUTAN

Terjemahan oleh
Hajah Siti Hairmi Haji Ibrahim
Kementerian Perhubungan

hatan jangka masa panjang, di mana akibatnya akan menjadi lebih ketara pada masa akan datang. Adakah budaya siber ini membentuk satu masyarakat yang tidak endah kepada kesejahteraan diri dan psikologi mereka serta juga mungkin tidak bersosial secara baik?

Gejala permainan online menunjukkan interaksi sosial yang berubah dan memberikan kesempatan bagi para penggunanya

untuk menjadi orang lain. Walaupun hanya merupakan satu permainan, ianya seolah-olah menjadikan kehidupan sebenar lebih hambar berbanding dunia virtual yang lebih menyeronokkan. Di dalam kes ini, pengaruh untuk lari ke 'dunia lain' setentunya tidak membantu bagi para belia untuk menghadapi kehidupan sebenar.

ISU-ISU BERKAITAN ISI KANDUNGAN

Masalah-masalah berkaitan isi kandungan bukanlah fenomena yang hanya melanda Republik Korea. Cerita mengenai laman-laman web berdasarkan perkauman dan penderaan seksual telah banyak timbul di kebanyakan negara, akan tetapi, negara seperti Republik Korea dengan mempunyai akses yang ada di mana-mana, berkemungkinan adalah lebih terdedah kepada ancaman daripada laman web yang merosakkan akhlak.

Mengikut kajian yang dibuat oleh 'portal' laman web kanak-kanak di Republik Korea, terdapat ramai golongan muda yang terdedah kepada

TEKANAN dan kesan pada mata, otak dan telinga belum lagi dikaji sepenuhnya. Kecenderungan di kalangan para remaja dan belia untuk bertahan duduk dalam jangka masa yang lama mungkin akan menyebabkan risiko kesihatan jangka masa panjang, di mana akibatnya akan menjadi lebih ketara pada masa akan datang. Adakah budaya siber ini membentuk satu masyarakat yang tidak endah kepada kesejahteraan diri serta psikologi mereka dan juga mungkin tidak bersosial secara baik?

laman-laman web dewasa. Kajian ini yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur 13 tahun mendedahkan bahawa 28 peratus dari para responden mempunyai akses ke laman-laman web tersebut. Sementara 53 peratus lagi terdedah ke laman web tersebut secara tidak sengaja dan 32 peratus lagi mengetahuinya melalui 'spam'. 85 peratus daripada golongan muda ini mengenal pasti 'spam' sebagai masalah yang serius. Kerajaan Republik Korea telah mengatur beberapa kempen mengenai kesedaran etika.

KESIMPULAN

Melihat kepada situasi

di Republik Korea sebagai masyarakat yang maju dari segi penggunaan internet memberikan pengertian bahawa tidak banyak negara yang dapat menjadi rujukkannya untuk mendapatkan nasihat dalam perkara ini, akan tetapi memandangkan Republik Korea sudah pun berhadapan dengan masalah ini, negara-negara lain yang mempunyai akses broadband akan dapat mengambil iktibar melalui pengalaman tersebut dan seterusnya diharapkan dapat mencegah kesan sosial ini berlaku kepada masyarakat mereka.

Sumber: ITU News, www.itu.int/itunews

PERSIDANGAN KEBANGSAAN MENGENAI MASYARAKAT BERMAKLUMAT 7 - 8 September 2005, Pusat Persidangan Antarabangsa

MASYARAKAT Bermaklumat merangkumi setiap ahli masyarakat tanpa mengira jantina, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan, tahap kemampuan ekonomi mahupun tempat bermastautin sama ada kawasan bandar ataupun luar bandar. Masyarakat Bermaklumat adalah bersandarkan kepada keperluan manusia (people-centred), melibatkan semua orang (inclusive) dan berorientasikan pembangunan di mana sesiapa boleh menyedia, mendapatkan, menggunakan dan berkongsi maklumat dan pengetahuan, dan seterusnya membolehkan setiap individu serta masyarakat untuk mencapai potensi masing-masing dalam mempromosi pembangunan yang berpanjangan dan memperbaiki mutu kehidupan.

Menyedari betapa pentingnya untuk menjana Masyarakat Bermaklumat di negara ini, Persidangan Kebangsaan Mengenai Masyarakat Bermaklumat akan diadakan.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN MENGENAI MASYARAKAT BERMAKLUMAT

Persidangan ini akan menghimpunkan para 'stakeholders' untuk membincangkan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Masyarakat Bermaklumat. Para 'stakeholders' yang akan terlibat

adalah terdiri daripada sektor awam, swasta, pertubuhan-pertubuhan awam serta orang ramai termasuk para penuntut.

Persidangan ini akan diadakan pada 7 - 8 September 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

PROGRAM DAN AKTIVITI PERSIDANGAN

Beberapa sesi perbincangan akan diadakan dengan menampilkan ahli-ahli panel tempatan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan Masyarakat Bermaklumat khususnya di dalam isu:

1. Merapatkan Jurang Digital/Bridging The Digital Divide;
2. Pembangunan Sumber Manusia/Human Resource Capacity Development;
3. Persekitaran dan Dasar Yang Mengizinkan/Enabling Environment and Policies;
4. Isi Kandungan dan Aplikasi/Content and Applications; dan
5. Etika Masyarakat Bermaklumat/Ethical Dimension of The Information Society.

Persidangan ini terbuka kepada penyertaan orang ramai dengan

bayaran pendaftaran sebanyak \$50.00.

Maklumat lanjut dan borang pendaftaran boleh didapati melalui Kementerian Perhubungan dan borang pendaftaran yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar terus atau melalui faks dan e-mel ke alamat berikut :

Sekretariat Persidangan Kebangsaan Mengenai Masyarakat Bermaklumat, Tingkat 2, Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam. Nombor telefon: 2383838, Faks: 2380389.

EKSPLO E-APLIKASI

Persidangan ini akan diselenggarakan dengan Ekspo e-Aplikasi yang akan diadakan pada 7 - 10 September di Multi Purpose Hall, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC). Ekspo ini akan mengetengahkan aplikasi-aplikasi IT seperti e-Government, e-Health, e-Education dan e-Banking serta aplikasi-aplikasi lain yang digunakan oleh sektor kerajaan dan swasta dalam memudahkan cara operasi perniagaan mereka.

Pameran ini terbuka untuk lawatan orang ramai dari jam 10.00 pagi hingga 6.00 petang. Masuk adalah percuma.



B-LEAGUE

Kelolaan Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

Kedudukan Perdana 1
sehingga 14 Ogos 2005

PASUKAN	P	M	S	K	J	B	MT
DPMM FC	10	9	0	1	48	4	27
AH UNITED	10	8	1	2	36	9	25
QAF FC	10	6	2	2	31	23	20
ABDB	10	6	3	1	27	13	21
WIJAYA FC	10	6	3	1	21	12	19
NBT FT	10	3	0	6	12	21	9
KASUKA FC	10	2	2	6	12	35	8
JERUDONG FC	10	2	0	8	13	29	6
INDERA FC	10	2	1	7	17	25	7
BANDARAN KB	10	0	1	9	16	51	1

Kedudukan Perdana 11
sehingga 21 Ogos 2005

PASUKAN	P	M	S	K	J	B	MT
MARCH UTD	7	6	1	0	44	20	19
SEKURONG FC	8	5	2	1	15	10	17
MAJRA FC	6	5	0	1	17	6	15
KAMUDI FC	7	4	2	1	23	8	14
BRUNEI SHELL FT	8	4	2	2	21	8	14
MULAUT FC	6	4	1	1	8	5	13
KOTA RANGER FC	8	3	2	3	24	23	11
LUN BAWANG	8	3	1	4	17	24	10
PERKASA	8	2	2	4	19	20	8
SABINA FC	8	2	2	4	17	18	8
KILANAS FC	8	2	1	5	16	21	7
MUARA VELLA FC	8	0	4	4	14	19	4
IB PANDAN	7	1	1	5	16	39	4
IBM BOKOK	8	1	0	7	16	33	3

SENARAI PENJARING TERBANYAK
PERDANA SATU SEHINGGA
14 OGOS 2005

PEMAIN	PASUKAN	JUMLAH
Goran Vusanovic	DPMM FC	16
Viban Francis Bayong	QAF FC	12
Md. Shah Razen Said	AH United	14
Saizan Haji Kula	DPMM FC	9
Mohd. Roy Suhardi	ABDB	8
Dahari Mohd. Yusoff	ABDB	8
Suni Mat Jerah	Wijaya FC	6
Riwandi Wahit	QAF FC	6
Peter Gary Gierson	DPMM FC	6
Md. Helmi Zambin	AH United	6
Mohd. Harits Mahari	Bandaran KB	5
Murhafiz Ahad	Wijaya FC	5
Mohd. Brian Iman	AH United	5

KEPUTUSAN PERLAWANAN
PERDANA SATU SEHINGGA
19 OGOS 2005

INDERA FC - 6 JERUDONG FC - 3

KASUKA FC - 0 ABDB - 5

NBT FT - 1 WIJAYA FC - 2

AH UNITED - 6 BANDARAN KB - 2

QAF FC - 1 DPMM FC - 2

KEPUTUSAN PERLAWANAN
PERDANA SATU SEHINGGA
19 OGOS 2005

PERKASA FC - 3 LUN BAWANG - 1

IBM BOKOK - 2 KOTA RANGER FC - 5

IB PANDAN - 4 KILANAS FC - 1

BRUNEI SHELL FT - 2 SABINA FC - 0

SENGKURONG FC - 2 MUARA VELLA FC - 1

ARENA SUKAN

DPMM FC terus kukuh



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat menyaksikan perlawanan skuad DPMM FC dan QAF FC di Padang dan Balapan, Berakas. - Gambar oleh Samle Haji Jait.



AKSI perlawanan antara skuad DPMM FC dan QAF FC dengan berkesudahan DPMM FC menang 2-1. - Gambar oleh Samle Haji Jait.

Liputan Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, 21 Ogos. - Skuad DPMM FC terus mengukuhkan kedudukan teratas Perdana Satu dengan mengutip 27 mata apabila membuka persaingan kedua Liga Kebangsaan dengan menumpaskan pasukan QAF FC 2-1 di Padang dan Balapan, malam ini.

Berangkat menyaksikan pertemuan menarik itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Skuad DPMM FC yang menyenaraikan seorang pemain import baru kelahiran Croatia, Filipor Dalipor untuk bergandingan dengan Goran Vusanovic berjaya memberi kesan dengan serangan-serangan bahaya tetapi kekentalan barisan pertahanan QAF FC dan ketangkasan penjaga gol, Azman Ilham kerap menjadi penghalang.

Saingan yang diberikan oleh skuad QAF FC juga membuat pertemuan lebih menarik apa lagi mereka membarisi pemain

Jepun, Ito Dan yang bertindak sebagai pemain tengah sehingga kedua pasukan gagal menembusi gawang masing-masing di babak pertama.

Pemburuan jaringan berlanjutan di babak kedua dengan menyaksikan QAF FC pula tiba-tiba berjaya lebih awal menggegarkan gawang DPMM FC menerusi serangan dari tepi dan Hardi Bujang bijak merembat menewaskan penjaga gol DPMM FC, Pengiran Hamzah selepas melihat penjaga gol itu meninggalkan gawang di minit ke-48.

DPMM FC terus menggandakan asakan selepas ketinggalan jaringan dan usaha mereka nampak berbaloi dengan tandukan Dalipor yang memanfaatkan ketinggian untuk menewaskan Azman Ilham di minit ke-64.

Ketika jaringan terikat 1 - 1, Gordan Vusanovic pula menjadi wira DPMM FC untuk membantu mengutip mata penuh selepas berjaya menjaringkan gol di minit ke-81.

Sementara itu, pasukan AH United tidak menghadapi masalah untuk menumpaskan pasukan Bandaran KB 6 - 2 di Kompleks Sukan Berakas.

Sekalipun skuad didikan Haji Mohd. Rosanan Abdullah Samak terpaksa menunggu di babak kedua untuk bangkit, jurulatihnya lega dengan pesta jaringan AH United bermula dengan sentuhan pemain tengah AH United, Irwan di minit ke-63 dan disusuli dengan jaringan Mohd. Brian Iman di minit ke-65 sebelum Mohd. Shah Razen menambah derita Bandaran KB selang seminit selepas itu.

Bandaran KB yang tidak putus harapan berjaya memperolehi gol pertama menerusi Mohd. Azri tetapi ledakan kencang Mohd. Brian di minit ke-78 dan gol pemain kidal, Pengiran Sallehuddin di minit ke-83 mencatat mimpi ngeri buat pasukan itu sekaligus Md. Azri sekali lagi berjaya merembat untuk jaringan kedua buat Bandaran KB.

Keputusan perlawanan Perdana Satu yang lain pula menyaksikan ABDB menumpaskan pasukan Kasuka FC 5 - 0 sambil Wijaya FC berjaya menewaskan pasukan NBT FT 2 - 1, sementara kebangkitan di babak kedua Indera FC membantu menumpaskan pasukan Jerudong FC 6 - 3.

Olej Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Ogos. - Skuad IB Pandan berjaya mencatat kemenangan sulung pada persaingan Liga B Perdana Dua selepas menumpaskan pasukan Kilanas FC 4 - 1 di Padang BSRC, Seria.

Skuad Belait yang gagal memenangi sebarang perlawanan sebelum ini, berjaya menayangkan persembahan yang membarangsangkan dengan sentuhan hatrik oleh Agus Pribadi di minit-minit ke-26, 37 dan 43 selepas rakannya Md. Rifaie berjaya membolosi gawang Kilanas FC seawal minit ke-10.

Kilanas FC yang mendekati jurang gol mula menunjukkan hasil apabila Awangku Azlimey di minit ke-65 tetapi mereka terpaksa akur pulang dengan tangan kosong selepas tuan rumah mengukuhkan kedudukan sehingga tamat perlawanan.

IBM Bokok gagal menggunakan kesempatan beraksi di gelanggang sendiri sehingga tewas 2 - 5

oleh pasukan Kota Ranger FC di Kompleks Sukan Batu Apoi.

Sekalipun IBM Bokok lebih awal membuka tirai jaringan menerusi Es-manto di minit pertama tetapi Kota Ranger FC bangkit dengan jaringan 2 - 1 menerusi Md. Zaail Azharin dan Md. Razi dan menjadikan pertemuan terus menarik dengan jaringan Gerry Hermany di minit akhir babak pertama.

Kota Ranger FC yang menukar corak perlawanan di babak kedua berjaya memberi kesan menggem-birakan sehingga Md. Alielda berjaya mencipta hatrik untuk memenangi mutlak 5 - 2.

Skuad Lun Bawang juga meratapi kekalahan apabila gagal menjinakkan pasukan Perkasa FC 1 - 3 di Padang dan Balapan.

Pasukan Perkasa FC bijak memanfaatkan aksi kurang kental di bahagian

pertahanan Lun Bawang sehingga Subri mudah menjaringkan gol di minit ke-23 sambil Haji Md. Sufian menyusul dengan jaringan seminit selepas itu sebelum giliran Md. Hadi menambah kehampaan pasukan lawan di minit ke-35.



PERLAWANAN antara Skuad Lun Bawang dan Skuad Perkasa yang berlangsung di Padang dan Balapan dengan berkesudahan Skuad Perkasa FC menang 3 - 1. - Gambar oleh Masri Osman.

ARENA SUKAN



PESTA Sukan anjuran Majlis Perundingan Kampung dan Penduduk Kampong Tanah Jambu/Salar mendapat sambutan menggalakkan. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Pesta Sukan MPK Tanah Jambu dapat sambutan orang ramai

TANAH JAMBU, 14 Ogos. - Pesta Sukan sempena sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 tahun anjuran Majlis Perundingan Kampung dan Penduduk Kampong Tanah Jambu/Salar yang diadakan di kawasan lapang perumahan Tanah Jambu

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan perasmian Pesta Sukan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri

Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

Sejurus selepas pembukaan rasmi, tetamu kehormat menyaksikan pelbagai acara dan pameran yang dianjurkan seperti perlumbaan motorcross,

peraduan mengangkat batu, peraduan memasak nasi menggunakan kayu api, pameran kereta lama, perlumbaan kereta buruk, rumah hantu dan sebagainya.

Dalam acara tersebut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkesudian menyampaikan hadiah kepada para pemenang dalam pelbagai acara yang dipertandingkan.



TIMBALAN Pengarah Muzium-Muzium, Awang Bantong merasmikan Sukan Ria bagi para pegawai, kakitangan dan ahli keluarga (kiri), sementara gambar kanan, antara acara sukan yang diadakan. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit



Mukim Sengkurong rangkul pingat emas

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

PINGAT emas acara sepak takraw akhir Sukan Mukim-mukim (SMM) Brunei dan Muara jadi milik Mukim Sengkurong setelah mengenepikan Mukim Pengkalan Batu dengan kiraan mata 2 - 0 dalam perlawanan yang agak sengit.

Pada perlawanan akhir tersebut menemukan dua regu dari kedua-dua pasukan yang ternyata berpihak lebih kepada Mukim Sengkurong setelah regu pertama mereka menang strait set dengan kiraan 21-13 dalam set pertama dan 21-18 bagi set kedua.

Sementara dalam regu penentuan Mukim Sengkurong juga berjaya menjinakkan regu Mukim Pengkalan Batu apabila pada set pertama mereka menang dengan kiraan 21-15, namun pada set kedua

seketika regu Pengkalan Batu sedikit memberi saingan dengan mendapatkan sorakan gemuruh daripada para penyokong mereka sebagai membakar semangat.

Tetapi malang bagi Pengkalan Batu di set kedua kerana mata dius yang diharapkan tidak kesampaian setelah Mukim Sengkurong berjaya menamatkan permainan dengan kiraan 21-18 yang membuat Mukim Sengkurong menang strait set 21-15 dan 21-18.

Perlawanan akhir tersebut diadakan di Kompleks Sukan Menglait pada 19 Ogos lalu di mana Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji

Adnan bin Haji Hanafiah hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada johan, kedua dan tempat ketiga.

SMM Brunei dan Muara bagi acara sepak takraw hanya disertai oleh tujuh buah mukim yang dijalankan sepanjang tahun dan SMM mempertandingkan 11 jenis sukan termasuk beberapa sukan tradisi seperti permainan kuit.

Ia merupakan buat julung kalinya dianjurkan yang mempertandingkan tujuh acara sukan atas anjuran Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan kebangsaan serta Pejabat Daerah Brunei dan Muara dan mukim-mukim di Daerah Brunei Muara.

Jabatan Muzium-Muzium Brunei adakan Sukan Ria

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

SEMPENA sambutan 40 tahun penubuhan Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan Sukan Ria bagi para pegawai, kakitangan dan ahli keluarganya.

Sebanyak 15 acara sukan yang bersifat kekeluargaan yang dibahagikan kepada lelaki enam acara, lima acara bagi wanita dan dua acara bebas serta dua lagi bagi anak-anak.

Acara pertama selepas

majlis pembukaan rasmi ialah lari ikat kaki berganti-ganti bagi yang berumur 40 tahun ke atas, kemudiannya diteruskan dengan lari dalam guni dan menendang bola ke sasaran.

Sukan ria sehari itu telah dirasmikan oleh wakil peribadi Pengarah Muzium-Muzium, Awang Bantong bin Antaran juga Timbalannya pada pagi 21 Ogos lalu di Kompleks Sukan Berakas yang di-

sertai oleh empat buah rumah yang menggunakan nama-nama seperti Awang Sinuai, Semaun, Alak Betatar dan Jerambak.

Selain meraikan 40 tahun penubuhan JMMB sukan tersebut juga bertujuan sebagai memupuk semangat kesukan, di samping menjalin sifat kerjasama, komitmen dan semangat berpasukan.

Festival Air meriah

Oleh Dk. Hj. Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, 7 Ogos. - Lebih 100 peserta mengambil bahagian dalam Festival Air sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 pada tahun ini.

Festival kali keempat kelolaan bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Kuala Belait, Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut Kuala Belait merupakan antara acara yang paling dinanti-nantikan dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai.

Festival yang diadakan

di Sungai Belait meliputi perseorangan dan berpasukan dari dalam dan luar negara. Pesta tersebut dibahagikan kepada 22 kategori antaranya perlumbaan motor sangkut temuai, perlumbaan perahu nelayan, berkayuh, bot laju dan jet ski.

Setiap peserta dikehendaki mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur perlumbaan antaranya mereka diwajibkan memakai jaket keselamatan dan bagi mengelakkan kemalangan semua perahu ahli jawa-

tankuasa atau perahu orang awam tidak dibenarkan berada di perairan laluan sewaktu perlumbaan bot laju dimulakan.

Para pemenang menerima wang antara \$350.00 hingga \$80.00 mengikut kategori masing-masing dan setiap peserta dimesitikan memakai jaket keselamatan. Tetamu kehormat Pegawai Pemerintah Perkhidmatan Bomba, Cawangan Operasi B Daerah Belait, Awang Lim Hock Guan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Menurut pihak penganjur, acara tahun ini amat menggalakkan kerana sejak awal pagi lagi banyak kereta telah pun diletakkan di kawasan berdekatan persekitaran Sungai Belait untuk menyaksikan perlumbaan bot laju selain mengelakkan kesesakan lalu lintas semasa festival diadakan.

Semasa perlumbaan bot laju itu para peserta juga berpeluang mendapatkan dan menyaksikan teknik baru dalam sukan tersebut. Selain menyertai perlumbaan ada juga peserta membawa keluarga mereka untuk beriadah di hujung minggu.



PEGAWAI Pemerintah Perkhidmatan Bomba, Cawangan Operasi B Daerah Belait, Awang Lim Hock Guan menyampaikan hadiah kepada johan lumba kelas enjin SST60HP terbuka, Nordin Haji Mohammad yang diterima oleh wakilnya. - Gambar oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli.

Berangkat melawat Kementerian Pertahanan

BERAKAS, 22 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pagi ini berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja ke Kementerian Pertahanan di Bolkliah Garison di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Kementerian Pertahanan dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan Setiausaha Tetap serta Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Oleh Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

Sejurus berangkat tiba, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk menerima tabik hormat diraja dan seterusnya berkenan bergambar ramai. Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan beredar ke Bilik Persidangan di mana Duli Yang Teramat Mulia berkenan mendengar sembah taklimat mengenai struktur dan organisasi Kementerian Pertahanan. Keberangkatan lawatan kerja merupakan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia yang pertama ke Kementerian Pertahanan dan akan disusul kemudian dengan lawatan-lawatan kerja ke jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Pertahanan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan

Perdana Menteri dikurniakan pangkat Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan Mac tahun lalu.

Sebelum berangkat balik, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Lembaran Kenang-kenangan sempena keberangkatan lawatan kerja berkenaan.

Dari muka 1

Antara objektif dan matlamat jabatan berkenaan ialah untuk melindungi negara dan penduduk serta harta benda dari sebarang ancaman yang boleh menggugat keselamatan mengikut bidang tugas yang diamalkan.

Biro Mencegah Rasuah (BMR) di Berakas adalah jabatan seterusnya dikunjungi oleh DYT dan semasa keberangkatan tiba di jabatan tersebut dijunjung oleh Pengarah BMR, Datin Paduka Hajah Intan yang kemudiannya menyampaikan taklimat mengenai sejarah ringkas, peranan dan struktur serta bahagian-bahagian di BMR seperti Bahagian Operasi, Pencegahan, Kemasyarakatan dan Perkhidmatan Bantuan.

Di majlis taklimat itu, DYT bersabda menyebarkan beberapa soalan mengenai kegiatan rasuah. Antara soalan yang dikemukakan oleh DYT ialah bagaimanakah 'suc-

cess rate' kes-kes rasuah yang dihadapi di mahkamah?

Datin Paduka Hajah Intan menjelaskan, kebanyakan kes-kes yang ada pada ketika ini masih lagi dalam perbicaraan dan ada yang masih dalam simpanan pendakwaraya.

Seterusnya Datin Paduka menjelaskan mengenai 'success rate' kes-kes tersebut yang dihadapi di Mahkamah setelah dibicarakan kira-kira 70 hingga 80 peratus berjaya diselesaikan.

DYT seterusnya berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan diikuti keberangkatan ke bilik pameran dan bahagian-bahagian jabatan tersebut.

BMR dalam usahanya untuk menanamkan kesedaran di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini mengenai bahaya dan risiko rasuah terutamanya kepada pelajar dengan menanamkan sifat-sifat jujur, amanah, bersih dan cekap akan dapat melahirkan generasi yang berintegriti, berwibawa dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dan ketenteraman negara dari segi pengurusan dan pentadbiran.

Pada tahun depan, BMR akan menerapkan ke dalam pendidikan formal dengan memasukkan dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah mengenai rasuah iaitu dengan mengenalkan topik jujur, amanah, ikhlas, tanggungjawab dan latihan.

Visi BMR ialah mencapai status sebagai sebuah agensi penguat kuasa undang-undang yang cekap, berkualiti dan digalati. Manakala misinya pula bagi menegakkan integriti

Perkhidmatan Awam dengan cara membasmi dan menghapuskan rasuah dan membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan.

Tugas BMR tertumpu kepada langkah pencegahan dan menjalankan penyiasatan ke atas maklumat dan laporan yang diterima.

Sejak bulan Januari hingga Jun tahun ini, BMR telah menerima lebih 100 sumber maklumat dan kebanyakannya berupa surat dari orang ramai dan mereka yang datang sendiri ke jabatan berkenaan.

Seterusnya DYT berkenan berangkat ke Surau Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei (PDB) di Gadong untuk menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Pengiran Haji Ludin.

DYT kemudian berkenan berangkat ke Mes Pegawai PDB bagi Majlis Santap Tengah Hari bersama para pegawai dan kakitangan KDN, BMR, dan BKN.

Selepas Majlis Santap Tengah Hari, DYT meneruskan lawatan kerja ke Biro Kawalan Narkotik (BKN) di mana keberangkatan tiba DYT dijunjung oleh Pemangku Pengarah BKN, Awang Haji Abdul Majid yang juga menyampaikan taklimat mengenai peranan dan fungsi utama BKN, statistik dan trend dadah, perancangan jabatan dan kerjasama dalam negeri dan antarabangsa.

Semasa sembah taklimat tersebut, DYT mengemukakan sabbda pertanyaan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kemasukan dadah ke negara ini?

Awang Haji Abdul Majid menyampaikan, beberapa langkah telah di-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berkenan menerima Tabik Hormat Diraja sejurus berangkat tiba bagi lawatan kerja ke Kementerian Pertahanan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyaksikan mini pameran aktiviti Biro Mencegah Rasuah. - Gambar oleh Masri Osman.

Meterai perjanjian elak cukai berganda

Dari muka 1

Tuan Yang Terutama George Yeo menambah, perjanjian tersebut juga menjelaskan soal hak men-cukai ke atas semua jenis pendapatan terbitan daripada kegiatan niaga antara kedua-dua buah negara malah perjanjian itu akan membuka ruang kepada lebih banyak pelaburan dan perdagangan dua hala

selain meningkatkan pengaliran kepakaran, teknologi dan bakat.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian mengadakan perjumpaan bersama Menteri Kanan Republik Singapura, TYT Goh Chok Tong di Istana, manakala YTM Pengiran Anak Isteri berangkat menghadiri minum pagi bersama isteri Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Puan Jennifer Yeo.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Tuan Yang Terutama George Yeo, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura, menandatangani Perjanjian Pengelakkan Cukai Berganda (DTA). - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

ambil di antaranya dengan mengadakan operasi bersepadu selain mengadakan hubungan dengan negara-negara jiran terutamanya Malaysia dalam pertukaran maklumat yang berhubung dengan dadah yang sering diadakan antara kedua-dua buah negara.

BKN mula ditubuhkan pada 1 Oktober 1988 sebagai sebuah agensi kerajaan dan agensi penguat kuasa undang-undang yang bertanggungjawab melaksanakan peruntukan Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 bagi mengawal dadah berbahaya dan juga diberikan kuasa undang-undang di bawah Akta Racun Penggal 114, Perintah Darurat (Pengedaran Dadah) (Mendapatkan Kembali Hasil) 1996.

Ianya juga berperanan membantu dan meningkatkan kesedaran mengenai dasar negara terhadap penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan yang mengkhayalkan serta mewujudkan sebuah masyarakat yang bebas dari masalah penyalahgunaan dadah.

Semasa lawatan itu, DYT juga menyaksikan

demonstrasi serbuan dan tangkapan, menembak, pameran peralatan operasi dan pameran anti dadah di dewan taklimat jabatan berkenaan.

Keberangkatan lawatan kerja DYT ke jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah membuktikan keprihatinan DYT terhadap pelaksanaan tugas dan tanggungjawab agensi-agensi kerajaan dan seterusnya sebagai pemangkin kepada semua warga Perkhidmatan Awam untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih iltizam, dedikasi dan efisien.

Lawatan kerja berkenaan adalah juga kesinambungan dan dukungan berterusan kepada usaha-usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan agensi-agensi kerajaan akan sentiasa peka dan responsif terhadap perkembangan semasa demi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara dalam sama-sama menaani wawasan negara.

برسقاءو مفرکاس بفسا برتقوى
BERSEPADU MEMPERKASA BANGSA BERTAQWA

TALIAN PENTING

Ambulans	991
Polis	993
Bomba	995
Mencari & Menyelamat	998
PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN PENTING	
Air	140
Elektrik	144
Maklumat Penerbangan	2331747
Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)	2332600
Unit Pengurusan Bencana Alam	2381874
	2381313
	2382143
	2382027
Penderaan	2338700
	2339733
	2345050

'PAKAIAN Remaja', jika kita dengar atau baca perkataan tersebut, secara automatik kita akan terbayang cara berpakaian remaja kita sekarang terutama pakaian remaja perempuan. Jenis pakaian yang paling awal tergambar di minda kita adalah pakaian mereka yang seksi, ketat, terlondeh sana sini dan dedah sana sini.

Tidak dinafikan pakaian demikian juga dikenakan oleh belia dan orang dewasa, namun tumpuan kita kini adalah kepada golongan remaja yang bakal menerajui negara. Cara berpakaian juga mencerminkan akhlak, jadi ia amat penting untuk dibincangkan bagi menjaga akhlak remaja kita.

Di dalam Al-Quran, Allah berfirman dalam Surah Al-Ahzab ayat 59 tafsirnya :

"Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan beriman supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar) cara demikian lebih sesuai untuk mereka dikenali (sebagai perempuan yang baik) maka dengan ini mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."

Dari ayat di atas tadi, jelas pada kita bahawa pakaian sebilangan remaja kita kini bertentangan dengan suruhan dan perintah Allah. Namun, mereka tidak menghiraukan yang demikian asalkan mereka nampak bergaya, menarik, selesa 'kononnya' dan mengikut gaya fesyen terkini.

Selain pakaian yang jelas menjolok mata, ramai juga di kalangan remaja kita yang berpakaian '2H', halal tapi haram. Ini amat ketara jika kita perhatikan sekeliling kita, ramai juga remaja kita yang bertudung. Apabila sekali lihat, memang nampak mereka menutup aurat, namun jika diperhatikan ramai di kalangan mereka yang berpakaian ketat dan tidak kurang yang berlegan pendek. Pakaian lengan 'three quarter' (tiga perempat) paling glamor di kalangan remaja yang bertudung.

Suatu ketika dulu, pakaian demikian begitu mengaibkan dan memalukan, namun kini seolah-olah pakaian yang dialu-alukan. Mana tidaknya, pakaian sedemikian banyak 'bersangkutan' dan 'berampai' di gedung-gedung perniagaan di negara kita ini. Pelbagai fesyen baru tumbuh bagai cendawan. Terdapat juga pakaian bersaiz kecil sehingga tidak keterlaluan jika kita katakan sekarang begitu sukar untuk membezakan antara pakaian kanak-kanak dan remaja.

Jika kita kupas '2H' memang banyak pengertiannya. Namun satu saha-

PAKAIAN REMAJA, BUDAYA SIAPA MAHU DIIKUT?



GAMBAR HIASAN ... Pakaian yang kemas dan menutup aurat memang dituntut oleh agama Islam bagi penganutnya. Bagaimanapun ketika di dalam majlis tertentu ataupun ketika bersukan, pakaian yang tidak keterlaluan dan menjolok mata adalah amalan budaya kita dan tidak perlu kita mengikut budaya asing yang memang tidak bersesuaian dengan ajaran Islam.

OLEH DK. WAJIAH PG. HAJI MERALI

ja lagi yang akan kita perkatakan di sini, pakaian tradisi kita yang telah dieksploitasikan. Baju kurang misalnya, pakaian rasmi negara kita yang begitu sopan dipandang mata, namun yang menyedihkan kainnya telah dibelah sehingga menampakkan betis ketika si pemakai melangkah.

Trend 'punk', 'funky', 'rappers', 'gangster' dan sebagainya juga mempunyai cara pemakaian mereka yang tersendiri. Trend demikian bukan hanya di kalangan kaum lelaki malah kaum perempuan. Walaupun pakaian remaja lelaki tidak begitu menimbulkan masalah dalam mendedahkan aurat, namun ia tidak sopan malah menjatuhkan maruah budaya negara kita. Ini kerana pakaian tersebut melambangkan kelemahan pegangan remaja kita terhadap agama dan budaya

bangsa. Bangsa asing mentertawakan akan kebodohan dan kelemahan remaja kita kerana dengan mudah mereka membeli dan mempengaruhi minda remaja kita.

Sebilangan dari remaja kita juga, 'lupa' atau 'tidak tahu' akan jantina mereka sendiri sehingga si lelaki memakai pakaian perempuan, sementara perempuan pula sebaliknya, sungguh kasihan. Golongan seperti ini adalah dilaknat oleh Allah.



Ini jelas dinyatakan dalam hadis Nabi Besar kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud, *"Sesungguhnya Allah melaknat lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki."*

Dengan sedikit contoh pakaian di atas, jelas pada kita bahawa cara berpakaian sebahagian remaja kita bertentangan dengan cara pakaian budaya Melayu sekali gus bertentangan dengan cara pemakaian yang digariskan Islam, agama rasmi negara kita. Para remaja begitu ghairah untuk mengikut budaya

asing yang dianggap moden dan maju. Mereka takut dan terlah ego untuk dikatakan ketinggalan zaman, kuno dan berfikiran sempit.

Islam memang menggalakkan kita untuk terus memajukan diri dan bukanlah menjadi kesalahan jika kita mengikut negara-negara Barat tersebut selagi ia tidak bertentangan dengan tuntutan Islam yang suci. Namun dalam hal pakaian, tidak sesuai untuk kita mengikut mereka, ini kerana pakaian mereka yang jelas bertentangan dengan Islam dan tidak sesuai dengan cara hidup negara kita yang berfa-

safahkan Melayu Islam Beraja (MIB).

Sebagai remaja Melayu Muslim, kita tidak perlu mengikut budaya asing dalam cara berpakaian. Pakaian kita sudah cukup sempurna dan sopan dipandang. Berbaju kurung bagi kaum perempuan, manakala berbaju 'MIB' dan Cara Melayu bagi lelaki. Namun tidak semua pakaian tradisi tidak sesuai untuk agama Islam. Jika kita lihat pakaian tradisi Melayu, baju kebaya zaman dahulu contohnya, ketat dan antaranya dibuat dari kain kasa sehingga menampakkan kulit si pemakainya. Pun begitu, pakaian tersebut telah diperbaiki dengan rekaan pakaian kebaya labuh. Jadi kita bolehlah mengenakan pakaian tersebut.

Di sini tidak bermaksud agar remaja kita sentiasa mengenakan pakaian demikian, remaja kita boleh juga memakai manakala pakaian yang bersesuaian dengan situasi dan tempat. Bersukan contohnya, lelaki hendaklah memakai pakaian sukan dan berseluar panjang, manakala perempuan bertudung, berseluar panjang dan berbaju lengan panjang. Begitu juga ketika berjalan bersiar-siar dan makan angin. Walaupun tanpa memakai baju kurung, MIB atau Cara Melayu, remaja kita boleh juga memakai kemeja dan 'blaus' berlegan panjang, labuh dan tidak menampakkan kulit serta bertudung bagi kaum hawa.

Sebenarnya, tiada budaya yang tertentu yang mesti diikuti dalam berpakaian. Kita boleh mengikut budaya kita sendiri atau budaya asing seperti budaya Arab dengan memakai jubah atau budaya Cina dan sebagainya selagi ia sopan dan memenuhi garis panduan yang ditetapkan Islam. Remaja itu sendiri yang tahu pakaian yang sesuai dengan selera mereka. Tepuk dada tanya selera! Paling penting hukum Islam jangan dipermudahkan.

INI jelas dinyatakan dalam hadis Nabi Besar kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah melaknat lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki."

PAMERAN 'PADUKA ANAKANDA JULANGAN KASIH AYAHANDA'

'Rentetan sejarah bermanfaat yang patut diketahui'

PAMERAN 'Paduka Anakanda Julangan Kasih Ayahanda' ternyata bukan sahaja dapat mengangkat dan menceriakan lagi program Majlis Ilmu sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 pada tahun ini, tetapi juga memberikan pengetahuan berguna khususnya kepada rakyat dan penduduk negara ini dan orang ramai umumnya.

Ungkayah Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien itu adalah satu usaha yang baik yang memang tepat pada masanya.

Pameran tersebut antara lain merakamkan gambaran rentetan kesinambungan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam daripada paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Seperti yang ditulis dalam buku 'Julangan Kasih' sempena pameran tersebut, bahawa kesinambungan pimpinan yang merupakan keistimewaan kepada Negara Brunei Darussalam itu bermula apabila paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien semasa hayat baginda telah dengan kemahuan sendiri menyerah dan mewariskan takhta dan kerajaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pa-

duka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, putera sulung Al-Marhum yang baginda kasihi serta sentiasa diberikan didikan, asuhan dan bimbingan yang sebaiknya.

Kesinambungan pimpinan Al-Marhum itu telah dapat diteruskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan penuh kebijaksanaan dan begitu menyerlah sehingga dikagumi oleh masyarakat luar.

Dari kesinambungan kepimpinan yang bijaksana itu rakyat dan penduduk negara ini dapat hidup dalam keadaan aman, sejahtera dan selesa. Negara mencapai kemajuan dan pembangunan dalam pelbagai bidang.

Kehidupan dan kebajikan rakyat dan penduduk sentiasa berada di tahap yang tinggi dan terjamin. Kita juga dikategorikan sebagai sebuah negara maju serta mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara dunia yang lain.

Keamanan, kemajuan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini merupakan kurnia Allah Subhanahu Wataala yang tidak ternilai dan patut disyukuri. Kita juga patut bersyukur kerana dikurniakan raja yang berjiwa rakyat, pemudulan dan kuat meneakkan syiar Islam.

Pada masa yang sama kita juga bersyukur nikmat Allah Subhanahu Wataala ke atas bumi darussalam yang kaya dengan hasil minyak dan gas yang dengannya kita semua dapat hidup dengan keadaan mewah dan selesa.

Dengan kekayaan yang ada disertai kebijaksanaan pimpinan maka keamanan dan pembangunan terus berkembang maju dari tahun ke setahun. Negara bukan sahaja membangun dari segi fizikal dan prasarana, malah ajaran agama Islam, budaya, adat resam dan nilai-nilai murni warisan bangsa juga tetap dipertahankan.

Dalam ruangan FOKUS kali ini penulis tidak akan membuat ulasan panjang lebar mengenai pameran tersebut. Bagaimanapun ada baiknya kita paparkan keterangan mengenai bahan-bahan yang dipamerkan dalam galeri-galeri itu (seperti yang terkandung dalam Buku Julangan Kasih) untuk pengetahuan orang ramai khususnya para pengunjung.

GALERI

Pameran 'Paduka Anakanda Julangan Kasih Ayahanda' mempamerkan 10 Galeri. GALERI 1 antara lain mempamerkan sorotan rakaman mengenai diri Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien semasa zaman kanak-kanak, remaja dan dewasa sehingga baginda ditabalkan menjadi Sultan Brunei Ke-28 pada 6 Jun 1950 dan kemudian dipuspan pada 31 Mei 1951.

Turut dipamerkan ialah pakaian yang dipakai oleh Al-Marhum semasa Istiadat Berpuspa dan Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Selain itu, catatan tarikh-tarikh penting bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien juga dimuatkan dalam galeri tersebut.

GALERI 2 merupakan miniature sebuah balai yang direka menurut ciri-ciri kebruneian. Antara koleksi yang dipamerkan di miniature ini ialah koleksi sebahagian dari tongkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Turut dipamerkan ialah syair-syair tulisan tangan gubahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

GALERI 3 antara lain mengandungi gambar-gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (sejak 1952) bersama ahli kerabat diraja.

Juga dipamerkan ialah pakaian tenunan asli Brunei yang pernah dipakai oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan koleksi setem yang berlatarbelakangkan potret Al-Marhum.

GALERI 4 ialah mengenai sorotan secara ringkas rakaman perkembangan pentadbiran dan politik Brunei meliputi Istiadat Penandatanganan Perumahan Perlembagaan Negeri Brunei (29 September 1959); Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien turun takhta Singgahsana Kerajaan (4 Oktober 1967); Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ditabalkan menjadi Sultan Brunei Ke-29 (5 Oktober 1967); Istiadat Penandatanganan Perjanjian 1971 dan Perjanjian 1979 serta Istiadat Perumahan Kemerdekaan dan Sambutan Hari Kebangsaan yang pertama bagi Negara Brunei Darussalam pada 1984.

Selain itu, baju yang dipakai oleh Al-Marhum di Istiadat Perumahan Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei 1959 dan Istiadat Perumahan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984 juga turut dipamerkan.

GALERI 5 mempamerkan rakaman gambar-gambar yang memperlihatkan kecenderungan dan usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam memperkembangkan bidang pendidikan seperti pembinaan

institusi pendidikan dan ekonomi khususnya penghasilan minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam.


GALERI 6 memaparkan sebahagian daripada acara dan aktiviti keagamaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien seperti menunaikan fardu haji, menyampaikan khutbah, sembahyang berjemaah, berangkat menghadiri Majlis Musabiqah Al-Quran peringkat negara dan majlis-majlis memperingati hari-hari kebesaran Islam.

Juga dipamerkan ialah miniature mimbar Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

GALERI 7 memuatkan rakaman gambar-gambar beberapa kegiatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam bidang ketenteraan dan sukan. Kegiatan ketenteraan meliputi keberangkatan ke kem-kem tentera dan menyaksikan latihan-latihan ketenteraan. Sementara kegiatan sukan pula seperti bermain bola sepak, menyertai perlantikan tarik kalat dan lumba perahu.

Turut dipamerkan ialah piala kemenangan dan pakaian sukan yang pernah dipakai oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien semasa menyertai lumba perahu.

GALERI 8 menampilkan gambar-gambar yang merakamkan hubungan erat dan mesra antara raja (Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien) dengan rakyat dalam pelbagai acara atau majlis rasmi atau tidak rasmi.



Oleh Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

Antaranya ialah keberangkatan ke mukim dan kampung, ke Majlis Bersama Rakyat di keempat-empat daerah sempena Hari Keputeraan; mengadakan Istana Terbuka selama tiga hari berturut-turut bagi rakyat dan penduduk negara ini menjunjung ziarah sempena Hari Raya Aidilfitri.

GALERI 9 berkonsepkan jalinan hubungan Brunei dengan negara luar melalui keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien mengadakan lawatan negara dan menerima tetamu daripada kalangan pemimpin dan pembesar rakyat dan penduduk negara jiran dan sahabat.

Keberangkatan ke luar negara dan juga menerima tetamu negara telah mengeratkan hubungan dua hala serta jalinan muhibah, persahabatan, kerjasama dan persefahaman, di samping dapat meluaskan peluang untuk meningkatkan pencapaian kemajuan bagi Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai bidang.

GALERI 10 merupakan yang terakhir bagi Pavilion Pameran 'Paduka Anakanda Julangan Kasih Ayahanda'. Ia merakamkan detik-detik akhir hayat Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien termasuk gambar-gambar semasa Istiadat Pemakaman.

Di samping itu titah khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzad-

din Waddaulah mengenai Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 28 Oktober 1986 merupakan bahagian yang menyentuh perasaan di galeri itu.

Turut dimuatkan ialah persembahan slaid potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam pelbagai penampikan.

MANFAAT

Ternyata gambar-gambar dan koleksi barangan yang dipamerkan dalam 10 galeri itu mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan patut diketahui oleh rakyat dan penduduk negara ini terutamanya generasi muda.

Sejarah negara sangat penting untuk diketahui kerana ia dapat menjana semangat patriotisme dan rasa kecintaan terhadap bangsa dan negara. Sejarah menjadi tapak kita bermula dan menjadi asas kepada hala tuju kecemerlangan masa hadapan.

Maka jangan lepaskan peluang untuk datang menyaksikan pameran 'Paduka Anakanda Julangan Kasih Ayahanda' di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Memandangkan sambutan yang begitu menggalakkan dan atas permintaan orang ramai pameran yang bermula 27 Julai lepas itu diteruskan sehingga 31 Ogos 2005.

Akhir kata 'sejarah bangsa sendiri wajar diketahui'.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

Bahagian Kawalan Penyakit
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar
Bahagian V

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Membuat laporan lengkap mengenai penyiasatan epidemiologi penyakit untuk tindakan selanjutnya setelah selesai menjalani penyiasatan epidemiologi dan menerima keputusan makmal.	5 hari
2.	Menyediakan bahan taklimat untuk pendidikan mengenai pengurusan data dan epidemiologi penyakit.	6 bulan



UNIVERSITI Brunei Darussalam memulakan kursus pada 28 Oktober 1985. Pusat Pengajaran Gadong yang terletak berdekatan Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Gadong dijadikan kampus sementara. Seramai 174 orang calon termasuk 69 wanita dipilih mengikuti pelbagai kursus yang ditawarkan. Penubuhan UBD diumumkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada 23 April 1985. Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz semasa berucap di Majlis Memulakan Kursus dan Orientasi yang pertama, mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjadi Canselor UBD, manakala Yang Dimuliakan pula dilantik selaku Naib Canselor UBD. Sementara Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPSHB) diisytiharkan sebagai sebahagian daripada UBD. Gambar kiri, sebahagian mahasiswa pertama di Majlis Memulakan Kursus dan Orientasi UBD. - Sumber: PELITA BRUNEI, 18 September 1985 (1985 : 1), 16 Oktober 1985 (1985 : 24), 30 Oktober 1985 (1985 : 1) dan 6 November 1985 (1985 : 6). Negara Brunei Darussalam: Pejabat Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama Islam sangat menitikberatkan keselamatan dan kesejahteraan umatnya, tepat dengan makna Islam iaitu agama selamat. Oleh yang demikian, agama Islam tidak mahu umatnya terdedah kepada kecelakaan dan kebinasaan. Di antara perkara yang boleh memudaratkan dan membinasakan manusia sebagaimana penyelidikan dan kajian pakar-pakar perubatan ialah amalan merokok.

Ke arah menyedarkan masyarakat tentang kesan dan bahaya merokok ini telah banyak kali diperdengarkan dan dipaparkan melalui buku-buku, media-media massa, ceramah-ceramah bahkan juga melalui khutbah di masjid-masjid secara berulang kali. Tetapi sejauh manakah penerimaan dan penghayatannya terhadap saranan dan nasihat berkenaan? Apa yang pasti masih juga kelihatan orang merokok di sana sini, bahkan juga di tempat-tempat larangan merokok pun orang masih merokok tanpa mempedulikan orang yang berdekatan dengan mereka, walaupun meyakini perbuatan yang mereka lakukan memudarat dan membahayakan orang lain.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 93 tafsirnya:

"Dan siapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah Neraka Jahanam kekal ia di dalamnya dan Allah murka kepadanya dan melaknat serta menyediakan baginya seksa azab yang besar."

Allah Subhanahu Wataala memerintahkan khususnya umat Islam supaya tolong-menolong ke arah kebaikan, nasihat-menasihati antara satu sama lain, bukan membiarkan. Maka da-

lam hal ini sepatutnya orang yang ditegur dan dinasihati berterima kasih kerana masih disayangi handai, sanak saudara dan keluarga. Kita perlu ingat bahawa kita makhluk dan milik Allah Subhanahu Wataala yang diikat dengan peraturan dan hukum Allah Subhanahu Wataala. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 195 tafsirnya:


"Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan."

Kita juga perlu sedar bahawa hidup dan kesihatan adalah kurnia dan nikmat dari Allah Subhanahu Wataala yang sepatutnya disyukuri dan dipelihara serta dihargai bukan dirosakkan. Merokok memang tidak membunuh secara serta-merta tetapi memudaratkan kerana ia mengandung berbagai-bagai racun.

Perbuatan membunuh diri tidak ada bezanya dilakukan cepat ataupun perlahan-lahan kerana yang pasti natijahnya ialah kematian yang dilakukan oleh perbuatan diri sendiri, kedua-dua perbuatan ini diharamkan oleh Allah Subhanahu Wataala sebagaimana firman-Nya dalam Surah An-Nisaa' ayat 29 tafsirnya:

"Dan janganlah ber-bunuh-bunuhan sesama"

ROKOK MEMUDARAT DAN MEMBAHAYAKAN KESIHATAN



HARUS diingatkan kanser itu bermacam-macam jenis dan adalah diakui bukanlah semuanya disebabkan merokok, tetapi berdasarkan kajian dan penemuan pakar-pakar perubatan menyatakan bahawa yang pasti kebanyakan berpunca daripada tabiat merokok di mana sembilan daripada sepuluh orang yang menghidap kanser paru-paru adalah perokok atau bekas perokok. Maka ini amat jelas dan membuktikan rokok itu memudaratkan dan membahayakan.

kamu sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihi kamu."

Kadang-kadang ada orang beralasan: "Bapa saudara saya meninggal disebabkan kanser tetapi tidak pernah merokok." Ada pula yang berkata:

"Nenek saya merokok tetapi masih sihat hingga ke hari ini."

Harus diingatkan kanser itu bermacam-macam jenis dan adalah diakui bukanlah semuanya disebabkan merokok, tetapi berdasarkan kajian dan

penemuan pakar-pakar perubatan menyatakan bahawa yang pasti kebanyakan berpunca daripada tabiat merokok di mana sembilan daripada sepuluh orang yang menghidap kanser paru-paru adalah perokok atau

bekas perokok. Maka ini amat jelas dan membuktikan rokok itu memudaratkan dan membahayakan.

Ada orang beralasan bahawa rokok boleh memberi semangat melakukan sesuatu pekerjaan dan boleh membantu menumpukan perhatian, tetapi apakah sebabnya boleh berlaku demikian? Sebenarnya inilah dia kesan narkotin dalam rokok yang meningkatkan denyutan jantung dan tekanan darah yang lambat-laun akan mendatangkan kemudaratkan. Bahkan merokok juga menyekat bekalan oksigen ke otak dan meningkatkan tahap karbon monoksida dalam darah.

Adalah tidak dapat dinafikan dan kita hendaklah akur terhadap hasil kajian dan penemuan pakar-pakar dalam bidang berkenaan yang menyatakan merokok memudarat dan menjejaskan kesihatan, dan kita sendiri mengetahui bahawa merokok merupakan pembaziran wang kepada sesuatu yang tidak bermanfaat. Agama Islam melarang perbuatan membazir, apatah lagi jika ternyata wang tersebut diperlukan oleh diri sendiri dan keluarga. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Israa' ayat 26 - 27 tafsirnya:

"Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itulah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

Menurut Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam buku yang bertajuk 'Rokok dan Merokok' ada menjelaskan seperti berikut:

"Islam sebagai agama

sejahtera, agama yang sangat menghargai nyawa dan mementingkan kesihatan, keafiatan, kecergasan dan kekuatan bagi beribadat kepada Allah Subhanahu Wataala, telah menyediakan kawalan-kawalan yang boleh menjamin dan memelihara semua itu melalui hukum halal haramnya. Ia telah menetapkan satu kaedah menolak mudarat. Jika suatu benda itu nyata mendatangkan mudarat, kerosakan dan kebinasaan, maka memakan termasuk menghisapnya dihukumkan haram."

Menurut fatwanya lagi, hukum merokok adalah seperti juga hukum benda-benda yang memabukkan dan mengkhayalkan berdasarkan nas dan kias, benda-benda yang memabukkan, mengkhayalkan dan merosakkan akal adalah diharamkan dengan dalil daripada nas dan ijmak. Maka demikian pula dengan merokok, hukumnya juga berdasarkan nas-nas syarak yang umum dengan kias dan berdasarkan bahayanya yang lebih besar daripada benda-benda lain yang memabukkan.

Maka berdasarkan penegasan pakar-pakar bahawa rokok itu membahayakan dan membinasakan serta jelas kepada kita perbuatan merokok itu melakukan pembaziran, maka adalah tidak diragukan lagi bahawa hukum membahayakan dan pembaziran itu adalah haram dari segi hukum syarak.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Araaf ayat 157 tafsirnya:

"Dan Dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang jijik (keji dan buruk)."

MENURUT fatwanya lagi, hukum merokok adalah seperti juga hukum benda-benda yang memabukkan dan mengkhayalkan berdasarkan nas dan kias, benda-benda yang memabukkan, mengkhayalkan dan merosakkan akal adalah diharamkan dengan dalil daripada nas dan ijmak. Maka demikian pula dengan merokok, hukumnya juga berdasarkan nas-nas syarak yang umum dengan kias dan berdasarkan bahayanya yang lebih besar daripada benda-benda lain yang memabukkan.

وقت سمبھيٹ، امساك، شوروق دان ضھر

وقت ۲ سمبھيٹ، امساك، شوروق دان ضحي باگي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 19 رجب، 1426 برسمان دغن
24 اوگوس، 2005 هيگت كهاري ثلاث، 25 رجب، 1426 برسمان دغن 30 اوگوس، 2005 اداله سمرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
رجب									لوگوس
19	12.24	3.36	6.30	7.41	4.47	4.57	6.15	6.38	24
20	12.24	3.35	6.30	7.40	4.47	4.57	6.15	6.38	25
21	12.24	3.34	6.30	7.40	4.47	4.57	6.15	6.38	26
22	12.23	3.33	6.29	7.39	4.47	4.57	6.14	6.38	27
23	12.23	3.32	6.29	7.39	4.47	4.57	6.14	6.38	28
24	12.23	3.32	6.28	7.38	4.47	4.57	6.14	6.38	29
25	12.23	3.31	6.28	7.38	4.47	4.57	6.14	6.37	30

وقت ۲ سمبھيٹ باگي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيٹ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني
دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تھاري.

Kebajikan para mualaf sentiasa diambil perhatian

TEMBURONG, 4 Ogos. - Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama terus menjalankan tugas dan tanggungjawabnya yang diamanahkan dengan memeduli, mengambil perhatian dan menjaga kebajikan para mualaf yang tergolong miskin dengan menyediakan tempat tinggal yang selesa.

Dengan mengagihkan bantuan dari Kumpulan Wang Zakat, bantuan asasi seperti pakaian, persekolahan dan perubatan juga diberikan kepada mereka secara percuma.

Pembinaan sebuah rumah teres di Kampong Semabat pagi tadi merupakan satu lagi komitmen yang jelas Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei agi memeduli golongan mualaf di daerah ini setelah projek pertama di Kampong Sibut yang sudah digunakan tahun lalu.

Majlis mendirikan tiang asas pada rumah teres enam unit Kampong Semabat disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri

Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

"Sebenarnya penyelarasan telah dibuat bersama pihak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dalam menyalurkan dan memberikan bantuan pada golongan asnaf dan mereka yang memerlukan bantuan kerana kedua-dua pihak mempunyai pendekatan yang sama dalam menangani masalah ini," jelas Yang Berhormat.

MUIB dan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah berganding bahu dalam memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan seperti orang susah, miskin, mualaf dan lain-lainnya.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, penentuan bagi mereka yang berhak itu terpaksa diteliti terlebih dahulu kerana ada juga sesetengah pihak

mendakwa diri mereka berhak tetapi sebenarnya tidak.

"Kita tidak mahu sebahagian hak sebenar kepada mereka yang benar-benar berhak menerimanya diagihkan pula kepada mereka yang tidak berhak dan perkara meneliti kebenaran itu satu tugas berat bagi MUIB," tambah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, terdapat beberapa skim bantuan yang menggunakan kumpulan wang zakat seperti bantuan asasi, kewangan kepada ketua keluarga, wang sekolah dan wang saku bagi setiap ahli keluarga.

Terdapat juga skim pendahuluan kepada mualaf dan golongan yang memerlukan seperti nelayan akan dikeluarkan dengan modal perahu bersama dengan enjin pukat dan petani dengan tanah serta mesin yang diperlukan supaya mereka mampu berdikari dan menyara diri serta keluarga.

MUIB teruskan bantuan kepada golongan yang berhak

TEMBURONG, 4 Ogos. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menegaskan, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei kan tetap dan meneruskan memberikan bantuan pada golongan yang berhak dan memerlukan di negara ini.

Yang Berhormat yang juga Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) menyatakan demikian ketika ditemui bual oleh wakil PELITA BRUNEI di Majlis Mendirikan Tiang Asas Pembinaan Semula Rumah Bantuan MUIB (Asnaf Mualaf) bagi Rumah Bahagia Kampong Semabat di sini.

Bantuan seumpama itu, menurut Yang Berhormat, akan dapat mengukuh dan meneguhkan lagi akidah mereka serta membolehkan mereka bergaul dengan masyarakat Islam lain seperti biasa.

Apa yang mengagumkan, tambah Yang Berhormat, generasi ketiga dari golongan mualaf Kampong Semabat sekarang ini telah menjadi imam di masjid kampung



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menuang simen tiang asas bagi rumah teres enam unit di Kampong Semabat. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

berkenaan dan perkara itu perlu dijaga dan dikendalikan supaya akan terus terpelihara.

Menurut Yang Berhormat, bukan mualaf saja yang boleh diberikan bantuan dengan Kumpulan Wang Zakat, golongan miskin juga diberikan bantuan kerana mereka termasuk dalam asnaf di negara

ini.

Rumah teres konkrit itu yang dinamakan sebagai Rumah Bahagia dibiayai sepenuhnya oleh MUIB dengan menelan belanja lebih \$307 ribu dari Kumpulan Wang Zakat dan akan siap pembinaannya pada penghujung tahun ini.

Ia mula dibina pada awal Mac lalu di tapak

lamanya yang dulunya rumah papan yang juga dibina oleh MUIB berkenaan pada tahun 1976, namun pada tahun 1991, ia dibaik pulih oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan kini dibangunkan semula sebagai rumah teres konkrit.

Jika siap nanti rumah tersebut akan didiami kembali oleh enam kelamin yang kesemuanya telah memeluk agama Islam lebih 30 tahun lalu.

Berikhtiar dan berdoa disukai oleh Allah

منوجوكر ريسان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

BERDOA atau meminta kepada Allah Subhanahu Wataala sama ada ia berupa doa yang bercorak keduniaan ataupun doa yang bercorak keakhiratan merupakan suatu amal ibadat yang kelak akan dibalas oleh Allah Subhanahu Wataala dengan pahala. Seorang hamba Allah yang sentiasa atau hanya berdoa kepada-Nya adalah lebih disukai dan dikasihani-Nya daripada seorang hamba yang jarang atau sama sekali tidak berdoa, kerana Allah sendiri telah menyuruh hamba-hamba-Nya supaya berdoa atau meminta kepada-Nya dan telah pula menjanjikan akan memperkenankan doa tersebut asalkan doa tersebut tidak bercorak maksiat. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Al-Ghaafir ayat 60 yang tafsirnya:

"Dan Tuhan kamu berkata: Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku akan memperkenankan doa kamu itu."

Janji Allah untuk memperkenankan doa-doa hamba-Nya tidaklah dapat diragukan, Allah Subhanahu Wataala

tidak pernah menyalahi janji-Nya, cuma dalam hal memperkenankan permintaan hamba-hamba-Nya ini, walaupun sudah berulang-ulang hamba-Nya meminta, tidaklah semestinya memperkenankan dengan serta-merta dan semua yang diminta itu tidak pula semestinya akan diberikan mengikut apa yang diminta, akan tetapi yang jelas bahawa segala doa dan permintaan itu akan diperkenankan-

Nya apabila sudah cukup syarat-syaratnya sama ada ia dengan serta-merta atau dilambatkan sampai ke akhirat nanti ataupun akan digantikan-Nya dengan menjauhkan sesuatu kecelakaan (musibah) dari si peminta itu sendiri sesuai dengan keadaan doanya.

Dalam sebuah hadis riwayat Ahmad daripada Abi Said Al-Khudry Radial-

JANJI Allah untuk memperkenankan doa-doa hamba-Nya tidaklah dapat diragukan, Allah Subhanahu Wataala tidak pernah menyalahi janji-Nya, cuma dalam hal memperkenankan permintaan hamba-hamba-Nya ini, walaupun sudah berulang-ulang hamba-Nya meminta, tidaklah semestinya memperkenankan dengan serta-merta dan semua yang diminta itu tidak pula semestinya akan diberikan mengikut apa yang diminta, akan tetapi yang jelas bahawa segala doa dan permintaan itu akan diperkenankan-Nya apabila sudah cukup syarat-syaratnya sama ada ia dengan serta-merta atau dilambatkan sampai ke akhirat nanti ataupun akan digantikan-Nya dengan menjauhkan sesuatu kecelakaan (musibah) dari si peminta itu sendiri sesuai dengan keadaan doanya.

lahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa daripada orang Islam yang berdoa dengan doa yang tiada mengandungi maksiat dan tidak untuk memutuskan tali silaturahmi, nescaya Allah Subhanahu Wataala akan memperkenankannya dengan salah satu di antara tiga: Di perkenankan dengan serta-merta atau dilambatkan sampai ke akhirat ataupun dijauhkan daripadanya bencana yang akan menimpa. Kata sahabat: Kalau kami memperbanyakkan doa? Jawab Nabi: Allah itu Maha Kaya."

Mungkin pada suatu masa kita sangat memerlukan sesuatu, maka kita pun menadah tangan meminta pertolongan kepada Allah Subhanahu Wataala supaya sesuatu yang sangat kita harapkan dapat kita capai dengan segera. Akan tetapi masa dan hari bersilih ganti, namun apa yang kita perlukan dan harapkan itu belum juga tercapai. Dalam hal ini kita tidak boleh salah sangka terhadap janji Allah Subhanahu Wataala. Allah tetap mendengar dan melihat apa yang kita perlukan, cuma masa atau hikmat dari apa yang kita perlukan itu boleh jadi dalam ilmu Allah Subhanahu Wataala belum masanya kita terima ataupun belum sesuai dengan kita dan digantikannya dengan sesuatu yang lebih layak bagi kehidupan kita.

Kita hendaklah memperbanyakkan meminta kepada Allah, di samping berikhtiar di jalan yang diredai-Nya, kerana dengan bertambah banyaknya kita meminta kepada Allah Subhanahu Wataala akan bertambah pulalah suka dan kasih Allah kepada kita.

MENGHORMATI ORANG TUA ASAS KEPERIBADIAN REMAJA

DALAM era masa kini atau lebih lazim dikenali sebagai pensejagatan dunia atau dengan istilah yang lebih mudah lagi era globalisasi ini, kita merasakan bahawa masa ini berlalu begitu pantas sehingga kita tidak terasa bahawa hari sudah berganti minggu, minggu menjadi bulan dan bulan menjadi tahun. Tanpa kita sedari kita kini sudah di ambang penghujung tahun 2005 dan sedikit masa lagi menjelang tahun baru 2006.

Namun itu semua adalah tanda-tanda kebesaran Allah dan juga tanda bahawa betapa kita lalai untuk mengingatkannya dan betapa kita leka dibuai kesibukan harian sehingga kita juga lalai untuk mengatur strategi yang teratur bagi kehidupan seluruh ahli keluarga kita.

Namun apa yang nyata sekali dalam era pensejagatan dunia ini ialah berkurangnya nilai-nilai rohani yang sering kita amalkan sewaktu kita kecil dulu. Adakah ini berakibat daripada proses pensejagatan dunia? Memang jika kita fikirkan sedalam-dalamnya bahawa ia adalah sebahagian daripada kesannya. Namun ia dapat saja dipertahankan jika kita mengambil langkah-langkah tertentu dan bijaksana.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

Pembeli harus bijak dan berwaspada

NEGARA kita telah mengadakan Jualan Pertengahan Tahun pada bulan Jun lalu. Saya amat tertarik dengan usaha kerajaan kerana apa yang dibuat adalah semata-mata untuk memantapkan lagi ekonomi negara dan mementingkan pihak pengguna. Usaha sebegini adalah baik kerana ia boleh menyebabkan orang ramai khususnya penduduk tempatan untuk berbelanja di negara sendiri. Jadi secara tidak langsung ia boleh membantu menaikkan ekonomi negara dengan kemasukan pendapatan ke negara ini. Jadinya ramailah warga Brunei dan juga mereka yang bermastautin dan bekerja di negara ini mengambil kesempatan untuk membeli-belah dengan sebaiknya.

Apa yang dikesali di sini ialah ada sesetengah orang ramai tetapi bukan semua, apabila sudah 'ghairah' dengan harga menarik yang ditawarkan, mereka lupa untuk memeriksa semula berapakah jumlah sebenar pembelian mereka. Mereka hanya mengambil barang yang mereka suka dengan sebanyak-banyaknya, kemudian meletakkannya di kaunter pembayaran dan membayar berapa saja jumlah yang dikemukakan oleh juruwang tersebut. Sikap sebeginilah yang menyebabkan ada di antara kedai-kedai atau supermarket yang mengambil kesempatan terhadap para pelanggan untuk mengenakan harga bukan harga diskaun.

Hal ini tidak diketahui sama ada ia sengaja dibuat atau sebaliknya. Perkara ini sering saya dengar oleh pelanggan yang mempunyai pengalaman sebegini. Mereka merasa diri mereka tertipu kerana semasa barang yang dibelinya itu dipamerkan, ia ditandakan dengan harga yang murah iaitu harga yang mempunyai diskaun. Namun harga ini telah berubah apabila mereka menghantarnya ke kaunter pembayaran setelah di'scan' ke komputer pembayaran, harga yang dikira adalah masih harga asal dan tiada potongan harga. Jadinya, berakibat daripada ini, para pelanggan yang tidak bijak, mereka akan terperangkap dengan membayar harga yang asal. Apa yang saya harapkan, pembeli akan bertindak lebih bijak dan mengawal perbelanjaan dengan sebaiknya supaya tidak berlaku perbelanjaan. Pembaziran itu sendiri amat dilarang di dalam agama Islam.

Shazazee

Nilai-nilai rohani yang kita amalkan sejak kecil lagi seperti menghormati orang tua, meminta izin untuk melintas lalu, meminta izin untuk pergi ke mana-mana, memulakan menegur sapa orang tua, menjenguk orang tua dan pelbagai lagi. Tapi yang ada menjadi amalan ialah orang tua pula yang menegur sapa, orang tua pula yang menjenguk anak-anak dan jikapun hendak melintas lalu terus saja 'membelah majlis' tanpa meminta sebarang keizinan.

Nilai-nilai rohani sedemikian, meskipun kecil tetapi faedahnya adalah amat besar. Dengan berbuat demikian kita sudah melazimkan atau mempraktikkan satu sifat murni yang diadun lagi dengan keramahan, yang mana memang diwarisi bangsa kita orang Brunei sejak dari dulu lagi. Bahkan agama Islam sendiri menggalakkan untuk menghormati orang tua sehingga ada hadis yang menyatakan bahawa Syurga di bawah telapak kaki ibu.

Jelas di sana, betapa orang itu penting untuk dihormati. Dalam budaya kita juga pada zaman sekarang jarang sekali kita sebut konsep 'ketulahan'. Secara pengertian biasa, ketulahan bermakna seseorang yang ditimpa atau mendapat musibah sama ada kecil atau besar berakibat daripada melakukan perkara yang menyakitkan hati orang tua.

Konsep ini sering disebut-sebut orang tua pada waktu dulu sebagai memberi amaran kepada anak-anaknya bahawa perbuatan yang kurang sopan terhadap orang tua boleh membawa padah. Apa yang penting di sini ialah konsep ini telah berjaya mengasuh anak-anak remaja zaman dulu menjadi cukup 'tiitih baidung' taat menurut perintah ibu bapa mereka. Nilai sedemikian juga semakin kukuh berakar umbi apabila ianya ditambah dengan ajaran

dan didikan agama yang mencukupi.

Menghormati orang tua di sini bukan sahaja bermaksud ibu dan bapa sahaja. Ia meliputi semuanya bagi orang yang lebih tua daripada anak remaja atau orang lebih berusia dari kita. Mereka ini wajar kita hormati kerana merekalah yang lebih dahulu lahir ke dunia ini daripada kita. Mereka juga adalah orang yang lebih dahulu mengalami pengalaman hidup dan dari mereka juga kita telah mempelajari semua pelajaran-pelajaran atau kesilapan-kesilapan yang telah mereka lakukan. Kita sebenarnya membina kehidupan yang lebih sempurna daripada pengalaman kesilapan mereka. Perambatan orang kitani di Brunei, mereka adalah orang yang 'mula-mula makan sira'.

Namun sekarang, jika kita toleh ke belakang sejenak, nilai menghormati orang tua semakin pupus dan mungkin juga akan hilang. Rata-rata anak-anak remaja masa kini sudah lupa tentang konsep tersebut sehingga pada suatu waktu terpampang berita mengenai anak-anak yang mendera ibu bapanya untuk mendapatkan wang, malahan yang paling sadis lagi ialah ada anak-anak yang sanggup mengorbankan ibu bapanya untuk mendapatkan wang dan mengejar kemewahan dunia. Mudahan perkara seumpama ini tidak akan berlaku dalam masyarakat kita.

Kita tidak nafikan bahawa remaja sekarang adalah cukup rajin, inovatif dan kreatif serta bijak dalam menentukan hala tuju kehidupan mereka. Ramai remaja kita yang berjaya dalam pelajaran dan pengajian mereka dan mendapat jawatan yang cukup tinggi dalam kerajaan. Namun ada segelintir yang kurang dalam bidang didikan rohani. Dengan demikian mereka menjadi remaja yang sombong dan tidak menghiraukan lagi orang tua mereka. Sekalipun memberikan mereka perhatian hanya dengan memberikan mereka wang saku pada setiap bulan dan menyediakan prasarana kemudahan untuk mereka.

Sebenarnya warga tua tidak memerlukan wang ringgit yang begitu banyak. Apa yang mereka perlukan adalah perhatian berterusan dan belaian



kasih sayang serta penghormatan yang wajar. Jenguklah mereka di kampung, jika pun tidak ada masa untuk menjenguk, hubungilah mereka melalui telefon. Dengan berbuat demikian, hati mereka akan terasa terhibur dan tersisip di hati dan perasaan mereka bahawa masih ada anak-anak mereka yang prihatin terhadap mereka. Mereka akan merasa berbesar hati dan reda terhadap kita. Dengan yang demikian juga kehidupan kita akan diberkati.

Kita juga mesti ingat bahawa warga tua ataupun orang tua kita adalah sama seperti kita mempunyai perasaan. Mereka sangat sensitif. Apabila perasaan mereka tersentuh atau terluka, maka masa untuk mereka melupakan perkara sedemikian. Kerendah mereka seperti ini adalah perkara biasa bagi golongan mereka untuk mudah tersentuh perasaan. Dengan yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sebolehnya mengembirakan mereka agar mereka melayari kehidupan ini dengan penuh keceriaan dan kegembiraan di samping anak-anak yang memahami dan mengerti terhadap mereka.

Demikianlah halnya, betapa menghormati orang tua itu menjadi asas kepada keperibadian kaum remaja. Ini jelas apabila bimbingan kerohanian seperti itu akan dapat menjamin kebahagiaan kehidupan. Kita akan menjadi seorang insan yang sempurna dari segi akhlak dan peribadi. Kita akan menjadi terhormat dan dihormati serta digalati. Walaupun cerita-cerita legenda seperti Si Tanggung, Malim Kundang dan Jong Batu mengingatkan kita kisah seorang anak yang derhaka sudah lama berlaku dan berlalu, namun tidak ada ruginya untuk mengimbasnya kembali untuk dijadikan sebagai utap, sempadan dan teladan bagi kita untuk tidak terlajak. Sesungguhnya ibu dan bapa adalah permulaan kita.



Kelolaan: Sahari Akim dan
Noor Khadijah Tengah

KONTRAK PROJEK e-MIPR

SEPERTI juga kementerian-kementerian lain, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (MIPR) giat menjalankan program inisiatif e-kerajaan dengan pelaksanaan projek-projek e-MIPR.

Matlamat utama projek-projek berkenaan ialah untuk menyalurkan perkhidmatan-perkhidmatan on-line yang cepat, efisien dan mesra pelanggan kepada para pelabur, pengusaha dan masyarakat peniaga.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penandatanganan Kontrak bagi empat projek e-MIPR antara MIPR dan tiga syarikat IT tempatan iaitu ITIS Wescot Technology Sdn. Bhd., eSuria Mentari System Sdn. Bhd. dan AV Electronic Sdn. Bhd. telah diadakan di kementerian tersebut pada 14 Julai lepas.

Projek-projek e-MIPR yang dilaksanakan di bawah Program e-Kerajaan MIPR ialah bagi mengedar, menghantar, memasang, membangun, menguji dan memelihara infrastruktur rangkaian (the supply, delivery, installation, development, testing and maintenance of the network infrastructure) jabatan-jabatan di bawahnya.

Antara jabatan-jabatan terlibat ialah Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perikanan dan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap MIPR, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar. Hadir sama ialah Pengarah BINA, Awang Haji Md. Zain bin Haji Abd. Ghafar; Pemangku Pengarah Pertanian, Pengiran Hajah Mariana Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Momin; Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim dan Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Haji Shahril bin Haji Shabbuddin.

Mewakili MIPR ialah Pegawai Pentadbir Kanan, Awang Haji Ahmad Baihaki bin POKDGLDSU Haji Mohd. Taha, manakala ITIS Wescot Technology diwakili oleh Pengarah Urusannya, C.T. Lim; eSuria Mentari System diwakili oleh Pengarah Pembangunan Bisnes Syarikat, Awang Sulaiman bin Haji Mahmud dan AV Electronic diwakili oleh Pengarah Urusan, Awang Haji Karim bin Haji Asmat.

Projek-projek ini melibatkan penubuhan infrastruktur 'local area network' (LAN) bagi jabatan-jabatan di bawahnya. Ia akan mewujudkan rangkaian intranet menghubungkan ibu pejabat, jabatan-jabatan dan cawangan-cawangan sebagai sebahagian dari 'wide local area network' (WLAN), menghubungkan kementerian dan jabatan-jabatan serta cawangan-cawangan di seluruh negara dalam satu 'virtual private network' (VPN) yang selamat.

Setakat ini, sebanyak lima projek e-MIPR iaitu rangkaian infrastruktur bagi Jabatan Pertanian, Perhutanan, Perikanan, BINA dan Pusat IT kementerian telah diluluskan oleh Lembaga Tawaran Negara. Pengawasan projek tersebut dibuat melalui Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Kementerian sementara jabatan-jabatan yang bertindak selaku pengurus projek bertanggungjawab bagi pengurusanannya.

Perlaksanaan projek-projek ini akan membolehkan jabatan-jabatan menyalurkan secara on-line kepada rakyat, pengusaha, komuniti bisnes, pelabur dan pelanggan-pelanggan lain dengan cepat, efisien dan tepat.

Strategi bersepadu ini bertujuan mencapai pensejajaran yang berterusan dalam memastikan 'compatibility and interoperability'. Apa yang paling penting ialah memudahkan pemeliharaan, guna tenaga IT yang sedikit secara efisien dan seterusnya penjimatan kos dan peningkatan produktiviti. Projek ini dijangka siap dalam jangka masa lima bulan.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Mempertahankan dan Mempromosikan Identiti Melayu'. Tarikh tutup 31 Ogos 2005.
2. 'Jangan Mensia-siakan Anugerah Dermasiswa'. Tarikh tutup 7 September 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih
minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Pakaian Remaja, Budaya Siapa Mahu Diikut?'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Pakaian remaja, budaya siapa mahu diikuti?

REMAJA adalah golongan yang dikategorikan sebagai aktif dalam semua bidang dan sering kali menjadi tumpuan masyarakat. Apabila menjadi tumpuan, mereka tentunya akan menunjukkan identiti mereka terutama dari segi berpakaian, keolahsan dan pergaulan mereka. Bagaimana pula kita melihat pakaian para remaja kita hari ini? Apakah ia sudah sesuai dengan zamannya atau remaja kita secara total mengikut arus budaya luar yang kian terbuka dan mudah jadi ikutan? Dalam hal ini banyak perkara yang harus disingkap dan difahami dengan baik secara minda yang terbuka. Ini kerana zaman remaja ini suatu zaman yang semua orang pernah dilalui, sedang lalu dan akan dilalui. Justeru itu perlu melihat di mana zaman remaja ini bertapak, maksudnya zaman remaja tahun 60-an, 70-an, 80-an dan 90-an tentu berbeza dengan zaman tahun 2005 ini.

Walaupun ia dipisahkan dengan jarak waktu namun apa yang ada di dalam hati seorang remaja di tahun-tahun awal itu tentunya sama dengan apa yang dalam hati remaja zaman sekarang ini. Hanya ramai generasi dewasa dan orang tua merasakan remaja sekarang agak berlainan dengan zaman mereka ini hanya kerana melihat cara mereka berpakaian sahaja. Te-

tapi bagi mereka yang mempunyai anak remaja tentunya akan terkilan melihat bagaimana anak-anak remaja mereka mencari-cari jenis pakaian yang popular sekarang konon mereka tidak ketinggalan oleh zamannya. Mungkin itu juga dilakukan oleh ibu bapa mereka sewaktu mereka melalui zaman remaja mereka dulu. Jadi dengan kata lain pengalaman dan bimbingan dari ibu bapa penting dalam menunjukkan jenis atau bentuk pakaian remaja.

Pengaruh atau budaya luar salah satu hala tuju remaja untuk melihat trend pakaian untuk mereka. Agak sukar untuk ibu bapa mengawal anak remaja mereka agar tidak memasuki satu dunia yang golongan remaja sepatutnya berada. Dalam masa yang sama remaja akan memakai pakaian zaman-nya seperti 'hip-hop' dan sebagainya.

Di negara kita masalah pakaian remaja masih dalam keadaan terkawal secara umumnya, kerana ikatan kekeluargaan, agama masih kukuh sehingga golongan remaja agak terkawal dari segi pergaulan mereka. Namun apa yang penting ialah bagaimana cara kitani untuk menunjukkan pakaian remaja ala Brunei yang sopan dan tidak melanggar budaya dan

agama Islam itu sendiri. Walau apa bentuk sekali pun pakaian yang dipakai oleh remaja selagi mereka tidak merosakkan zaman remajanya, di samping tidak bercanggah dengan adat resam orang Brunei.

Perlu juga memahami cita rasa remaja itu sendiri jika untuk memikirkan bentuk pakaian remaja yang ada berhubung kait dengan calak Brunei itu. Para pereka fesyen tempatan seharusnya peka tentang remaja dengan zamannya dan dari membiarkan remaja hanyut dengan budaya luar ada baiknya golongan dewasa dan ibu bapa memberikan cadangan yang boleh diterima oleh remaja kitani. Dengan tidak membuang unsur-unsur luar sebagai adunan dengan reka cipta pakaian bentuk tempatan akan membolehkan remaja kita ada dengan identiti mereka sendiri. Selain dari itu masyarakat akan memandang dengan selesa dan sopan terhadap remaja kitani di samping seiring dengan zamannya.

Remaja akan meninggalkan zamannya apabila mereka meningkat dewasa nanti dan tentunya akan mengenang kembali zaman remajanya terutama fesyen pakaian mereka. Jadi alangkah manisnya jika kenangan itu dirista dengan baik walaupun ada kelucunya. Re-

maja yang menjadi dewasa kemudian menjadi pemimpin negara di satu hari nanti tentu dapat menilai kembali sejarah yang mereka lalui untuk dijadikan panduan atau nasihat kepada mereka yang baru menjejak alam remaja. Jadi agak terkilan juga jika ada pihak-pihak yang menyalahkan remaja dari segi pakaian mereka sedangkan mereka juga dulunya juga pernah melalui zaman remaja. Mengapa tidak mengosngasikan sesuatu yang baik dengan remaja sekarang dari terus-menerus menyalahkan mereka.

Biarpun hambatan dan ledakan budaya luar begitu kuat mempengaruhi remaja hari ini, namun jika ada usaha untuk membantu remaja ini tepat dalam memilih budaya luar yang bersesuaian dan kemudian diadun dengan budaya tempatan, kita percaya zaman remaja mereka akan lebih bermakna lagi terutama dari segi pakaian. Yang pasti remaja ini secara tidak langsung menjadi tumpuan pelancong dan memberi gambaran tentang remaja kitani secara umumnya. Tentunya kita inginkan kelainan dari bangsa lain dan jika para pelancong melihat remaja kita sama saja dengan remaja mereka tentu

akan memikirkan remaja kita tidak ada identiti tersendiri. Walau macam manapun remaja kita masih dalam keadaan terkawal dari segi keolahsan dan pakaian jika dibandingkan dengan para remaja di luar negara.

Tidak mengikut arus perkembangan budaya luar juga membatalkan perkembangan remaja itu sendiri dan terlalu mengikut secara total budaya juga akan boleh merosakkan remaja kita. Barangkali dengan adanya bimbingan yang bersesuaian dari pihak yang lebih dewasa dan ibu bapa tentu remaja kita akan menjalani kehidupan remaja mereka dengan sopan dan membanggakan mereka dan negara. Kumunculan fesyen pakaian yang bervariasi mengikut tuntutan zaman suatu yang sukar untuk dibendung namun ia jangan juga dihalang dari tumpuan remaja kerana dari sinilah remaja itu menilai dan mengikut perkembangan zamannya.

Haji Markandi bin Haji Kuris,
No. 52, Simpang 37, Jalan Bebatik-Kulapis, Kampong Bebatik, BF 2320.
No. k/p : 00-058082.

Jangan bangga dengan budaya Barat

PAKAIAN seseorang biasanya mengikut tempat di mana ia berada, sama ada mengikut bangsa atau budaya ataupun mengikut kesesuaian suasana, mahupun bertujuan mengikut peredaran masa dan berbeza mengikut usia si pemakai. Paling utama adalah pakaian menurut agama. Permasalahannya terputung kepada kebijaksanaan remaja dalam mengenakan pakaian dan cenderung berasaskan kepada pengaruh.

Budaya berpakaian umumnya dikategorikan kepada ketimuran dan kebaratan. Di negara kita dan negara-negara Melayu umumnya, ada remaja perempuan berpakaian menurut agama Islam iaitu menutup aurat, ada yang mengikut budaya Barat yang mendedahkan tubuh dan ada yang bertudung tetapi berpakaian seksi. Ada juga yang bertudung tetapi menampakkan rambut. Di negara-negara Barat contohnya di Amerika dan Eropah, pemakaian bukan permasalahan besar masyarakat di sana. Orang Barat hidup bebas dalam kecantikan dan penggunaan diri. Tetapi tidak bagi orang-orang Timur umumnya. Cara berpakaian di Timur penuh dengan etika.

Remaja Islam khususnya dan remaja Timur umumnya tidak sepatutnya mengikut budaya Barat. Hak-hak orang-orang Islam di negara-negara Islam perlu dihormati, di samping itu, orang-orang Melayu Timur sudah menjadi lambang kesopanan dan nilai-nilai murni di kalangan seluruh masyarakat di dunia dan ianya perlu dipertahankan. Bak kata pepatah 'tak akan Melayu hilang di dunia'. Remaja-remaja Islam tidak sepatutnya membanggakan budaya Barat kerana ianya umpama menyokong bagi kemusnahan nilai-nilai murni yang terdapat di dunia ini dan

membiarkan budaya Barat memaharajai dunia.

Kebebasan tanpa batas mendatangkan keburukan. Manakala aturan Islam membenarkan bagi kebaikan. Islam adalah agama yang benar dan lurus. Jadi mengapakah remaja umumnya memilih untuk mengikut budaya yang nyata salahnya? Misalnya, remaja perempuan yang berpakaian seksi boleh mengundang pandangan negatif dari sekeliling bahkan boleh menimbulkan kes-kes seperti rogol dan hubungan haram yang boleh merosakkan masa depan remaja tersebut.

Remaja patut menjaga kehormatan diri. Pakaian me-

lambangkan peribadi. Semua remaja mahu dihormati. Tindakan kaum lelaki sekeliling antaranya adalah tindak balas dari pemakaian kaum perempuan. Semua manusia lemah malah iblis sentiasa menghasut kepada kejahatan. Jadi, remaja perempuan perlu menjaga pemakaian dan menghormati sekeliling, bagi kebaikan bersama. Ibu bapa dan penjaga juga berperanan besar dalam mendidik remaja dari peringkat awal berkenaan hal pakaian.

Berbicara tentang remaja lelaki yang berpakaian ala-ala 'rockers', 'punk', 'hip-hop' dan seumpamanya. Tidak salah jika mereka mempunyai ikutan atau

idola. Namun pengaruh yang tidak terkawal dan menampilkan ketramplan yang tidak senang dipandang boleh mengundang pelbagai persepsi masyarakat dan tidak kurangnya pembaziran wang untuk pakaian sedemikian rupa. Pakaian boleh mempengaruhi psikologi seseorang. Pakaian Muslim boleh memotivasikan kepada ketakwaan, pakaian profesional boleh mewujudkan semangat karier, pakaian berunsur ganas mahupun seksi mencenderungkan seseorang menjadi lebih ganas dan seksi, begitulah seumpamanya. Pusat-pusat hiburan dan membeli-belah yang semakin berkembang di negara ini juga lebih menggalakkan kepada

keruntuhan moral. Demikianlah juga kesannya kepada remaja perempuan yang berpakaian 'ala-ala' di atas, termasuklah ala-ala lelaki.

Remaja perlu menjaga batasan berpakaian. Keindahan yang remaja miliki hendaklah disyukuri untuk tujuan yang betul. Bercantiklah dengan cara terbaik. Kepada remaja Muslim, takutlah jika nikmat kecantikan ada akan ditarik semula oleh Allah Subhanahu Wataala.

Tutty Dwi binti Abdullah,
No. 95, Jalan 64, Simpang 89,
Kampong Perpindahan
Lambak Kanan, BC 3115.
No. k/p : 30-206692.

Perlu peka mengenai cara berfesyen

DEWASA ini dapat kita lihat banyak perubahan-perubahan yang telah berlaku di negara kita sama ada dari segi pembangunan, ekonomi dan sosial. Dengan kepesatan penggunaan teknologi yang canggih telah turut mempengaruhi suasana kehidupan kita sehari-hari. Perubahan-perubahan ini secara amnya sedikit sebanyak telah mempengaruhi budaya dan tradisi kita terutama orang Melayu. Seolah-olah tradisi dan budaya yang telah pernah kita pertahankan selama ini semakin tergelam kerana pengaruh-pengaruh perubahan masa yang begitu cepat berlaku.

Salah satu perubahan yang ketara dan perlu diambil perhatian masa kini adalah dunia fesyen ataupun cara berpakaian. Banyak cara berpakaian pada hari ini ada namanya yang tersendiri seperti 'funk', 'hip-hop' dan sebagainya. Apa yang mendukacitakan adalah cara berpakaian atau fesyen yang dipakai pada hari ini terutama oleh remaja yang telah banyak mengikut cara dan budaya Barat sehingga hilang jati diri sebenar orang Timur dan Melayu. Ada di antaranya yang memakai pakaian yang tidak menutup aurat seperti berpakaian ketat sehingga menampakkan susuk tubuh, menjolok mata iaitu memaparkan pusat dan peha dan sebagainya ini adalah bagi kaum wanita. Manakala bagi kaum lelaki pula ada yang memakai fesyen seperti bertindik telinga, rambut berwarna-warni dan sebagainya.

Persoalannya, kenapakah perkara ini boleh terjadi? Adakah kurangnya didikan

agama, kelalaian ibu bapa/penjaga dalam mendidik anak-anak mereka. Siapaakah yang harus dipersalahkan? Antara sebab - musabab kenapa belia remaja pada masa kini berpakaian seperti itu adalah kerana pengaruh daripada media massa. Ini adalah kerana media massa hari ini telah banyak memamerkan rancangan-rancangan yang berunsur negatif serta para pereka fesyen dari luar negara. Ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi minda anak-anak tanpa memikirkan buruk baiknya cara berpakaian seperti itu. Janji ianya moden dan tidak ketinggalan zaman. Selain media massa ada yang di antaranya telah terikut-ikut melalui artis-artis Barat dan kawan-kawan mereka sendiri.

Sehubungan dengan itu, para ibu bapa/penjaga adalah memainkan peranan penting bagi membendung bagaimana cara anak-anak mereka berpakaian yang kurang sopan, di samping para belia remaja itu sendiri. Para ibu bapa/penjaga seharusnya memberikan didikan agama yang cukup sejak anak-anak itu masih kecil. Tanpa didikan agama yang mencukupi, anak-anak itu akan mudah terpengaruh dengan apa yang ada dan berlaku di sekeliling mereka. Para ibu bapa/penjaga juga seharusnya tidak mempunyai sikap sambil lewa terhadap cara berpakaian atau fesyen yang dipakai oleh anak-anak mereka. Para ibu bapa/penjaga seharusnya perlu memantau dan memerhati cara mereka berpakaian, di samping menasihati dan menegur apa yang mereka pakai sebelum mereka keluar rumah.

Di dalam Islam cara berpakaian semestinya menutup aurat. Islam menegaskan kepada umat-umatnya supaya menutup aurat. Ini adalah kerana untuk mengelakkan sesuatu yang tidak diingini berlaku. Di dalam bab aurat ini kaum wanita adalah kaum yang paling banyak menanggung dosa seandainya mereka tidak menutup aurat. Malahan akan menyebabkan berlakunya kes rogol terhadap wanita kerana cara berpakaian wanita yang menjolok mata akan menyebabkan mata lelaki terpegun melihat kepada perkara yang tertentu dan ada kalanya menaikkan hawa nafsu seterusnya niat yang jahat dari kaum lelaki.

Oleh yang demikian, masyarakat hari ini perlulah peka dan ambil berat mengenai cara berfesyen dan berpakaian. Kita, terutamanya para belia remaja tidaklah perlu terlalu mengikut cara Barat untuk berfesyen. Memang tidak dinafikan kita masa kini berada di zaman moden dan tidak mahu ketinggalan untuk mengikut fesyen moden. Namun, kita harus ingat yang kita ini orang Timur dan berada di sebuah negara yang mengamalkan sistem Melayu Islam Beraja. Oleh itu cara kita berfesyen dan berpakaian biarlah 'bisai' mata memandang serta sopan dan janganlah menjolok mata dan kurang elok dipandang mata.

Salbiah binti Awang Ahmad,
No. 662, Simpang 660, Kampong Lumapas 'B', BJ 3524.
No. k/p: 00-286748.

Kenali siapa diri kita

PAKAIAN remaja, budaya siapa mahu diikuti? Satu tajuk yang berbentuk pertanyaan dan jawapannya bergantung pada individu sendiri. Dan jawapan yang tepat pun bergantung pada pendapat dan fahaman individu sendiri. Dari itu sebelum kita mencari jawapan budaya mana yang patut diikuti, kita patut melihat dan mengenali siapa diri kita.

Sudut yang paling terbaik untuk kita mengenali siapa diri kita ialah dari hati nurani. Kerana itulah satu ruang dalam diri kita untuk berbicara pada diri kita sendiri. Di situ lah letaknya iman, keikhlasan dan ketulusan dalam kita melakukan satu-satu pekerjaan atau perkara. Jadinya budaya siapa mahu diikuti? Jawapannya ialah budaya kita!

Budaya orang Melayu yang berteraskan Islam ialah budaya yang wajib diikuti, disanjung dan dipertahankan. Sebagai sebuah negara yang dihuni oleh majoriti orang Islam sudah sewajarnya budaya berpakaian cara Islam menjadi lambang dan simbol remaja kitani. Alhamdulillah di negara kitani masih ramai para remaja kitani yang berpakaian sopan mengikut budaya Melayu Islam. Akan tetapi dengan cabaran masa kini terdapat juga segelintir remaja yang sudah melupakan budaya Melayu Islam itu. Ini adalah cabaran yang perlu dihadapi dan sewajarnya ditangani dengan bijak dan hikmah. Satu tanggungjawab yang perlu dipikul bersama agar nilai-nilai budaya Melayu Islam tidak tercemar dan terpinggir.

Satu cara yang semua pihak sudah sedia maklum ialah melalui pendidikan awal ialah bermula di rumah. Ibu bapa hendaklah sentiasa prihatin dan memantau cara anak-anak remaja berpakaian. Kesedaran menutup aurat perlu dipupuk sejak awal lagi agar anak-anak yang me-

ningkat remaja faham akan batas-batas dalam berpakaian. Remaja akan berpakaian mengikut kebiasaan dan kesesuaian mereka. Jika sudah dididik dari awal untuk berpakaian dengan cara budaya Melayu Islam nescaya remaja itu akan berasa malu dan janggal untuk berpakaian yang menjolok mata.

Begitu juga sebaliknya, jika sudah biasa berpakaian dengan mengikut budaya asing maka akan asinglah juga budaya Melayu Islam itu dalam diri remaja itu. Perlu diingat bahawa identiti seseorang itu dapat dilihat dari pakaian yang dipakai oleh individu itu. Sudah sewajarnya orang Melayu Islam akan berpakaian mengikut lunas-lunas agama Islam. Jika di kebanyakan remaja Islam masa kini berpakaian mengikut budaya asing yang tiada batasnya maka secara tidak langsung budaya Melayu Islam itu telah dikesepikan. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mempertahankan nilai-nilai budaya Melayu Islam itu agar sentiasa terpelihara.

Di samping kesedaran untuk memelihara nilai-nilai budaya Melayu Islam dalam tatacara berpakaian ianya secara tidak langsung akan mendidik minda para remaja agar lebih peka akan jati diri sebagai seorang remaja Melayu yang berpegang teguh pada ajaran agama Islam. Janganlah para remaja mahupun orang dewasa umpama peribahasa Melayu 'sudah terang lagi bersuluh' terputung pada diri remaja untuk membuat pilihan yang tepat dengan berpandukan bimbingan, tunjuk ajar dan ingatan-mengingat sesama kitani. Tepuk dada tanya iman.

Mohammad Aduka Abdul,
No. 12, Simpang 1159,
Kampong Pengkalen Batu,
BH 1123.
No. k/p: 00-258832.

REMAJA

GENERASI KORPORAT

ARUS dan gelombang perubahan masa kini begitu deras dan pantas bergerak. Kederasan dan kepantasan ini mempercepat perubahan dan juga kehendak ke arah perubahan yang berlaku. Banyak juga yang terasa, suasana dan iklim perubahan ini bukan setakat mewujudkan perubahan diri, sosial dan sebagainya akan tetapi membawa kepada perubahan berfikir dan bertindak yang selari dengan perubahan sekeliling. Ternyata perubahan ini meliputi pelbagai sektor dan tidaklah terkecuali sektor korporat. Bidang ini yang begitu pantas berubah dan juga yang memerlukan daya saing yang tinggi. Perubahan dan daya saing sedemikian memperlihatkan betapa pentingnya generasi korporat mempunyai kriteria dan nilai diri yang mahir melalui dunia sedemikian ini.

Keberanian anak tempatan dalam menceburkan diri di bidang ini, ternyata membawa hembusan baru dalam dunia korporat di negara kita. Sejak beberapa tahun lalu, pelbagai bidang diceburi dan diterokai. Semakin ketara ialah generasi muda merupakan sebilangan barisan yang menjelajahi dunia korporat ini. Meskipun sebahagiannya bermula dengan kecil-kecilan, akan tetapi dengan kegigihan dan kesungguhan mereka, sebahagian darinya mampu mengorak langkah yang lebih besar dan berupaya melangkah jauh. Ternyata kemampuan yang kita miliki, merupakan modal besar untuk mewujudkan lebih ramai kalangan remaja belia korporat. Hari ini kemampuan kita melahirkan generasi sedemikian bukan setakat dengan berbekalkan modal, akan tetapi semakin ramainya kala-

OLEH H. A. MANAP

ngan mereka yang sudah memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam sektor ini.

Jaringan kerjasama dalam era masa kini, yang semakin mudah dijalin bersama mereka yang sudah bertapak di negara-negara jiran ternyata menambahkan lagi keupayaan kita untuk melahirkan kalangan generasi korporat remaja yang berjaya. Perluasan skop dan idea perniagaan dan perusahaan juga menambahkan kekuatan bidang ini untuk diterokai. Walaupun kita melihat di peringkat ini mereka masih berada dalam detik perjalanan awal akan tetapi kepantasan dan kederasan iklim perniagaan masa kini, menjadikan mereka lebih ke hadapan. Perkembangan dan kemajuan teknologi masa kini memperkuat lagi iltizam dan keupayaan mereka bersaing. Kemudahan berurusan yang semakin kemas dan cepat, membolehkan mereka melangkaui skop berniaga ke tahap yang lebih kukuh dan mantap.

Namun dalam meningkatkan jumlah dan keupayaan mereka yang akan kita jadikan sebagai barisan generasi remaja belia korporat, tidak semudah apa yang kita inginkan. Paling ketara kecenderungan mereka untuk bergerak secara berpasukan atau kumpulan juga belum memperlihatkan kecenderungan yang sama. Sedangkan jika kita lihat dari kerancakan suasana dan keupayaan beroperasi masa kini, dapat membantu memperkuat kumpulan kerja jika ini dibuat secara berkumpulan. Kita perlu kepada kekuatan dan juga pembinaan generasi korporat yang melambangkan ke-

upaya, kekuatan dan kemampuan bersaing untuk maju ke hadapan. Di kalangan generasi remaja korporatlah terpicunya tanggungjawab untuk memenuhi kehendak yang kita inginkan. Generasi remaja yang tergolong ke dalam sektor ini, perlu melihat bahawa untuk mewujudkan kekuatan bersaing perlu kepada mekanisme yang boleh membantu mengangkat imej dan keupayaan menyerlah. Bidang ini tidak boleh terkongkong cuma di persekitaran kita. Ia perlu berkembang dengan lebih jauh.

Justeru kita perlu berani melangkah ke dunia antarabangsa dengan membina jaringan yang luas dan berkembang. Perluasan jaringan pengurusan perniagaan dan perusahaan akan membantu dalam mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan yang pesat. Berkeupayaan membina dunia baru di alam korporat yang lebih terbuka, akan menghasilkan kemampuan berniaga yang lebih kukuh dan berjaya. Peluang sedemikian ini juga boleh membantu memperkaya pengetahuan dan memperluas skop perniagaan ke dunia luar. Mempertingkatkan nilai-nilai tempatan dan juga produk yang boleh dikembangkan akan menambahkan lagi nilai tambah untuk bersaing. Persoalannya hanya bergantung kepada keupayaan dan minat generasi remaja belia korporat kita, sama ada mahu berkembang atau sebaliknya. Jika mahu berkembang adalah wajar untuk menggunakan segala peluang yang ada, kemudahan yang disediakan untuk dijadikan modal untuk bergerak. Ke mana hala tuju dan tahap yang akan dicapai banyak bergantung kepada sejauh mana kita berani mengorak langkah dan proaktif melihat perkembangannya.

Pesta Perayaan Rakyat tingkatkan kefahaman mengenai budaya

TUTONG, 7 Ogos. - Pesta Perayaan Rakyat sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 telah dapat meningkatkan lagi kefahaman mengenai budaya dan agama pelbagai puak dan masyarakat di daerah itu.

Di samping itu, pesta sehari itu juga telah berjaya mengeratkan silaturahim antara sesama sendiri dan boleh memupuk perpaduan dan keharmonian hidup berjiran dengan menghormati budaya, agama dan cara hidup pelbagai puak.

Sehubungan itu, bertempat di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan di sini telah diadakan Pesta Perayaan Rakyat yang dianjurkan oleh Jawatan Kuasa Pesta Perayaan dan dibuka rasmi oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani.

Acara bermula dengan tetamu kehormat menaiki kereta antik yang turut sama mengambil bahagian berserta belasan buah Vesta yang sudah berusia lebih 20 tahun.

Kemudian disusuli larian cabaran Lod Ambog yang dibahagikan kepada tiga kategori larian terbuka, veteran dan remaja di mana setiap larian dibukakan kepada pelari lelaki dan wanita.

Namun apa yang mendapat perhatian ramai ialah tato kebakaran stesen minyak yang disebarkan oleh ahli-ahli

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

bomba Cawangan Tutong dan beberapa peralatan pemadam api serta menyelamatkan yang digunakan ketika menjalankan tugas seharian.

Terdapat lima puak utama di daerah ini menyertai pesta sehari itu, di samping penyertaan dari Jabatan Perkhidmatan Bomba, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Penjara dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Perkhidmatan Tutong).

Bagi puak Tutong, persembahan ronggeng dan adat meminang antara yang menarik perhatian, manakala puak Kedayan mempamerkan permainan gasing dan muzik asli.

Sementara puak Dusun memperlihatkan Majlis Pengantin Mueh Tiga Hari, puak Iban pula mempamerkan seni ukiran tradisional dan masakan tradisi cara di hutan yang kesemuanya disediakan menggunakan buluh.

Masyarakat Tionghoa pula mempamerkan tanglung dan usungan pengan-tin semasa Majlis Perkahwinan di zaman silam.

Majlis pada hari itu juga diserikan dengan Peraduan Membuat Teh Tarik dan Sambal-sambalan serta Pertandingan Landskap, Urusan Rumah Tangga, Fotografi, Mewarna bagi kanak-kanak yang dibahagikan mengikut kategori umur, di samping pameran produk-produk daerah tersebut.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.


TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 10 Ogos 2005

Bangunan Jabatan Pengangkutan Darat, Beribi Gadong.



ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 685

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 685,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 685

1. Apakah nama bangunan ini?
2. Di manakah letaknya?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 10 Ogos 2005

Nurin Jaslina binti Haji Mohd. Yusoff,
Sekolah Tadika Kuala Belait.
Umur : 7 tahun

Md. Hirzan bin Md. Irmawi,
Sekolah Rendah Tutong Kem.
Umur : 7 tahun

Suzwan bin Supri,
Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri.
Umur : 14 tahun

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

SAJAK NUSANTARA DI ZAMAN PENJAJAHAN: KEBANGKITAN NASIONALISME DAN PATRIOTISME

MAKNA nasionalisme dalam Kamus Bahasa Malaysia ialah perasaan cinta-tanah negara dan bangsa sendiri atau pergerakan membebaskan negara atau ekonomi daripada cengkaman kuasa asing. Menurut Hans Kohn, nasionalisme adalah suatu akal yang memperlihatkan kesetiaan utama individu kepada negara. Manakala maksud patriotisme pula merujuk kepada orang yang mencintai dan sanggup mempertahankan negaranya. Dengan adanya niat nasionalisme dan semangat patriotisme ini telah menimbulkan pergerakan-pergerakan kesedaran antipenjajah yang sering saja menindas, menghina, menganiaya dan menyeksa masyarakat peribumi. Jadinya muncullah pergerakan nasionalisme bagi menegakkan sebuah negara yang berdaulat.

Kemunculan sajak yang mengandungi unsur nasionalisme dan patriotisme ini berkembang dengan meluas sebelum Perang Dunia Kedua (1933-1941) lagi. Sajak-sajak ini mula dihasilkan oleh penyair-penyair Indonesia seperti Muhammad Yamin, Rustam Effendi, Sanusi Pane dan Asmara Hadi. Mereka ini adalah tokoh-tokoh politik yang memperjuangkan kemerdekaan tanah airnya. Tidak hairanlah sajak-sajak mereka lebih menekankan semangat nasionalisme dan patriotisme yang ditujukan kepada orang Melayu bagi menentang pihak penjajah. Antara sajak-sajak yang dihasilkan pada waktu itu ialah sajak 'Oh! Masa!', 'Rahsia Kemenanganku', 'Bisikan Sukmaku' dan sebagainya.

Contoh dalam sajak 'Bisikan Sukmaku':
Oh! Belia harapan bangsa
harapan agama dan nusa
hatiku gembira melihat
keadaannya
hatiku riang mendengar
namamu.
Sekarang mari saya bisikan
kewajipan kita
menyuburkan semangat
kebangsaan
kemunduran ketinggalan
umat sekarang
tergantung kepadamu
untuk penerang.
Maju kecerdasan umat
kita
tanggungmu juga untuk
dikata
korbankan tenaga
korbankan kebolehan
lantaran bangsamu yang
sedang keletihan.
Celikkan mata pasangkan

telinga
pandanglah pergerakan
bangsamu jangan
ternganga
dengarlah ratapan rayuan
dan raungan
daripada mulut bangsamu
yang sedang
berterbangan.

Tolong-menolong
bantu-membantu
untuk kejayaan
meninggikan mutu
tak dapat mengorbankan
dengan hartamu
mestilah mengorbankan
segala tenagamu.
Singsingkan lipatan
lengan baju
ke medan kemajuan sama-
sama menuju
bekerjasama mencapainya
kejayaan
cara inilah dibuat
kesetiaan.

Sajak ini menunjukkan adanya seruan dan peringatan bagi menyedarkan bangsa Melayu itu sendiri. Sajak ini menyuntik semangat kebangsaan kepada bangsa Melayu agar tidak mundur dan ketinggalan daripada orang asing. Ini kerana keadaan bangsa Melayu yang digambarkan agak lemah tak bermaya dan ditimpa kesusahan. Sajak ini juga menekankan betapa pentingnya hidup bekerjasama dalam apa jua tindakan bagi mencapai kemajuan menandingi bangsa asing yang berada di alam Melayu. Kemajuan yang dimaksudkan itu termasuklah dalam bidang ekonomi, taraf kehidupan, kemajuan minda dan sebagainya. Begitu juga dengan sajak 'Seruan Pemuda' yang juga mengingatkan kepada bangsa Melayu supaya bangkit segera dan bertindak melakukan gerakan nasionalisme kepada penjajah asing. Sajak 'Seruan Pemuda':

Wahai pemuda bangkitlah
kita
bersatu haluan
bersemangat serta
tanggungmu berat
dikata
di sisi bangsa rakyat
jelata.

Oh pemuda kaum
bangsaku
sadarlah tuan dagang
berkuku
angkara mereka
bermacam laku
kepunyaan kita habis
di saku.

Di sini menunjukkan bahawa sajak-sajak yang dihasilkan sebelum Perang Dunia Kedua (1933-1941) ini memang ada kaitan dengan nasionalisme tetapi hanyalah berbentuk pemikiran dan bukannya bersifat ketenteraan (radikal). Sebelum melahirkan kegiatan-kegiatan nasionalisme yang berbentuk per-

juangan politik, adalah penting bagi penyair itu menyuntik semangat nasionalisme terlebih dahulu kepada bangsa Melayu. Ketidadaan sajak-sajak yang mengemukakan gerakan nasionalisme untuk mendapatkan kemerdekaan daripada jajahan Inggeris ini adalah kerana kebanyakan penyair ini adalah guru-guru Melayu yang berada di bawah kakitangan Inggeris. Jadinya segala hasil penulisan sajak mereka dibatasi mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak Inggeris. Selain itu juga pada ketika itu belum ada kesedaran untuk menjalankan kegiatan nasionalisme secara ketenteraan. Jika ada sekalipun, sambutan daripada orang ramai belum begitu menggalakkan dan hanya dari bilangan yang kecil sahaja yang ikut serta.

Manakala semasa zaman Jepun (1942-1945) barulah muncul sajak-sajak yang berunsur nasionalisme yang berbentuk radikal seperti sajak 'Ibarat Kebangsaan', 'Penghidupan Baru', 'Kewajipan Kita', 'Kekuatan Asia', 'Marilah Bersatu', 'Kepada Perajurit Tanahair' dan sebagainya. Sajak-sajak yang dihasilkan pada masa itu menyeru bangsa Melayu agar bangun berdiri untuk menentang dan mengusir kuasa asing dari bumi sendiri yang tercinta. Contohnya pada sajak 'Marilah Bersatu' ada menyarankan:

Bukan masanya berpecah
belah
satu ke barat, satu ke
timur

tenaga semua perlu
disimpul
agar Asia menjadi
makmur.

Wahai saudara bangsa
Asia
tetapkan hati mengadap
derita
awal bermula, azab
sengsara
kelak bertukar bahagia
raya.

Di sini menunjukkan bangsa Melayu itu perlu bersatu menentang penjajahan dan jangan sekali-kali berpecah belah. Kekuatan bangsa Melayu bermula daripada kekalahan Inggeris oleh tentera Asia iaitu Jepun. Sejak itu orang Melayu baru sedar bahawa mereka sebagai orang Asia juga mampu menewaskan Jepun. Kesedaran ini terbukti pada sajak 'Permenungan Di Tengah Malam' ada menyatakan:

Pemuda pemudi insafilah
tuan!
bersatu hati berpimpin
tangan
Dai Nippon pemimpin
Asia
sekalian
marilah kita ikut, ditiru
dan ditauladan.

Sajak ini memberi kesedaran kepada bangsa Melayu bahawa orang Jepun itu patut dicontohi dan tidak perlu ditakuti. Jepun berperang dengan semangat perpaduan, keberanian dan pengorbanan. Hal ini perlu dicontohi oleh bangsa Melayu sendiri untuk mencapai cita-cita menentang penjajahan orang asing termasuklah menentang Jepun.

Perajurit Negara
Barbaris berjejer, hebat

bergaya
pergi bertempur, penuh
darurat
menyerah raga dengan
sukarela
mencipta bahagia 'Asia
Raya'.

Dengan semangat yang
bernyala-nyala
tujuan hati tetaplah satu
menghancurleburkan
bangsa penganiaya
pihak sekutu dirangkum
tentu.

Berjuang, berjuanglah
'Perajurit Negara'
tunjukkan keperwiraan
bangsa Asia
sanggup membela, turut
bertempur
haram menyerah tak
pernah undur.

Jangan bimbang,
janganlah walang
teruskan menggempur
pihak sekutu
bunga pujaanmu, mekar
berkembang
menanti pulangmu sarat
merindu.

Dalam sajak ini menunjukkan adanya seruan kepada bangsa Melayu terutamanya kepada muda belia agar dapat menggunakan segala tenaga yang ada untuk menentang penjajahan orang asing. Rangkap kedua lebih jelas menerangkan tujuan sebenar sajak ini dicipta. Perkataan seperti 'semangat menyala', 'tujuan hati tetaplah satu' dan 'menghancurleburkan bangsa penganiaya'. Semua ini adalah perkataan-perkataan yang jelas dalam sajak bagi mengemukakan hasrat pe-nyair yang ditujukan kepada bangsa Melayu.

Namun begitu terdapat juga perkataan seperti 'menggempur pihak sekutu' yang memberi penger-

OLEH HAJI MUHAMMAD NURUL
AZRIN HAJI GANI

tian yang meluas bukan saja berjuang menentang penjajah Jepun malah juga kepada penjajah Inggeris, Amerika dan sebagainya. Manakala perkataan 'bunga pujaanmu' itu melambangkan bangsa Melayu itu sendiri cinta kepada tanah airnya dan mereka ini menantikan kejayaan barisan tentera pemudanya. Ini membuktikan adanya pendekatan nasionalisme dan patriotisme dalam sajak ini iaitu bangkit membuat gerakan menentang penjajah (nasionalisme) dan orang yang cinta kepada tanah air (patriotisme).

Unsur patriotisme dalam sajak Melayu memang berkait rapat dengan gerakan-gerakan nasionalisme. Perasaan cinta kepada negara ataupun tanah air ini menyebabkan semangat nasionalisme kian berkobar di hati orang-orang Melayu. Ini kerana mereka tidak sanggup melihat orang asing menguasai tanah Melayu dan orang Melayu pula diperlakukan dengan sewenang-wenangnya seperti orang asing. Oleh yang demikian, timbullah kesedaran penyair untuk menghasilkan sajak yang berunsur nasionalisme semata-mata kerana sikap patriotisme orang-orang Melayu terhadap tanah tumpah darah mereka yang tercinta. Antara sajak yang mengemukakan perasaan cinta dan memperjuangkan tanah air ialah sajak 'Bisikan Arwah Hang Tuah,' 'Darah Perjuangan Hang Tuah,' 'Niatku' dan lain-lain. Rangkap yang memperlihatkan perjuangan kerana tanah air dalam sajak 'Bisikan Arwah Hang Tuah' ini ialah:

Biar lawan banyak
berbilang
datang meluru menyerang
kami
kami ria, mati berjuang
kerana membela, IBU
PERTIWI.

Ibu pertiwi di sini memberi gambaran kepada maksud tanah air. Semangat patriotisme yang membara pada setiap orang Melayu telah membuka jalan kepada meningkatnya pergerakan radikal menentang musuh. Begitu juga dengan sajak 'Niatku' yang menyatakan:

Ambur semarak
tanah airku
indah permai gilang-
gemilang
tanah tempat tumpah
darahku

ke mana pergi tetap
terbayang.

Datang niatan di dalam
jiwa
sedia berkorban untuk
ibunda
menyumbang bakti,
menyerah dharma
sebagai putera Kesuma
Bangsa.

Bukan harta yang kupinta
tidak pangkat yang kucari
hanya ikhlasku mulia
semata
guna mengabdikan untuk
negeri.

Niatku terang nyata
terserlah
tiada peduli halang
rintangan
tanah ibunda tetap
kupapah
walau jiwa berceraai
badan...!

Sajak ini begitu menekankan tema patriotisme kerana setiap rangkap yang disampaikan mempunyai mesej yang jelas iaitu rela berkorban semata-mata untuk mempertahankan tanah air. Perkataan seperti tanah airku, tanah tempat tumpah darahku, ibunda, negeri dan tanah ibunda itu adalah lambang kepada negara dan bumi tercinta.

KESIMPULAN

Ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan nasionalisme dan patriotisme ini digunakan secara meluas dalam sajak-sajak Melayu. Penggunaannya bermula sejak pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua (1933-1941) atau mungkin lebih awal daripada tahun itu. Tetapi semasa penjajahan Jepun (1941-1945), sajak-sajak yang dihasilkan lebih menyuarakan hasrat untuk bangkit menentang penjajahan orang asing terutamanya penjajah Jepun. Penghasilan sajak-sajak yang berunsur nasionalisme dan patriotisme ini berkembang dan berlanjutan sehingga pada zaman-zaman yang seterusnya.

BIBLIOGRAFI

Kamus Bahasa Malaysia (Edisi Pelajar), 1975, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamaruzzaman Abdul Kadir, 1982, *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933 - 1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pyan Husayn dan Ismail Ahmad, 1978, *Puisi Zaman Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

UNSUR patriotisme dalam sajak Melayu memang berkait rapat dengan gerakan-gerakan nasionalisme. Perasaan cinta kepada negara ataupun tanah air ini menyebabkan semangat nasionalisme kian berkobar di hati orang-orang Melayu. Ini kerana mereka tidak sanggup melihat orang asing menguasai tanah Melayu dan orang Melayu pula diperlakukan dengan sewenang-wenangnya seperti orang asing. Oleh yang demikian, timbullah kesedaran penyair untuk menghasilkan sajak yang berunsur nasionalisme semata-mata kerana sikap patriotisme orang-orang Melayu terhadap tanah tumpah darah mereka yang tercinta.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

Tajuk Tawaran : TAWARAN BAGI PENYEWAAN SATU (1) UNIT RUANG KEDAI (UNIT NO.3) DI PUSAT KEMASYARAKATAN NO. II KAWASAN RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bilangan Projek : JKP/10/2005.

Tawaran terbuka : Syarikat-syarikat tempatan terdiri dari rakyat kepada
Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memiliki Kad Pintar warna Kuning) yang bermastautin/tinggal di kawasan Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam yang mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 & 17 dari Jabatan Peguam Negara.

Syarat-syarat Penyertaan : Tawaran ini hanya dihadkan/-dibenarkan bagi salah seorang ahli keluarga sahaja. Ahli keluarga lain yang terdekat seperti suami atau isteri atau anak-anak yang masih bujang tidak dibenarkan ikut serta.

Lokasi : DI PUSAT KEMASYARAKATAN NO. II, KAWASAN RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Jumlah Ruang Kedai Yang ditawarkan : 1 Unit Ruang Kedai.

Sewa Tetap Bulanan : B\$ 300.00 (Tiga Ratus Ringgit Brunei) sebulan

Keluasan bagi setiap Unit : 55.70 Meter Persegi

Tempoh Penyewaan : 5 Tahun

Jenis Perniagaan Yang dibenarkan : Kedai Makan, Kedai Gunting, Kedai Jahit, Kedai Runcit, Kedai Peralatan Sukan, Kedai Perkakas Elektrik dan lain-lain yang bukan berbentuk perusahaan ringgan seperti Worksyop, memproses makanan (manufactory factory) kilang pembuatan bahan-bahan dan lain-lain yang serupa.

Tempat Mengambil Dokumen Tawaran : Boleh diperolehi daripada : BAHAGIAN PENTADBIRAN KONTRAK TINGKAT 1, BANGUNAN JPE/JKP (JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK/JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN) LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Buka Tawaran : 17 Ogos 2005 (Rabu)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran : 12 September 2005 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.

Tarikh Tutup : 13 September 2005 (Selasa)

Tempat Tutup : Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Dokumen : B\$ 25.00 (Dua Puluh Ringgit Brunei)

Tunai- tidak akan dikembalikan kepada penawar

Waktu Pembayaran : ISNIN-KHAMIS : 8.30 pagi hingga 11.30 tengah hari 1.30 petang hingga 2.30 petang. SABTU : 8.00 pagi hingga 10.30 pagi.

Tatacara Tawaran : Penawar hendaklah menyatakan harga tawaran secara lump sum dalam borang tawaran yang disertakan. Harga tawaran ini tidak termasuk harga sewa bulanan yang telah ditetapkan Kerajaan. Harga tawaran ini bukan wang cagaran tawaran (tender deposit) dan tidak akan dikembalikan kepada penawar. Harga tawaran ini adalah satu kriteria pemilihan Jabatan. Kerajaan tidak akan terikat untuk memiliki atau menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.

1. Syarat-syarat tawaran ini adalah berkaitan dan hendaklah dibaca bersama dengan notis tawaran.
2. Terbuka kepada syarikat-syarikat perniagaan di Daerah Brunei/Muara dan mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 & 17 yang sah dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara untuk memberikan tawaran bagi penyewaan satu unit/ruang kedai (Unit No.3) di Pusat kemasyarakatan II kawasan Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Negara Darussalam seperti yang dinyatakan dalam notis tawaran.
3. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
4. Pemohon mestilah membawa bersama Kad Pintar asal pemilik-pemilik syarikat dan salinan asal (original) Sijil Pendaftaran syarikat dan memberikan satu salinan bergambar untuk simpanan Jabatan ini.
5. Yuran Dokumen yang dikenakan adalah sebanyak B\$ 25.00 tidak dikembalikan. Sebelum menyelaraskan pembayaran, Syarikat yang berminat hendaklah terlebih dahulu mendapatkan slip pengesahan dari Bahagian Pentadbiran Kontrak untuk ditunjuk kepada pegawai yang bertugas di Bahagian Kewangan semasa membuat pembayaran.
6. Syarikat yang ikut serta hendaklah memberikan surat pengakuan (declaration) yang ditandatangani oleh semua pemegang saham pemilik sebagai pengakuan bahawa tidak ada ahli keluarga yang mempunyai kepentingan dalam syarikat lain dan ikut sama serta tawaran yang ada.
7. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan jam yang ditetapkan pada notis tawaran tidak akan diterima dan dilayan.
8. Borang tawaran mestilah diisi dengan lengkap dan betul dengan tulisan yang terang, jika tidak permohonan tawaran akan ditolak.
9. Harga tawaran tidak boleh dipadam dengan cecair pemadam seperti blanco, tippex dan lain-lain. Jika ada kesilapan pada harga tawaran, penawar hendaklah menggaris harga yang salah dan mencatat harga betul di atasnya dengan disertai tanda tangan penawar. Harga tawaran yang dipadam dengan blanco dan sebagainya adalah ditolak dan tawarannya dikira tidak sah.
10. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup yang telah disediakan oleh Jabatan ini tanpa menunjukkan identiti syarikat dan hendaklah dimasukkan ke dalam:-

PETI TAWARAN, LEMBAGA TAWARAN KECIL, TINGKAT BAWAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, BANDAR SERI BEGAWAN BB3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

TEMUDUGA PEMOHON-PEMOHON YANG MENYERTA RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA BAGI PEGAWAI KERAJAAN BAHAGIAN II - TAHUN 2005 (KUMPULAN 1)

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN akan menemuduga pemohon-pemohon yang menyertai Rancangan Perumahan Negara secara berperingkat-peringkat.

Temuduga tersebut akan diadakan di Bahagian Permohonan Perumahan, Tingkat Bawah, Jabatan Kemajuan Perumahan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam BB 3510 pada tarikh-tarikh yang ditentukan bermula dari jam 8.30 pagi.

1. Pemohon-pemohon yang akan menghadiri temuduga berkenaan hendaklah membawa bersama SALINAN ASAL dan SALINAN-SALINAN BERGAMBAR dokumen seperti berikut :-
 - i. Kad Pengenalan pemohon, isteri/suami.
 - ii. Kad Pengenalan asal pemohon, isteri/suami jika terdiri dari Angkatan Bersenjata DiRaja Brunei atau Polis DiRaja Brunei.
 - iii. Sijil Kerakyatan pemohon, isteri /suami.
 - iv. Surat Beranak pemohon, isteri/suami.
 - v. Surat lantikan ke Jawatan Tetap dalam Bahagian II / Sebulan Ke sebulan / Open Vote bagi pemohon dan isteri / suami.
 - vi. Sijil Nikah / Kawin / Cerai.
 - vii. Geran Tanah yang dimiliki oleh pemohon dan isteri / suami.
 - viii. Lisen Tanah Tumpang Sementara (T.O.L).
 - ix. Surat Penganugerahan Geran-Geran Tanah.
2. Kegagalan untuk menghadiri temuduga yang tersebut di atas adalah dikira menarik diri dan seterusnya permohonan bagi menyertai rancangan tersebut tidak dapat dipertimbangkan.

BERIKUT IALAH SENARAI NAMA-NAMA YANG DIPANGGIL

TARIKH TEMUDUGA : 6 SEPTEMBER 2005 (HARI SELASA)

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. Ak Mohamed Khairul Arifin Pg Hj Mohamed Salleh 267726 Askar, 2. Awg Hj Mohammad Albadii Shahnoel bin Hj Mohammad Noeh 271682 Askar, 3. Ak Mas Hamin Bahrin bin Pg Momin 266155 Askar.

JABATAN AUDIT

4. Dayang Lim Shin Yie 00-289057 K.

JABATAN BURUH

5. Awang Haji Mohammad Ideni bin Hj Ahmad @ Mohd 00-282279 K.

INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI

6. Awang Mohamad Zawawi bin Bahari 00-286507 K.

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

7. Dayang Rozia binti Haji Adenan 00-256278 K.

KEMENTERIAN KESIHATAN

8. Dayang Siti Noormarlizah binti Osman 00-275260 K, 9. Dayang Rashidah binti Haji Abdul Rahim 00-274506 K.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

10. Awg Lin Kim Tong 00-268258 K, 11. Awang Shahrul bin Haji



JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI JURUAUDIT DAN JURUAUDIT KOMPUTER BERGAJI HARI

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan sebagai JURUAUDIT BERGAJI HARI dan JURUAUDIT KOMPUTER BERGAJI HARI di Jabatan Audit.

**1. JURUAUDIT
BAHAGIAN : II
TANGGAGAJI : \$ 103.00 SEHARI.**

SYARAT KELAYAKAN

- a. Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam, adat istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Accountancy atau kewangan atau Pentadbiran Urusniaga atau kelulusan professional yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Merancang dan menyediakan program pengauditan.
- b. Mengawasi pengauditan yang dijalankan ke atas pelbagai kira-kira kerajaan.

Abdul Hamid 00-275627 K, 2. Dayang Isma Fazilla binti Awang Haji Ismail 00-268765 K, 13. Dayang Chong Lee Kien 01-057364 K, 14. Dayang Marhani binti Haji Mohammad Lot 00-277286 K, 15. Dk Kartini binti Pg Haji Puit 00-279915 K, 16. Dk Noor Hasibah binti Pg Haji Ahmad 00-271362 K, 17. Dyg Jusmanita bte Awg Abd Mulok 00-283610 K, 18. Dayang Nor Aisah binti Haji Mohd Salleh 00-266091 K, 19. Dayang Azianwajawaty binti Haji Talib 00-279201 K, 20. Dayang Norsyuhairah binti Asri 00-279075 K, 21. Dayang Fazidah Hani binti Hisham 00-289396 K, 22. Dyg Rina Sahlinah binti Matussin 00-276322 K.

TARIKH TEMUDUGA : 7 SEPTEMBER 2005 (HARI RABU)

23. Dayang Suzeina binti Awang Salim 00-254318 K, 24. Dayang Norrafah binti Haji Jait 00-258664 K, 25. Dayang Norhanah binti Haji Mohamad Daud 00-256084 K, 26. Dyg Noorhazamini bte Haji Kamis 00-275372 K, 27. Dyg Roswati binti Haji Awang Damit 00-252422 K, 28. Dayang Marazibah binti Haji Matyassin 00-279965 K, 29. Dayang Norashimah binti Haji Mohammad 00-261531 K, 30. Dayang Hajah Maselinah bte Haji Mohd Tali 00-284395 K, 31. Dayang Hajah Roselawati bte Haji Abd Rahman 00-268778 K, 32. Dayang Mardiana binti Awang Haji Timbang 00-272302 K, 33. Dayang Hasdiyanti binti Haji Abdullah 00-277413 K, 34. Awang Sofry bin Othman 00-258144 K, 35. Awang Alias bin Abdul Razak 00-284154 K, 36. Awang Haji Mohd Rozaima Ariffin Haji Zainal 00-283655 K.

JBT PENGAJIAN ISLAM (KEMENTERIAN PENDIDIKAN)

37. Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar 00-257749 K, 38. Pg Hasinol Zamri bin Pg Hj Puit 00-268819 K, 39. Dayang Ida Fazura binti Haji Ibrahim 00-281597 K

KEMENTERIAN PERTAHANAN

40. Awang Haji Md Zulfikri Mahmuddin bin Haji Omar Ali 00-279922 K.

JABATAN PELABUHAN

41. Awang Haji Mohammad Bahri bin Haji Suhaili 00-259080 K.

JABATAN PENENRANGAN

42. Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini 00-282094 K.

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & STOR NEGARA

43. Awang Haji Amirul Azuan bin Haji Ahmad 00-278896 K, 44. Awang Ibnu Shahrinuddin bin Haji Awang Ibrahim 00-286296 K.



JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAN BELIA DAN SUKAN

1. TAWARAN hendaklah dihantar ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan BA 1211, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran : JBS/TDR/ADM/01/05
"MEMBEKALKAN TIKET PENERBANGAN PERGI/BALIK
BAGI THE 4TH WOMEN ISLAMIC GAMES."**

Tarikh tutup hari Selasa, 30 Ogos 2005 tidak lewat 2.00 petang Cagaran: \$ 10.00 (Yuran untuk setiap satu dokumen - Tidak dikembalikan).

2. Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Tingkat 4 (Bahagian Pentadbiran, Jabatan Belia dan Sukan) manakala resit pembayaran dari Tingkat 4, (Bahagian Kewangan, Jabatan Belia dan Sukan,) Simpang 336-17, Jalan kebangsaan Berakas, BA 1211, Negara Brunei Darussalam dari Jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang pada setiap hari bekerja.

- c. Memimpin dan melatih kakitangan di bawahnya dalam hal pengauditan.
- d. Membuat deraf/menyediakan laporan-laporan audit.
- e. Meneliti dan mengeluarkan pertanyaan-pertanyaan audit/peringatan-peringatan.
- f. Menyusuli laporan-laporan audit yang telah dikeluarkan.

**2. JURUAUDIT KOMPUTER
BAHAGIAN II
TANGGAGAJI : \$ 103.00 SEHARI**

SYARAT KELAYAKAN

- a. Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam, adat istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Komputer atau kelulusan yang sebanding dan bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Merancang dan menyediakan program pengauditan.
- b. Menjalankan pengauditan computer ke atas sistem berkomputer di Kementerian dan Jabatan Kerajaan.
- c. Membuat deraf/menyediakan laporan-laporan audit.
- d. Mengeluarkan pertanyaan-pertanyaan audit/memo-memo susulan.
- e. Menyusuli laporan-laporan audit yang telah dikeluarkan.

Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan-salinan sijil, satu keping gambar berukuran pasport, serta dokumen-dokumen yang lain dan hendaklah dihantar tidak lewat dari 31 Ogos 2005 ke alamat berikut :- Juruaudit, Jabatan Audit, Tingkat 6, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar, Berakas 'A' BB3910, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**PENCALONAN BAGI MENGISIKAN JAWATAN
SEBAGAI KETUA KAMPUNG SABA DARAT 'A/SABA LAUT,
MUKIM SABA**

KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG

1. SETIAP calon Ketua kampung hendaklah:-
 - a) Seorang lelaki terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.
 - c) Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki diminta calon itu

- d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya.
 - e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan Negara.
 - f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adapt resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.
 - g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta pemedulian dan
 - h) Tidak pernah diisytiharkan mufis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di Negara ini dalam tempoh 2 tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan mufis telah dibatalkan oleh mahkamah.
2. Calon yang terdiri daripada pegawai kerajaan akan dipertimbangkan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
 3. Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh menguruskan perniagaan atau perusahaannya menurut Syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal EHWal Dalam Negeri.

4. Pencadang dan penyokong bagi seorang calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Unit Pentadbiran Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Bahagian Kampung Ayer, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
5. Bagi pegawai-pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat di Jabatan masing-masing ataupun dari pihak-pihak Swasta hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan masing-masing dan menghidap surat kebenaran itu semasa menghadapkan bersama borang pencalonan.
6. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

PERINGATAN

Pemohon-pemohon yang pernah memohon jawatan Ketua Kampung dan permohonan mereka ditolak atas sebab tidak memenuhi syarat adalah tidak dibenarkan lagi untuk memohonnya.

CARA MEMOHON

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dihantar terus ke Jabatan Daerah Brunei dan Muara pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah diisikan mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut. Borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima.

Borang pencalonan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara tidak lewat pada hari Isnin, 31 Ogos 2005 jam 4.00 petang beralamat seperti berikut:

BAHAGIAN UNIT PENTADBIRAN INSTITUSI PENGHULU
MUKIM DAN KETUA KAMPUNG
JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**PENCALONAN BAGI MENGISIKAN JAWATAN KOSONG
SEBAGAI PENGHULU MUKIM TELISAI, TUTONG.**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong dengan sukacitanya mempelawa/menjemput penduduk yang bermastautin di kawasan Mukim Telisai, Tutong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim Telisai Daerah Tutong.

TANGGAGAJI : C.3 EB4 iaitu \$ 1,990.00 hingga \$ 2,620.00 (Menurut Surat Keliling, Jabatan Perdana Menteri Bil. 5/1999, Negara Brunei Darussalam bertarikh 13 Zulkaedah 1419 bersamaan 2 Mac 1999)

KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM

1. Setiap calon Penghulu Mukim hendaklah:-
 - a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.
 - c) Beragama Islam dan mempunyai pengetahuan yang baik berhubungkait dengannya.
 - d) Berumur tidak kurang dari 40 tahun dan tidak lebih dari 60 tahun pada tarikh pencalonannya.
 - e) Bermastautin di Kampung di bawah Mukim Telisai tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Penghulu Mukim hendaklah benar-benar tinggal di Mukim yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.
 - f) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan Negara.
 - g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta ber-sifat pemedulian.
 - h) Tidak pernah diisytiharkan mufis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua (2) tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan mufis telah dibatalkan oleh mahkamah.
 - i) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam selok-belok kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat Mukim berkenaan.
 - j) Mempunyai rekod prestasi kerja yang baik dan memuaskan bagi calon yang bekerja sama ada di pihak Swasta/Kerajaan dan hendaklah menyertakan laporan prestasi kerja bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
2. Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim adalah dimestikan:-
 - a) Mengisikan Borang Pencalonan yang disediakan khas oleh Jabatan Daerah Tutong dan ditandatangani oleh seorang pencalon dan dua orang penyokong. Borang pencalonan itu hendaklah ditandatangani oleh calon berkenaan sebagai pernyataan, pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya itu.
 - b) Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon bagi Mukim berkenaan.
 - c) Sebarang penarikan diri dalam pencalonan itu hendaklah dibuat secara bertulis.
3. Calon Penghulu Mukim akan terlebih dahulu ditapis dari segi kelayakan.
4. Pencalonan dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat atau penduduk tetap yang berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh pencalonan diadakan.
5. Pencalonan dan Penyokong hendaklah terdiri daripada Penduduk Kampung di bawah Mukim Telisai dan tinggal bermastautin di Mukim Telisai.
6. Pencalonan dan penamaan calon atau calon-calon selepas terikat tutup pencalonan tidak akan diterima.
7. Seorang Penghulu Mukim adalah dilantik atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
8. Borang pencalonan bolehlah diperoleh daripada Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Tutong dan hendaklah dikembalikan tidak lewat 3 September 2005 (Sabtu) jam 2.00 petang.



**KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA**

JAWATAN KOSONG

**ATENDAN PEJABAT
TANGGAGAJI : F1-2-3-4-5 EB 6 (\$ 445.00 - \$ 790.00 SEBULAN)
[BILANGAN KOD : 001 08 005]
[DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA]**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam menurut Mazhab Shafie Ahli Sunnah Wal-Jemaah.

KELAYAKAN :

- 1) Mengetahui tentang kemasian agama Islam, adat istiadat, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- 2) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) termasuk kredit dalam mata pelajaran pengetahuan agama Islam atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- 3) Kebolehan menaip dengan menggunakan komputer adalah satu keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Membantu tugas-tugas dibidang perkeranian seperti memasukkan data, surat menyurat, failing dan sebagainya.
- b. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.

NOTA :

Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai Laporan Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

AM :

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN :

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan dan salinan Laporan Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada:

Urusetia Lembaga Kakitangan
Bangunan Kementerian Hal EHWal Ugama,
Tingkat 3, Jalan Menteri Besar,
Berakas BB3910,
Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP IKLAN : 27 OGOS, 2005



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PEMBACA METER

1. PEMBACA METER

**BILANGAN KOD : 030-39-962
TANGGAGAJI : E.1-2-3 EB.4 (\$515.00 - \$ 875.00)**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

- a. MESTILAH terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam, adat istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c. Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- d. Mempunyai pengalaman dalam pembacaan meter adalah satu kelebihan.
- e. Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh (3) tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Membaca Meter
- b. Menyidik perjalanan meter yang baik seimbang, meter-meter rosak, penyambungan haram dan juga pemecahan sel serta melaporkan kepada Merinyu Meter.
- c. Menyediakan dan menghantar tuntutan bil elektrik kepada pengguna-pengguna.

PERINGATAN

Seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan-jawatan dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan Borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihadapkan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada:-

URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN,
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, TINGKAT 3,
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 8 SEPTEMBER 2005.



JABATAN KEMAJUANPERUMAHAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

SKIM TANAH KURNIA RAKYAT JATI TAHUN 2001

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN akan menemuduga pemohon-pemohon yang menyertai Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.

Temuduga tersebut akan diadakan di Bilik Serbaguna Tingkat 1, Jabatan Kemajuan Perumahan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam, jam 8.00 pagi.

Pemohon dikehendaki untuk membawa bersama dokumen asal (original) dan salinan-salinan bergambar (copy) bagi perkara berikut :

- 1) i. Dua keping salinan (copy) kad pengenalan pemohon, suami / isteri sahaja dan satu salinan (copy) bagi anak-anak serta tanggungan (Jika berkenaan) dan bawa bersama dokumen asal (original).
- ii. Dua salinan (copy) kad pengenalan asal (kuning) jika pemohon, suami / isteri / bapa pemohon / bapa mertua terdiri dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Polis Diraja Brunei (Jika berkenaan).
- iii. Dua salinan (copy) kad pengenalan bapa pemohon,
- iv. Bagi pemohon perempuan yang sudah bersuami hendaklah memberikan dua salinan (copy) kad pengenalan dan satu salinan (copy) bagi sijil mati / sijil kerakyatan bapa mertua (Jika berkenaan).
- v. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi surat beranak pemohon, suami / isteri dan anak-anak serta tanggungan (Jika berkenaan).
- vi. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi sijil nikah / kahwin / cerai (Jika berkenaan).
- vii. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi sijil mati pemohon, suami / isteri / bapa pemohon (Jika berkenaan).
- viii. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi sijil kerakyatan pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan).
- ix. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi surat lantikan terakhir ke Jawatan Tetap / Open Vote / sebulan kesebulan dan bergaji hari bagi pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan).
- x. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi surat lantikan terakhir bekerja dengan syarikat swasta bagi pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan).
- xi. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi penyata gaji terakhir (slip gaji) pemohon, suami / isteri (jika berkenaan).
- xii. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi geran tanah yang dimiliki pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan).
- xiii. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi surat kebenaran lesen tanah tumpang sementara (T.O.L) pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan).
- xiv. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi surat penganugerahan geran-geran Tanah / lot-lot tanah pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan).
- 2) Jika sekiranya pemohon tidak hadir pada waktu temuduga itu maka permohonan akan dikira BATAL.
- 3) Untuk makluman kepada pemohon-pemohon yang tidak menerima surat panggilan temuduga berkenaan adalah diminta untuk mengambil salinan surat dan Borang Temuduga di Bahagian Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Tingkat 1 di Jabatan Kemajuan Perumahan, Lapangan Terbang Lama Berakas sebelum tarikh jadual temuduga.

BERIKUT ADALAH SENARAI NAMA-NAMA YANG DIPANGGIL

TARIKH TEMUDUGA : HARI SABTU, 03 SEPTEMBER 2005

- 1) Dyg Hjh Seri Suraziah binti Hj Sulaiman 292618 k 18062, 2) Awg Hamdani bin Hj Tudin 3174 P 18063, 3) Dyg Maya Sari binti Hj Mohamad Ariffin 281638 k 18064, 4) Dyg Azimah binti Hj Mohamad Ariffin 255067 k 18065, 5) Awg Mohammad Erwan bin Omar 262676 k 18066, 6) Awg Mohammad Zul-Azri bin Hj Abdul Samat 282132 k 18067, 7) Dyg Noor Afni binti Amit 285231 k 18070, 8) Awg Samli bin Amit 291263 k 18071, 9) Awg Sofry bin Mohamad 127856 k 18072, 10) Awg Abdul Malek bin Abdullah 278819 k 18073, 11) Awg Hj Rosman bin Hj Rosli 251749 k 18074, 12) Dyg Norsunah binti Mat Taha 261821 k 18075, 13) Dyg Roselilah Kartine binti Mohd Sahli 274501 k 18076, 14) Ak Md Irwan bin Pg Hj Othman 259844 k 18078, 15) Dyg Mas Zaiton binti Mohamed 255394 k 18079, 16) Awg Mohammad Hemmie bin Abdul Hamid 253951 k 18080, 17) Awg Ali Omar bin Hj Sisa 281691 k 18081, 18) Dyg Hjh Sujatanulwati binti Awg Hj Minudin 276428 k 18082, 19) Dyg Hjh Hazlinawati binti Hj Awg Minudin 268848 k 18083, 20) Ak Shaiful Bahri bin Pg Metussin 287357 k 18084, 21) Awg Hj Maslee bin Hj Judin 272517 k 18085, 22) Awg Mashadi bin Hj Judin 285576 k 18086, 23) Awg Omarali bin Hj Mohd Zanie 274122 k 18087, 24) Awg Md Fauzi Rizal bin Hj Hidup 270079 k 18088, 25) Awg Mohd Amin bin Abdullah 322083 k 18089, 26) Dyg Jamayaah binti Hj Awg Husain 112173 k 18090, 27) Awg Hj Zaini bin Hj Abdul Rahman 057933 k 18092, 28) Awg Hj Kasmirul bin Hj Ramle 281123 k 18093, 29) Ak Mohd Shahda Idwan bin Pg Md Daud 282589 k 18094, 30) Awg Herman Al Fonso Serudin bin Yahya 274115 k 18097, 31) Awg Adeed Hendra bin Ali Jaffar 284891 k 18098, 32) Awg Muhamad Faizal bin Hj Saban 278706 k 18099, 33) Awg Muhamad Heirmey bin Hj Saban 293238 k 18100.

TARIKH TEMUDUGA : HARI ISNIN, 05 SEPTEMBER 2005

- 1) Awg Md Baharin Shah bin Hj Abu Bakar 114398 k 18101, 2) Awg Hj Mohamad Norhadi bin Hj Shawal 286553 k 18102, 3) Dyg Siti Noorhalina binti Hj Abd Rahman 276224 k 18104, 4) Awg Abdul Muizz bin Hj Abd Rahman 279806 k 18105, 5) Dyg Siti Noor Zurailah binti Hj Abd Rahman 296847 k 18106, 6) Awg Muhd Ridwan Zulhisyam bin Muhd Shah Asnawi 267262 k 18107, 7) Pg A'zrin bin Pg Hj Rosli 121084 k 18108, 8) Awg Mohammad Sudirman bin Hj Haris 269112 k 18110, 9) Dyg Siti

SKIM TANAH KURNIA RAKYAT JATI TAHUN 2002

Rawina binti Hj Mohammad 265487 k 18111, 10) Awg Hj Azlan bin Hj Jaludin 255834 k 18112, 11) Awg Hj Muhammad Azlan bin Hj Minudin 270822 k 18113, 12) Awg Misle bin Hj Abd Karim 128741 k 18114, 13) Dyg Anah binti Tinggal @ Tingal 060366 k 18115, 14) Dyg Sity Noradimah binti Awg Hj Omar 265664 k 18116, 15) Dyg Noorsah binti Awg Amit 284907 k 18117.

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN akan menemuduga pemohon-pemohon yang menyertai Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Temuduga tersebut akan diadakan di Bilik Serbaguna Tingkat 1, Jabatan Kemajuan Perumahan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam, jam 8.00 pagi.

Pemohon dikehendaki untuk membawa bersama dokumen asal (original) dan salinan-salinan bergambar (copy) bagi perkara berikut :

- 1) i. Dua keping salinan (copy) kad pengenalan pemohon, suami / isteri sahaja dan satu salinan (copy) bagi anak-anak serta tanggungan (Jika berkenaan) dan bawa bersama dokumen asal (original)
- ii. Dua salinan (copy) kad pengenalan asal (kuning) jika pemohon, suami / isteri / bapa pemohon / bapa mertua terdiri dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Polis Diraja Brunei (Jika berkenaan)
- iii. Dua salinan (copy) kad pengenalan bapa pemohon
- iv. Bagi pemohon perempuan yang sudah bersuami hendaklah memberikan dua salinan (copy) kad pengenalan dan satu salinan (copy) bagi sijil mati / sijil kerakyatan bapa mertua (Jika berkenaan)
- v. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi surat beranak pemohon, suami / isteri dan anak-anak serta tanggungan (Jika berkenaan)
- vi. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi sijil nikah / kahwin / cerai (Jika berkenaan)
- vii. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi sijil mati pemohon, suami / isteri / bapa pemohon (Jika berkenaan)
- viii. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi sijil kerakyatan pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan)
- ix. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi surat lantikan terakhir ke Jawatan Tetap / Open Vote / sebulan kesebulan dan bergaji hari bagi pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan)
- x. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi surat lantikan terakhir bekerja dengan syarikat swasta bagi pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan).
- xi. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi penyata gaji terakhir (slip gaji) pemohon, suami / isteri (jika berkenaan).
- xii. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi geran tanah yang dimiliki pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan).
- xiii. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi surat kebenaran lesen tanah tumpang sementara (T.O.L) pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan).
- xiv. Dokumen asal (original) dan satu salinan (copy) bagi surat penganugerahan geran-geran Tanah / lot-lot tanah pemohon, suami / isteri (Jika berkenaan).
- 2) Jika sekiranya pemohon tidak hadir pada waktu temuduga itu maka permohonan akan dikira BATAL.
- 3) Untuk makluman kepada pemohon-pemohon yang tidak menerima surat panggilan temuduga berkenaan adalah diminta untuk mengambil salinan surat dan Borang Temuduga di Bahagian Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Tingkat 1 di Jabatan Kemajuan Perumahan, Lapangan Terbang Lama Berakas sebelum tarikh jadual temuduga.

TEMUDUGA PADA 5 SEPTEMBER 2005 (HARI ISNIN)

- 1) Dyg Sarinahwati binti Hj Serudin @ Hj Sanif 267038 k 18118, 2) Dyg Faezah binti Hj Salleh 292812 k 18119, 3) Awg Asmadi bin Hj Mohamad Tuah 251472 k 18120, 4) Awg Nor Zainal bin Hj Ahad 250912 k 18121, 5) Awg Muhammad Fauzi bin Duraim 285264 k 18122, 6) Dyg Siti Fauziah binti Duraim 293882 k 18123, 7) Awg Mohammad Ruwaidi bin Hj Ibrahim 279230 k 18124, 8) Dyg Vidjayantimala binti Hj Mat Noor 117103 k 18125, 9) Awg Hj Nohizal bin Hj Jaludin 127846 k 18126, 10) Dk Hjh Nooray Rohaya Dinah binti Pg Hj Abd Razak 250193 k 18127, 11) Dyg Nir Asma'an Yusra Farhani binti Mohammad 282109 k 18128, 12) Ak Zaine bin Pg Hj Ibrahim 265304 k 18129, 13) Awg Hj Mohd Sofri bin Dato Paduka Awg Hj Othman 125599 k 18130, 14) Awg Sufri bin Hj Awg Besar 127432 k 18131, 15) Awg Andy Sham bin Hj Samsudin @ Chandy 276869 k 18132, 16) Awg Shahrin bin Hj Shahadan 255013 k 18133, 17) Dyg Corinawati binti Hj Omar 275654 k 18134, 18) Dk Hjh Jurinah binti Pg Hj Yussof @ Pg Hj Bahar 271748 k 18135.

TARIKH TEMUDUGA : HARI SELASA, 06 SEPTEMBER 2005

- 1) Dyg Hjh Mardiana binti Hj Hamidon 267791 k 18136, 2) Awg Zul Amin bin Hj Mohamad 264666 k 18137, 3) Dyg Aimah binti Hj talip 258727 k 18139, 4) Dyg Aminah binti Hj Majid 297650 k 18140, 5) Awg Jeludin bin Hj Talip 262876 k 18141, 6) Awg Jefri bin Hj Japar 113470 k 18142, 7) Dyg Hjh Norlaila binti Hj Jari 069769 k 18143, 8) Dyg Hjh Emeliawati binti Hj Zakaria 259862 k 18144, 9) Awg Hj Md Khairul Shah bin Hj Zakaria 270146 k 18145, 10) Dyg Noryasimah binti Mohd Yassin 263957 k 18146, 11) Awg Muhammad Nurisa bin Hj Rosli 290504 k 18147, 12) Awg Md Nurmusanuddin bin Hj Rosli 297885 k 18148, 13) Dyg Retasuneta binti Abdul Rahim 298386 k 18149, 14) Dk Norleilawati binti Pg Hj Md Salleh 259871 k 18151, 15) Dyg Hjh Noorinah binti Lakim 267095 k 18152, 16) Awg Hj Iqmal bin Hj Ismail 285346 k 18153, 17) Dyg Hjh lanthi bin Hj Ismail 280899 k 18154, 18) Dyg Siti Asilah binti A.Latip 295192 k 18155, 19) Dyg Aslina binti Malik 261042 k 18156, 20) Awg Hj Lias bin Hj Hamid 075253 k 18157, 21) Dyg Siti Rokiah binti Muhaimin 299478 k 18158, 22) Dk Siti Harina binti Pg Hj Md Norsah 298798 k 18159, 23) Dk Siti Masniah binti Pg Hj Md Norsah 291375 k 18160, 24) Awg Md Amiruddin bin Hj Tunjang 289392 k 18161, 25) Pg Zubaidah binti Pg Hj Metassan 030255 k 18162, 26) Awg Ambran bin Hj Jaafar 264568 k 18163, 27) Pg Redzali bin Pg Hj Ahmad 274802 k 18164, 28) Awg Mohammad Maidey

bin Awang @ Ismail 301183 k 18165, 29) Pg Hjh Piah binti Pg Langgar 030250 k 18166, 30) Dyg Rosminah binti Hj Osman 286741 k 18167, 31) Dyg Azlena binti Hj Osman 264630 k 18168, 32) Dyg Zuriana binti Awg Hj Osman 276546 k 18169.

TARIKH TEMUDUGA : HARI RABU, 07 SEPTEMBER 2005

- 1) Dyg Wardina binti Hj Tuah 274224 k 18170, 2) Dyg Wardati binti Hj Tuah 282820 k 18171, 3) Pg Shaiful rizal bin Pg Metussin 266382 k 18172, 4) Dyg Aini binti Amit 296749 k 18173, 5) Awg Mohammad Noor bin Hj Ismail 128147 k 18174, 6) Dyg Siti Zahrina binti Abdul Wahab 296983 k 18175, 7) Awg Hj Muhammad Azrul Azrin bin Hj Md Zain 294791 k 18176, 8) Awg Khairul Asri bin Tarip 275431 k 18177, 9) Awg Jasmin bin Chuchu 266289 k 18178, 10) Awg Saiami bin Hj Salleh 265468 k 18179, 11) Awg Halidinsah bin Hj Abd Hamid 075182 k 18180, 12) Awg Hasanah Ajimen bin Hj Hassan 283421 k 18181, 13) Awg Hj Abdul Kahar bin Awg Hj Sulaiman 251530 k 18182, 14) Dyg Hainah binti Hj Modin 076971 k 18183, 15) Dyg Faridah binti Hj Bungsu 00-114134 k 18184, 16) Dyg Mahani binti Hj Besar 116139 k 18185, 17) Dyg Shormarwati binti Shorah 00-290907 k 18186, 18) Ak Esfahani bin Pg Hj Md Sabri 00-291612 k 18191, 19) Ak Md Fuad bin Pg Hj Md Sabri 00-303392 k 18192, 20) Dyg Linawati binti Hj Jumat 00-286335 k 18193, 21) Dyg Rokiah binti Hj Masbah 284231 k 18196, 22) Awg Mohammad bin Abdul Wahab 287669 k 18197, 23) Dyg Amshah Noorwadi binti Hj Yakub 266420 k 18198, 24) Dyg Anezawati binti Hj Yakub 282560 k 18199, 25) Azrenah binti Hj Yakub 290818 k 18200, 26) Awg Marzuki bin Alias 272328 k 18201, 27) Awg Mohammad Yusri bin Hj Mohd Yusof 287975 k 18202, 28) Dyg Siti Halifah binti Hj Sabtu 282972 k 18203, 29) Awg Abdul Hamid bin Hj Ladi 252151 k 18204, 30) Dyg Rozieana binti Hj Awg Othman 291274 k 18205, 31) Awg Mohammad Sahulzmi bin Tengah 286371 k 18206, 32) Awg Zulhilme bin Hj Omar 257804 k 18207.



JAWATAN KOSONG SECARA, BERGAJI HARI DI JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai AKITEK KEINDAHAN ALAM SECARA BERGAJI HARI, di Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan dengan gaji sebanyak \$103.00 sehari.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

- a) Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Mempunyai pengetahuan tentang kemaslahatan agama Islam, adat istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Mempunyai ijazah Sarjana dalam bidang Seni Bina dalam Reka Bentuk Alam Sekitar atau yang bersesuaian yang diiktiraf sebanding oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

SYARAT-SYARAT LAIN :

- a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
- b) Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari masa ke semasa.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- a) Membantu dalam menyelaras dan mengurus pelaksanaan tugas-tugas yang berkaitan dalam perancangan dan perkembangan dan/atau pemeliharaan dan pengurusan kawasan landskap, taman dan rekreasi.
- b) Menjalankan kerja-kerja perancangan dan pelaksanaan landskap serta memberikan khidmat nasihat kepada Kementerian dan Jabatan tertentu dalam kerja-kerja pelaksanaan landskap.
- c) Menyelaras dan memantau kemajuan projek-projek landskap.
- d) Menyelia kerja-kerja rekabentuk atau design.
- e) Memeriksa dan menyelaras kerja-kerja di tapak binaan.
- f) Menyediakan dokumen yang perlu di sepanjang tempoh projek dilaksanakan sehingga selesai dengan sempurna.
- g) Memberikan khidmat nasihat kepada Kementerian dan jabatan tertentu dalam kerja-kerja pemeliharaan landskap.
- h) Menyelaras dan memantau kemajuan projek-projek landskap
- i) Menyediakan dokumen tertentu terutama sekali tatacara atau manual bagi kerja-kerja pemeliharaan landskap, taman-taman dan tempat-tempat rekreasi.
- j) Memastikan pemeliharaan landskap, taman-taman dan tempat rekreasi adalah mengikut seperti dalam perancangan.
- k) Mengendalikan dan melaksanakan arahan dan tugas-tugas yang diberikan oleh Pegawai atasan.

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan untuk disokong dan ditetapkan ke jawatan bergaji bulan jika mempunyai kesesuaian dan prestasi yang sangat baik.

Pemohon yang tidak memenuhi syarat kelayakan iklan tidak akan dipertimbangkan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang SPA/1 yang boleh didapati daripada Suruhajaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Jabatan Alam Sekitar, Taman Dan Rekreasi, Tingkat 4, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 17 SEPTEMBER 2005



JAWATAN KOSONG DI KEMENTERIAN KESIHATAN

1. JURUTERA SISTEM

BAHAGIAN II

TANGGAGAJI : B2 EB3 \$ 2,610.00 - \$ 3,640.00

BILANGAN KOD : KK/LK/SS/1/2005

DI KEMENTERIAN KESIHATAN

SYARAT LANTIKAN

- MESTILAH terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kerassman agama Islam, adat istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana atau Sarjana Muda (Kepujian) dalam Sains Komputer/Teknologi Maklumat/Sistem Maklumat atau bidang yang berkaitan dengan komputer atau Teknologi Maklumat atau Info Komunikasi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan MCSE (Microsoft Certified System Engineer) atau yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman dalam merancang dan melaksanakan projek-projek ICT sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta.
- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik.
- Mempunyai kualiti peribadi yang berkaliber.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Menyelia pemasangan peralatan komputer dan yang berkaitan.
- Menyelia pemasangan peralatan jaringan dan yang berkaitan.
- Menyelia operasi dan pemeliharaan komputer dan yang berkaitan untuk memastikan kesinambungan operasi.
- Menyelia operasi dan pemeliharaan peralatan jaringan dan yang berkaitan untuk memastikan kesinambungan operasi.
- Mereka-bentuk (architecting & designing) dan mengetahui pelaksanaan HW platform digital yang berkelajuan tinggi. Berkebolehan mengendalikan "Gigabit Ethernet" dan 'switch-



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG BERGAJI HARI DI JABATAN DAERAH BELAIT, KUALA BELAIT

PERMOHONAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai **Penjaga Bangunan Bergaji Hari** di Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

1) PENJAGA BANGUNAN

GAJI : \$17.20

DI JABATAN DAERAH BELAIT, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BILANGAN KOD : JDB-01-05

2) KELAYAKAN MINIMUM :

- i. Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB). Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- ii. Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penjaga atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam tangga gaji F1 selama tidak kurang dari 5 tahun.
- Hendaklah tahu menulis dan membaca.
- Berbadan sihat dan tegap.
- Tinggal di kawasan yang berdekatan adalah merupakan satu kelebihan.

3) TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Menjaga bangunan dan kawasan sekelilingnya.
- Memastikan keselamatan harta benda di dalam Dewan dan Rumah Persinghan serta keadaan sekeliling bangunan.
- Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

PERINGATAN:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan Kod Jawatan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan. Penerangan lanjut mengenai tatacara permohonan boleh menghubungi Pentadbiran Am, Jabatan Daerah Belait, Kuala Belait.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan Borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji ke alamat seperti berikut:

**PEGAWAI DAERAH BELAIT
JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KUALA BELAIT KA1131**

Tarikh Tutup : 31 Ogos 2005

- ing and routing of Network processors".
- Bertanggungjawab sebagai ketua pasukan projek dalam semua aspek.
- Bertanggungjawab terhadap pembuatan dan pelaksanaan 'test plans'.
- Mereka-bentuk dan melaksanakan sistem keselamatan dan menyelaras langkah-langkah keselamatan.

2. PENGANALISA SISTEM

BAHAGIAN II

TANGGAGAJI : B2 EB3 \$ 2,610.00 - \$ 3,640.00

BILANGAN KOD : KK/LK/22/2/2005

DI JABATAN PERKHIDMATAN TEKNOLOGI PENJAGAAN KESIHATAN.

SYARAT LANTIKAN : SITE STAFF (KONTRAK 4 TAHUN)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- MESTILAH terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kerassman agama Islam, adat istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana atau Sarjana Muda (Kepujian) dalam Sains Komputer/Teknologi Maklumat/ Sistem Maklumat atau bidang yang berkaitan dengan komputer atau Teknologi Maklumat atau Info Komunikasi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan MCSE (Microsoft Certified System Engineer) atau yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- Mempunyai kualiti peribadi yang berkaliber.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Mengurus sistem-sistem maklumat dan peralatan-peralatan komputer bagi Kementerian Kesihatan.
- Mentadbir dan memastikan keselamatan sistem perisian dan aplikasi.
- Melaksana dan mengurus server, penyelesaian kapasiti penyimpanan, sistem 'back-up' dan alat-alat pemantauan sistem.
- Memastikan tahap konsistensi dan integriti dalam perisian dan aplikasi.
- Menganalisa masalah sistem komputer dan melaksanakan tindakan-tindakan pembaikan.
- Menyelesaikan semua masalah komputer dan mengguna pakai teknologi komputer bagi memenuhi keperluan individu dan jabatan di Kementerian Kesihatan.
- Bekerjasama dengan penjadual-penjadual untuk menghapuskan kesilapan-kesilapan sistem.
- Menghadapkan sokongan dan mentadbir dasar-dasar, prosedur-prosedur dan piawaian.
- Memantau keberkesanan sistem keselamatan dan menyelaras langkah-langkah keselamatan.

PERINGATAN

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengisi borang SPA 1 yang boleh didapati di Kementerian Kesihatan dan borang tersebut hendaklah dikembalikan kepada URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN, TINGKAT 1, KEMENTERIAN KEIHATAN tidak lewat dari 10 September 2005.



JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PEMBERITAHUAN KEPADA PELAUT BIL: 20/2005 (S)
NOTICE TO MARINERS NO: 20/2005 (T)

LATIHAN MENEMBAK MENGGUNAKAN PELURU HIDUP
(LIVE FIRING EXERCISE)

Latihan bagi bulan OGOS dan SEPTEMBER 2005
(The above exercise for the months of AUGUST and SEPTEMBER 2005)

- KAWASAN terbabit Padang Tembak Binturan dan Kompleks Pelancaran Rapiet Bukit Agok (Areas affected: The Binturan Field Firing Area (FFA) and Bukit Agok Rapiet Launching Complex (RLC))

TARIKH/DATE	MASA/TIME	KAWASAN (AREA)/ KAWASAN LAUT BAHAYA/ (DANGER) SEA AREA
OGOS 2005 2,3,4,8,9,10,11,12,17,18,19,20,21,22,23,24,25,26 dan 27	Dari 7.30 hingga 11.59 malam	BINTURAN 4 Km dari pantai (offshore)
SEPTEMBER 2005 7,8,9,14,15,16 dan 26	Dari 7.30 hingga 11.59 malam	BINTURAN 4 Km dari pantai (offshore)
OGOS 2005 29,30 dan 31	Dari 7.30 pagi hingga 5.00 petang	BUKIT AGOK 14 Km dari pantai (offshore)
SEPTEMBER 2005 2 SEPTEMBER 2005	Dari 7.30 pagi hingga 5.00 petang	BUKIT AGOK 14 Km dari pantai (offshore)

Semua kapal termasuk perahu-perahu kecil dinasihatkan agar tidak memasuki kawasan yang tersebut semasa latihan sedang dijalankan. Pemberitahuan ini mansuh pada 26 September 2005 jam 12.00 tengah hari/malam.

All vessels including small craft are advised not to enter the areas during the exercise. The Notice expires on 26 September at 2400 hrs.



JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN : JUA/4/2005

TAWARAN ' THE DESIGN, CONSTRUCTION, DELIVERY AND COMMISSIONING OF HYDROGRAPHIC SYSTEM AND SURVEY BOAT FOR SURVEY DEPARTMENT'

- TAWARAN adalah dipelawa dari Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Dokumen dan borang Tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Geodetik (Tingkat 2), Jabatan Ukur, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam dengan membayar Yuran Tawaran sebanyak \$ 200.00 (Tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran pada hari bekerja:
Hari Isnin - Khamis : 8.30 pagi - 11.00 pagi
: 2.00 petang - 3.00 petang
Hari Sabtu : 8.30 pagi - 10.00 pagi
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda Syarikat pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk-tajuk tawaran seperti berikut:-

Bilangan Tawaran : JUA/4/2005

TAWARAN ' THE DESIGN, CONSTRUCTION, DELIVERY AND COMMISSIONING OF HYDROGRAPHIC SYSTEM AND SURVEY BOAT FOR SURVEY DEPARTMENT'

- Tawaran hendaklah dihadapakan tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 13 September 2005 kepada alamat berikut:-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

- Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.
- Salinan Dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan:-
i) Sijil Pendaftaran Perniagaan;
ii) Lesen Rampaian;
iii) Kad Pengenalan/No. Pasport;
iv) Daftar Pemilik Syarikat.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

PROJEK : MEMBEKAL 1 UNIT BREATHING APPARATUS COMPRESSOR.

KOD PROJEK : BFS/LTK/14/2005

BAYARAN TAWARAN : \$ 100.00

PROJEK : TAWARAN BAGI PENYEWAAN PERKHIDMATAN KANTIN DEWAN SERBAGUNA JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA

KOD PROJEK : BFS/LTK/15/2005

BAYARAN TAWARAN : \$ 100.00

PROJEK : PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN DAN PEMBAIKAN 2 BUAH JENTERA BOMBA TURNABLE LADDER (TTL) 52'M-BG1994 DAN BG2211

KOD PROJEK : BFS/LTK/16/2005

BAYARAN TAWARAN : \$ 100.00

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610.
- Tawaran mestilah dihantar dalam 2 salinan berserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau pasport pemilik sebagai rujukan Lembaga.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada 6 September 2005, hari Selasa tidak lewat dari jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen Tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Lama Berakas.
- Pembayaran 'Tender Fee' mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran bolehlah dibuat di Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba pada hari-hari bekerja kecuali hari kelepasan awam.
- Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan Tajuk Tawaran dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.
- Katalog/gambar asal peralatan yang ditawarkan hendaklah dihadapakan bersama semasa menghadapkan Dokumen Tawaran, manakala contoh-contoh bolehlah dihadapakan kepada Ketua Logistik dan Perbekalan, Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba.

GAJEN

Oleh Mira Tania

ANIZA menarik nafas sebelum melangkah keluar dari lif. Ia berhenti seketika di luar pintu lif, cuba menenangkan hatinya yang sedikit berdebar. Melalui cermin lif yang masih terbuka pintunya, ia melihat sekelibat penampilan seorang gadis berbaju kurung warna ungu lembut bermotifkan bunga anggerik merah jambu tinggi dan langsing. Sejenis beg tangan dan sepasang kasut tumit tinggi warna seiras ungu tua menyempurnakan penampilan itu. Kira o.k., bisiknya sendirian.

Aniza menarik nafas lagi lalu melangkah dengan tegas menuju ke kaunter resepsi. Beberapa orang pemuda yang berdiri dekat pintu lif itu memandang ke arahnya dengan penuh minat. Salah seorang dari mereka bersul kecil. Namun Aniza tidak menyedari langsung kehadiran pemuda-pemuda itu.

Semakin dekat dengan kaunter resepsi, degup jantungnya kian kuat dan darah gemuruh mula menerpa ke wajahnya yang disolek bedak tipis. Wajahnya yang putih bersih itu jadi kemerah-merahan. Ia berhenti mengejut dan teringat seperti sebuah statue bila terdapat lelaki itu yang berdiri mengahap itu yang kira-kira 50 meter jarak darinya. Lelaki itu sedang tekun membaca sesuatu.

Aneh, fikir Aniza. Walaupun dia dan lelaki itu belum pernah bertemu empat mata, cukup setakat di lembaran biru, tetapi wajah itu, ya wajah itu akan dikenalnya walau di mana-mana. Wajah itu masih seperti dalam potret yang kini memastautin tetap beg tangannya selama sepuluh tahun ini. Tidak banyak perubahannya walaupun usia potret itu sudah melebihi tujuh tahun. Bukankah wajah itu yang telah sering berlegar di ruang mimpi dan khayalnya selama ini?

Lantas ia cuba meredakan gemuruh perasaannya untuk ke sekian kali. Ia menarik nafas lagi dan berjalan perlahan mendekati manusia yang namanya sejak sepuluh tahun lalu adalah abjad teratas di kamus hatinya.

"Abang Abdul Rahim?" ada getaran halus dalam nada itu. Aniza ingat baris-baris ayat yang tertulis di atas sekeping kertas: "Jangan panggil aku Rahim. Itu nama Allah. Yang Maha Mengasihani. Sedangkan aku hanya seorang hamba-Nya. Pasti tidak layak. Panggil aku Abdul Rahim!" dan begitulah sehingga kini Aniza masih tidak lupa untuk menyebut nama penuhnya.

Lelaki itu mengangkat mukanya. Ia tergamam. Ada unsur kaget dan kagum terpancar dari matanya yang bundar dan bening.

Ah, matamu bundar dan bening seperti selalu kubayangkan! Bisik Aniza. Bukankah aku seorang pencinta mata bundar begitulah yang mencerminkan jiwa halus dan kudus? Lalu spontan Aniza menghulurkan tangan. "Saya Aniza!"

"Aniza?" suaranya teragak-agak. Abdul Rahim menghambun ingatannya kepada sekeping potret gadis berusia 17 tahun, rapi beruniform sekolah dengan rambut panjang ke bahu, memeluk sebuah buku tebal. Potret itu masih senang tergantung di kamar tidurnya hingga ke

ketika gadis ini masih seorang dara sunti, ia pernah menyatakan hasrat untuk menyuntingnya. Ah, lucu ia memikirkan. Lucu dan malu bercampur aduk. Dia anak seorang petani, di sebuah daerah terpencil di Kedah yang senang dengan becak, kerbau, lintah dan ikan keli! Masakan kufu dengan gadis kelahiran sebuah negara yang kaya dengan emas hitam itu. Ia seram dengan keberaniannya dulu.

Mereka duduk di satu sudut yang agak terpencil, bertangam muka dan masing-masing mencuba untuk mengawal perasaan.

"Abang mahu minum? Makan?"

"Minum sudah cukup." Ia memandang wajah Aniza sedikit segan.

Aniza memanggil pelayan dan memesan dua gelas fresh oren. Bila pelayan berlalu Aniza memberanikan diri memandang tepat ke wajah Abdul Rahim yang membuatkan pemuda itu tunduk memandang meja. Aniza menyedari ketidakselesaan Abdul Rahim. Mungkin tempat serupa ini amat asing baginya. Timbul rasa kasihan dan bersalah di hati Aniza. Kalaupun tadi aku terima saja undangan ke rumahnya pasti pertemuan ini akan berlangsung dalam suasana selesa. Bagi Abdul Rahim sekurang-kurangnya. Tapi dia? Ah, mana mungkin pertemuan dua wanita yang mendambakan kasih seorang jejaka yang sama boleh berlangsung dalam suasana selesa! Justeru ia menolak.

Aniza memandang Abdul Rahim dan akur dia bukan seorang pemuda yang kakak. Lama dulu Aniza sudah pun mengakui hakikat ini bila Abdul Rahim mengirimnya sekeping potret lalu disongsong oleh potret-potret yang lain. Wajah Abdul Rahim bulat, hidung agak pesek dan bibirnya agak tebal; rambut keriting asli yang halus ditambah kulit yang agak gelap, Abdul Rahim seperti orang asli yang ramai menghuni di sepanjang jalan ke Cameroon Highlands yang baru dilaluinya dua hari yang lalu untuk mencari Abdul Rahim.

Namun bukan itu yang menjadi kayu ukur rasa sayang yang bersemi di hati Aniza. Abdul Rahim adalah seorang lelaki yang baik dan bertanggungjawab dalam hidup Aniza. Selama Aniza mengharungi zaman sekolah menengah dengan pendapatan orang tua yang terhad, Abdul Rahim walaupun hanya seorang guru sekolah rendah, telah banyak membantunya dengan buku-buku teks sekolah yang diperlukannya; mengirimnya majalah Wanita kesukaannya setiap bulan tanpa mungkir. Abdul

Rahim insan berhati seni dan halus. Bahasa persuratannya lembut dan puitis; tulisannya cantik dan kemas; sajak-sajaknya penuh dengan motivasi dan cabaran; cerita-ceritanya lucu dan menghiburkan. Semua itu menjadikan perasaan sayang dengan mudah berputik di hati seorang gadis yang baru menepuh alam remaja dengan gelombang hormon yang mula menular di urat sarafnya.

Rasa sayang itu lamakelamaan bercambah subur sehingga berakar umbi di perdu hatinya. Bertahun ia setia pada cinta yang dipupuk dan dibaja hanya dengan tinta, keghairahan kata-kata dan air mata kerinduan. Selalu ia jadi bahan gurauan keluarganya dan usikan rakan-rakannya. Tapi ia tidak pernah ambil peduli. Abdul Rahim terus memberi ia semangat untuk maju dalam pelajaran, kalau boleh lulus sebagai seorang doktor.

Sesungguhnya cinta mereka yang mulanya bercambah atas nama sahabat pena, kemudian dibelai di atas kertas rona biru, membuahkannya cita-cita yang murni dan unggul. Dan setelah Aniza tamat nanti, mereka memeterai janji akan memikirkan hidup bersama. Aniza menunggu saat Abdul Rahim memetik dirinya untuk menjadi permaisurinya dengan debar manis seorang dara.

"Abang bersyukur Niza sudah menjadi seorang doktor. Mulanya abang khuatir!" Abdul Rahim yang dulu memecah kesepian.

PERTEMUAN

ti kursus ijazah luar kampus. Tinggal dua tahun lagi. Waktu siang abang bekerja memberikan tuisyen bahasa Melayu," jelas Abdul Rahim.

Hening seketika. "Niza masih bersendirian? Bulan depan Niza akan meraikan hari lahir ke-24. Sudah manis untuk berkahwin," Abdul Rahim terkejut dengan soalan yang terpacul dari mulutnya. Tetapi secara jujur itulah sebenarnya yang ingin diketahuinya selama ini.

Ah, kiranya kau masih ingat tarikh lahirku! Aniza memandangnya. "Abang sudah lupa dengan kata-kata Abang sebelum kita terputus hubungan?"

Abdul Rahim diam. "Biar Niza ingatkan. Kata abang: Jika satu hari Niza masih berperasaan yang sama dan tidak bertemu jalan keluar, datanglah cari abang. Abang akan cuba selesaikan seadilnya."

"Jadi Niza datang menuntut keadilan?" Abdul Rahim berucap perlahan. Ada senyum lucu di bibirnya yang tebal itu.

"Salahkah?" Aniza semakin berani. Pun tidak mengerti apa yang lucu.

"Tidak! Abang bahagia akhirnya dapat bertemu adik yang selama ini abang rindui. Tetapi... tujuh tahun kita terputus hubungan, abang fikir Niza sudah menerima segalanya dengan reda."

"Niza hanya mahukan kepastian. Sebenarnya ada hati yang menunggu. Niza tidak dapat membuat keputusan sebelum pertemuan ini..."

Wajah seorang pemuda tinggi lampai berkulit cerah kacukan Melayu Brunei dan Jerman bertandang ke minda Aniza. Harun. Harunlah yang telah mendesak ia untuk pergi berjumpa Abdul Rahim. Untuk menyelesaikan yang belum beres. Once and for all. Kata Harun. Biar pun nanti mungkin nasib tidak berpihak kepadanya. Biarlah asalkan ada keputusan yang muktamad.

Abdul Rahim tunduk. "Sudilah datang ke rumah abang dulu. Di sana Niza boleh buat penilaian akan di mana diri abang di hatimu sekarang. Penyelesaian di tangan Niza. Abang akan akur apa saja keputusan Niza," sepasang mata bundar itu seperti merayu kepadanya.

Rumah Abdul Rahim terletak di kawasan setingan di pinggir ibu kota. Katanya rumah itu rumah sewa. Bila tamat kursus nanti, ia akan pulang ke Kedah meneruskan kehidupannya sekeluarga di sana. Aniza agak terganggu melihat kedai-kedai sekeliling yang begitu ketara: memikikan mungkin Abdul Rahim berasa rendah diri. Ia kagum dengan keberanian Abdul Rahim mengundangi ia ke situ. Sememangnya dari awal Aniza tidak mahu mampir ke situ. Tapi ia memerlukan kepastian yang hanya akan terjawab dengan kehadirannya di tempat tersebut.

Rumah itu lengang kerana menurutnya anak-anak sedang bersekolah. Yang terkecil sedang tidur. Ruang tamanya amat kecil dihias sedemikian. Aniza mengamati kamar pembantu rumah

"Abang bagaimana?"

"Alhamdulillah! Di KL ini abang sedang mengiku-

Aniza lebih luas dari kamar ini. Tetapi kamar ini kemas dan bersih.

Abdul Rahim meminta izin masuk ke dalam dan tidak lama keluar seorang perempuan yang berpeperawakan sederhana dalam pakaian longgar yang sudah pudar, sepudar wajahnya. Ia segera bersalaman dengan Aniza dan memeluknya. Aniza terkejut dan menjadi kaku seketika. Perempuan itu menyedari lalu melepaskan pelukannya dan memandang terus ke wajah Aniza sambil memegang kedua-dua bahu Aniza.

"Aniza memang seorang perempuan yang cantik!" bisiknya kagum.

Aniza terduduk di kerusi yang keras dan lapuk. Di pandangnya perempuan di hadapannya. Perempuan itu tunduk.

"Maafkan kakak. Kakak yang bersalah. Tapi dapatkah Dik Niza bayangkan keadaan kakak ketika itu?"

Ia mendongak, memandang wajah Aniza dengan mata berkaca memohon pengertian. "Kakak seorang andartu. Yatim piatu. Abdul Rahim datang ke kampung ini dan tinggal sebelah rumah. Dia sering membantu arwah atuk kakak yang selalu uzur ketika itu. Dia banyak berbudi kepada kakak sekeluarga. Bila satu ketika dia sakit dan perlu dibedah kakak menjaganya sepenuh hati. Kakak jauh lebih tua dari Abdul Rahim. Kakak tidak berpelajaran. Tetapi seperti perempuan-perempuan lain kakak sangat mendambakan kasih seorang lelaki. Pada kakak Abdul Rahim punya segala-galanya. Dia baik dan bertanggungjawab."

Aniza diam. Ya, kerana kau tahu Abdul Rahim tidak akan melukakan hati seorang wanita, lalu kau datang kepadanya minta dikahwini. Kau tahu Abdul Rahim tidak akan menolak kerana ia manusia yang terlalu hormatkan wanita. Di kala aku bertarung menduduki peperiksaan pra-universiti kau dinikahi Abdul Rahim walaupun Abdul Rahim telah menjanjikan itu kepadaku lebih awal. Siapa aku yang berada jauh dari sisinya untuk menghalang? Aku tidak dapat mengahdirkan diri ketika ia dirawat. Lalu aku yang jauh harus kehilangannya. Kau lebih dekat pastinya kau lebih berpeluang! Keras suara hati Aniza.

"Kakak minta pengertianmu. Pertemuan ini biarlah menghasilkan yang terbaik untuk kita. Aniza lihatlah. Anak kami sudah lima. Hidup ala kadar."

Hening.

Aku tahu kau tak mahu aku datang semula dalam hidup Abdul Rahim. Tapi tahukah kau berapa lama hati ini menderita? Yang paling aku rindukan adalah pelukan Abdul Rahim! Aku telah mengangan akan melahirkan zuriat yang comel dan pintar dengan mata bundar jernih dari hasil kasih kami. Segalanya sudah aku impikan sejak aku berusia 14 tahun. Tahukah kau bagaimana istimewanya cinta pertama bagi seorang perempuan? Aku pasti kau tahu. Kerana kau juga seorang perempuan. Suara hati Aniza semakin keras. Tanpa disedarnya bebutan air bergebang di kelopak matanya.

Sekarang kau meminta pengertian dariku. Kau menduga aku? Seolah kau tahu aku tidak akan tega untuk meruntuhkan sebuah kehidupan yang sudah lama terbina! Seolah aku ini yang merempat kasih! Seolah akulah perampas! Hatinya merintih. Lalu air mata semakin deras mengalir membasahi baju kurung ungu kesayangannya itu. Ungu, warna kesayangan Abdul Rahim.

"Apa yang kakak mahu saya buat?" tanya Aniza sambil cuba menyeka air mata di pipi.

"Kita perempuan. Jawapannya ada pada Aniza sendiri," jelas wanita itu.

Pesawat BI dari Kuala Lumpur sudah lama mendarat. Harun terkejut di dewan ketibaan dengan debar dan resah rindu yang terlalu. Sedozen mawar merah dalam dakapannya, menjadi perhatian beberapa gadis yang ada di situ. Sebenarnya mereka juga cuba mengambil perhatian jejaka tinggi lampai berkulit cerah dan berwajah pan Asian itu. Ah, bertuahnya gadis yang sedang ditunggu! Kata mereka.

Salah satu pintu keluar dewan ketibaan itu terbuka. Melangkah santun seorang gadis tinggi lampai berbaju kurung hijau olive dengan motif bunga kuning kecil. Hijau olive, warna kesayangan Harun. Cuma ada sebijik beg yang ditarik dan sebijik beg tangan berjenama Dior hadiah dari Harun sempena hari lahirnya yang ke-23. Matanya liar mencari tidak nampak kelibat jejaka tinggi lampai yang sedang berada di tengah kelompok manusia yang ramai.

"Nizi!" teriak Harun sambil melambai-lambaikan tangannya galak dan meluru menghampiri Aniza. Hampir saja Harun memeluknya lalu menyerahkan sejabak bunga ros satu dozen itu.

"Mari kuhantar kau pulang. Kau cuma pergi satu minggu tapi rasanya macam setahun!" kata Harun.

"Yakah?" baru Niza bersuara. Diliriknya anak muda itu dari hujung matanya di sebalik sun glasses Dior yang mula dipakai sebaik mereka menuju ke parking kereta. Panas bulan Jun merimaskan sekali.

"You o.k.?" Harun memandang Aniza untuk ke sekian kalinya. Ia belum dapat menduga kepastian yang diharapkannya. Aniza tampak dingin dan kaku. Hati Harun berdebar sekali gus terseksa.

Harun membuka pintu sebelah kiri kereta Porsche Boxster warna perak. "Masuklah!" pelawannya.

Aniza masuk.

Dalam kereta. "Ron! Bila secepatnya kau boleh masuk meminang?"

Harun menoleh. Harun nampak di dalam kolam mata Aniza yang sudah tidak berkaca mata, masih ada jeriji kesedihan tetapi Harun yakin suatu ketika ia akan dapat meleraikan segala itu, dan Aniza terlihat sepasang mata yang bundar dan bening. Mudah-mudahan ini satu permulaan yang baik. Bisiknya.

Kereta Porsche Boxster warna perak itu meluncur semakin deras penuh yakin.

ANIZA memandang Abdul Rahim dan akur dia bukan seorang pemuda yang kakak. Lama dulu Aniza sudah pun mengakui hakikat ini bila Abdul Rahim mengirimnya sekeping potret lalu disongsong oleh potret-potret yang lain. Wajah Abdul Rahim bulat, hidung agak pesek dan bibirnya agak tebal; rambut keriting asli yang halus ditambah kulit yang agak gelap, Abdul Rahim seperti orang asli yang ramai menghuni di sepanjang jalan ke Cameroon Highlands yang baru dilaluinya dua hari yang lalu untuk mencari Abdul Rahim.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

ISRAK MIKRAJ

Dalam sebuah perjalanan
Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam
yang bernama Israk dan Mikraj
dari Masjidilharam ke Masjidilqsa
dari Masjidilqsa ke Sidratul Muntaha
dengan pelbagai senario
seorang lelaki berenang di sungai
sambil menelan batu
Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam
bertanya
"Siapa ini ...?"
"Itu adalah pemakan riba ...!"

Senario belum habis di situ
seorang lelaki yang tidak mampu
memikul seikat kayu api besar
tapi terus menambah bilangannya
Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam
bertanya lagi
"Gambaran apakah ini ...?"
Jibril menerangkan
"Inilah lelaki dari umatmu
yang menanggung amanah manusia
dia tidak mampu
tapi mahu terus memikulnya...!"

Perjalanan seterusnya
satu kaum asyik memecah kepala mereka
setiap kali kepala mereka pecah
keadan kembali seperti asal
tidak jemu-jemu melakukannya
ditanya lagi peristiwa ini
itulah mereka yang berat
untuk menunaikan salat fardu ...!

BAGAI PENAWAR

Dua insan terpenting
selaku dinding pertahanan
dari gangguan kafir Quraisy
kesedihan mula membaluti Baginda
setelah kepergian isteri tercinta
diikuti kewafatan bapa saudara.

Bagaikan penawar hati yang duka
Baginda diisrakmikraikan
memperlihatkan tanda-tanda
kebesaran dan kekuasaan
Allah Yang Maha Esa.

Kita ini adalah sebenarnya
umat yang amat beruntung
Israk Mikraj Baginda
tidak kosong
kita yang cuma tahu buat
sebagai Muslimin mahupun Muslimat
iaitu salat lima waktu
perintah Allah langsung
dibawa oleh kekasih-Nya
untuk umat yang beriman.

Itulah Mikraj
seorang Rasul pilihan
juga pembawa rahmat
bagi seluruh alam.

Bagaimana pula kita ...!
Israk yang baru bermula
bila akan sudahnya
atau kita masih di garisan
bersama Mikraj yang belum apa-apa.

Maya Brunei

AL-QURAN KALAMULLAH

Al-Quran
Kalamullah yang suci lagi mulia
begitu tinggi dan indah bahasanya
tiada terpinda!
malah terpelihara berkekalan
Al-Quran tetap kukuh sepanjang zaman.

Al-Quran
Kalamullah yang tiada taranya
menjadi lambang keimanan
dan ketakwaan insan sejagat
para Muslimin dan Muslimat.

Al-Quran Kalamullah
diturunkan di bulan Ramadan
bulan keramat penuh berkat
menyemarakkan cahaya Islam
menjana perpaduan

memandu kehidupan manusia
ke arah yang lebih cerah dan sempurna.

Al-Quran Kalamullah
- ia cahaya
- ia petunjuk
- ia penawar
dan rahmat bagi orang-orang mukmin.

Al-Quran Kalamullah
patuhi dan amalkanlah ajarannya
untuk kesejahteraan umat
di dunia dan di akhirat.

FITRAH KEHIDUPAN

Hidup yang mendesak dan terdesak
sememangnya menyebak
malah mengharu-birukan
sekali gus meresahkan.

Namun kita taksub di sini
adalah atas rasa tanggungjawab
kerana kita tidak rela dikatakan nanti
orang-orang di dalam kerugian
sebaliknya kitalah yang tahu menilainya
dengan mengucap kesyukuran
pada nikmat pemberian Tuhan.

Kita yakin sepenuh hati dan jiwa
sekali kecundang
bukan bermakna tumbang selamanya
bangun! Dan binalah diri lagi
dengan mawaddah dan marhamah
kita melangkah penuh doa dan harap
sedang semangat juang
kian semarak.

Yang patah akan tumbuh
yang hilang akan berganti
adalah menjadi kekerapan
fitrah kehidupan
maka bersamalah kita
memperkasa dan mendaulatkan
citra bangsa aspirasi negara
dengan nikmat kemerdekaan
menurut yang diredai Tuhan.

Untuk tanah air yang tercinta
di sinilah kehidupan kita.

KENALI DIRI

Yakin dan pastikan
hidup ini harus ada pegangan
bila-bila dan di mana juga berada
kita tak dapat lari
atau ingkar dari tanggungjawab
amar makruf nahi mungkar.

Lihatlah apa sudahnya
orang-orang yang suka mendabik dada
lupa diri, alpa dan tidak tahu
ke mana bahtera hayat dilayari
di mana kiblat yang dihadapi
akhirnya menerima padah
hancur lebur dan musnah!
kerana keangkuhan dan kesombongannya
yang tiada taranya.

Demikian dan benarlah
betapa pun gahnya
atau hebatnya mereka
selagi namanya makhluk
akan tunduk ia kepada kekuatan
Tuhan seru sekalian alam.

Muslim, mukmin, muhsin!
kenalilah diri kita ini
segala cinta dan kasih dilabuhkan
penuh pasrah kemurahan dipanjatkan
minta dibimbing dalam meniti hidayat-Nya
jauh dari bisikan nafsu nafsi
dan bangga diri.

Muslim, mukmin, muhsin!
di sini aku berkata
tiada perjalanan selain menuju-Nya
dan kita ini kepunyaan-Nya
Tuhanku
Tuhanmu.

Rahim M. S.

HIDUP INI INDAH KERANA

Hidup ini indah kerana
dianugerah seorang 'hubby'
yang penyayang
dan tahu jati diri
seorang suami.

Hidup ini indah kerana
dianugerah zuriat
yang pintar
cantik, kacak
dan berakhlak
perintis zamannya.

Hidup ini indah kerana
dianugerah cucu
yang comel dan lucu
pintar berjenaka
menghibur lara
harapan hari muka.

Hidup ini indah kerana
masih punya mama
yang menjadi penasihat
sesekali kuterhumban
tersungkur
di pentas dunia
kealpaan.

Hidup ini indah kerana
masih punya nenek
di benaknya terakam
sejuta cerita semalam
khazanah ristaan
sepanjang zaman
buat pedoman.

Hidup ini indah kerana
ada adik abang
dan warga kerabat
yang rela mengongsi
suka duka
di laman kehidupan.

Hidup ini indah kerana
aku adalah aku
yang dianugerah semua itu
oleh Allah Azzawajalla
semoga aku senantiasa
syukur dan reda.

Ummu REZA

SIAPA AKU

Siapa aku untuk merintih
menangisi
sebuah kehilangan.

Siapa aku untuk mencarut
menyesali
sebuah tragedi.

Sedangkan aku
juga mereka
hadir di dataran hidup
atas dasar
sebuah perjanjian
sekadar pinjaman.

Lewat sebuah perkongsian
aku dianugerahi
zuriat
suatu amanah
telah aku perlakukan
tanggungjawab
seorang Muslimah.

Namun belum sempat
jerih payah berbaloi
kau jemput mereka
ke dakapan-Mu yang sasa
tempat yang memang
dijanjikan.

Justeru
siapa aku untuk menyalahkan
takdir yang telah
ditetapkan
sedang aku wajar
bersyukur kerana
Engkau telah pinjamkan
aku lewat kebahagiaan
senyum tawa mereka
tangis manja teruja
walau hanya
dalam sekerat usia!

Mira Tania

TEMAN

Teman ...
kehadiranmu amat kuperlui
kehadiranmu juga membawa sinar kehidupan
kau juga telah mengubah kehidupan ini.

Teman ...
kau insan istimewa
yang pernah kujumpa
kau jugalah menjadi penghibur hati
tidak kira waktu gembira atau sedihku
kau sentiasa berada di sisiku.

Teman ...
aku berjanji
kita akan bersama
dalam susah senang hidup ini
itulah dinamakan teman sejati selamanya.

CINTA

Cinta adalah perasaan yang indah
cinta juga memberi kebahagiaan
tapi ada cinta hanya bersifat sementara
cinta yang kekal
hanya pada Yang Maha Esa.

Kita hendaklah berhati-hati
pada cinta duniawi ini
jangan lupa akan diri sendiri
bila cinta hadir dalam diri kita
dan jangan mudah terpedaya
dengan perasaan yang indah ini
iaitu cinta!

Zeel

MENGENAL DIRI

Di cermin itu
aku mengenal diri
untuk melihat sebuah kesilapan
untuk menggambarkan sebuah kesalahan
dari calar-calar kehitaman sejarah hidup.

Di cermin itu
hati ini telah terbalut
dengan wangian bunga
biar kembang tak mewangi
biar mengorak tak berseri
bak pelangi berwarna
samar-samar di awan tinggi.

Kini kucermin diri ini
di posisiku sebagai seorang isteri
taat setia pada sang suami
meski awan hitam berlalu pergi
kutersenyum
di sebalik mimpi semalam.

KAU DALAM TEKA-TEKI

Mulia suatu sifat
amanah suatu sikap
amalan manusia yang terpuji.

Kerana budi dan bahasa.

Kerana kata tak berligar kuasa.

Dia dipuja
bukan kerana pangkatnya
bukan kerana hartanya
tapi kerana wujudnya
keindahan budi bersusuk emas.

Keindahan bahasa bersulam intan.

Hari ini lelaki itu diingat lagi
lelaki itu disebut lagi.

Ketokohan, keperibadian.

Lambang segala.

Menjadi sebutan
di kertas putih kucoretkan rasa
menitip rindu hati ke hati.

Biar menjadi teka-teki
hingga ke akhir hayat nanti.

Amas Brunei



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentias Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تیلیسیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana iya rancangan

S E L A S A 30 OGOS	PAGI			Sambungan			PETANG					
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL		
		KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA-	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.28	KID'S SINAR	8.50	BELIA KITA - 'Persatuan Belia'		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Betty The Ugly One'	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	AZAN MAGHRIB				
	6.15	RAMPAI PAGI -	11.00	MUTIARA HUTAN Sr. 2 -	4.20	ANIMATION: 'CARLAND	MALAM			9.30	DRAMA - 'Puspa Indah Taman Hati Bonda'	
		Siaran Langsung		Ulangan		CROSS/NEW	7.00	DRAMA - 'Suluh'	10.00	NEWS AT 10		
	9.00	BERITA	11.15	LIPUTAN SEMASA		ADVENTURES OF	7.30	DOKUMENTARI:	10.30	WITHOUT TRACE		
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.00	SIARAN TAMAT	5.00	OCEAN GIRL'		'Bangkatan'	12.15	PRETENDER - YR. 3		
					THE WHOLE STORY	7.38	AZAN ISYAK	01.00	DOA DAN SIARAN TAMAT			

Bahasa Arab wajar dimuatkan dalam kurikulum

GADONG, 8 Ogos.- Bagi memenuhi keperluan masyarakat di negara ini, sudah wajarnya bahasa Arab diajarkan di seluruh sekolah dan semua peringkat persekolahan agar sejajar dengan penggunaan bahasa-bahasa lain yang telah lama diterima pakai dan dimuatkan dalam kurikulum sekolah.

Perkembangan yang

menarik pada masa ini ialah mata pelajaran Bahasa Arab dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan yang diajarkan di beberapa buah sekolah kerajaan dan swasta di peringkat rendah dan menengah serta mendapat sambutan yang agak menggalakkan.

Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia

Oleh Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berkata demikian ketika merasmikan Sesi Latihan Kebangsaan Bagi Pelatih Bahasa Arab Peringkat Pendidikan Rendah yang berlangsung di Pusat

Serantau SEAMEO-VOC-TECH di sini.

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia menjelaskan, Universiti Brunei Darussalam (UBD) menerusi Pusat Bahasa memperkalkan Program Pembelajaran Bahasa Arab di samping bahasa lain, sementara Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya. Ini semua menunjukkan betapa bahasa Arab semakin berkembang subur

dan diminati di negara ini.

Pemangku Menteri Pendidikan seterusnya menjelaskan, kebanyakan negara-negara yang berminat dalam menerokai kegiatan ekonomi secara global yang pesat di akhir-akhir ini telah memberi tumpuan kepada negara-negara Arab khususnya negara-negara Teluk. Oleh sebab minat mereka yang ingin menembusi pasaran dan bergiat dalam ekonomi negara-negara tersebut termasuk sektor pelancongan, perhubungan dan komunikasi dengan sendirinya telah mendorong mereka mempelajari bahasa Arab.

Negara Brunei Darussalam, katanya, tidak se-

harusnya tertinggal dalam persaingan ini, malah negara ini mungkin lebih berpotensi untuk maju ke hadapan sesuai dengan prinsip negara kita yang berpegang kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Lebih 130 guru menyertai program latihan selama lima hari anjuran Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan Pertubuhan Pendidikan Islam, Sainifik dan Kebudayaan (ISESCO).

Matlamat latihan ialah untuk melatih guru-guru mengenai kaedah pengajaran yang berkesan dan meningkatkan pengetahuan serta mengem-



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad ketika berucap merasmikan Sesi Latihan Kebangsaan Bagi Pelatih Bahasa Arab Peringkat Pendidikan Rendah yang berlangsung di Pusat Serantau SEAMEO-VOC-TECH, Gadong. - Gambar-gambar Ihsan Kementerian Pendidikan.

Tiga penuntut terima Skim Insentif Kementerian Pendidikan

BERAKAS, 11 Ogos. - Skim Insentif Kementerian Pendidikan yang diperkenalkan sejak tahun 2000 dari Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) telah menerima sebanyak 59 permohonan.

Dalam tempoh empat tahun iaitu antara 2000 - 2004, seramai 13 orang penuntut telah berjaya mendapatkan pengajian mereka hingga ke peringkat ijazah pertama.

Bagaimanapun dari jumlah tersebut hanya tiga orang layak menerima Skim Insentif berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kajian Skim Pembiayaan Pengajian Al-Falah.

Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad menyatakan perkara itu di Majlis Penyampaian Insentif Kementerian Pendidikan dan Skim Pinjaman Al-Falah IDBB yang berlangsung di Bilik Persidangan Utama, Kementerian Pendidikan di sini.

Menurut Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia, pinjaman bagi Skim Pendidikan tersebut adalah atas nama bersama pelajar itu sendiri dan ibu bapa atau penjaga. Bagi skim pinjaman yang disediakan oleh Hongkong and Shanghai Banking Corporation (HSBC) dan IDBB, adalah terbuka kepada rakyat Brunei dan penduduk tetap.

Komitmen Kementerian Pendidikan melalui skim tersebut ialah memberikan insentif berupa kewangan bagi pelajar yang layak dan akan menerima 50 peratus pembayaran balik dari jumlah pinjaman keseluruhan bagi mereka yang mendapat Kepujian Kelas Pertama.

Manakala 25 peratus pembayaran balik dari jumlah pinjaman keseluruhan bagi mereka yang mendapat Kepujian Kelas Kedua Atas setelah mereka lulus dalam pengajian.

Di majlis itu Pemangku Menteri Pendidikan turut mengalu-alukan institusi-

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

ahmad.salim@information.gov.bn

institusi kewangan dan perbankan yang lain untuk menyertai Skim Insentif Kementerian Pendidikan.

Pemangku Menteri Pendidikan berharap skim tersebut akan dapat diteruskan sebagai salah satu usaha untuk kita bekerjasama dalam memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan dan secara tidak langsung akan menyumbang ke arah mempercepat keperluan sumber tenaga manusia.

Pengarah Urusan IDBB, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai binti Pengiran Ali yang turut menjelaskan tujuan Skim Pembiayaan Pengajian Al-Falah iaitu antaranya untuk mengurangkan daripada banyak bergantung kepada kerajaan dan pada masa yang sama menggalakkan orang ramai terutama ibu bapa untuk lebih berikar dan tidak hanya bersandarkan kepada biasiswa kerajaan untuk melanjutkan pengajian.

Menurut Pengiran Datin Paduka lagi, IDBB yang dimiliki 100 peratus Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan jumlah pembiayaan skim tersebut sebanyak \$2,312,426.06 melalui tujuh akaun telah pun dijelaskan sepenuhnya oleh pemohon.

Pengiran Datin Paduka seterusnya menambah, skim tersebut boleh dilihat sebagai satu 'pelaburan' yang sangat berharga dan jika dimanfaatkan secara baik akan memberikan pulangan yang lumayan, baik kepada penuntut itu sendiri, ibu bapa dan juga negara.

IDBB telah menyediakan skim tersebut berbentuk akaun boucher simpanan iaitu bagi Kepujian Kelas Pertama ialah Boucher Akaun Simpanan bernilai \$3,000.00 dan Kepujian Kelas Kedua Atas bernilai \$2,000.00.

"Pihak IDBB juga se-

dang giat menambah lagi usaha-usaha ke arah bidang-bidang pendidikan lain seperti Bidang Perancangan Kewangan Islam yang dapat meningkatkan pengetahuan dalam kewangan Islam bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam," jelasnya.

Majlis seterusnya ialah penyampaian Skim Insentif Kementerian Pendidikan disampaikan oleh Pemangku Menteri Pendidikan dan Pengarah Urusan IDBB, Pengiran Datin Paduka Hajah Urai kepada tiga orang penuntut iaitu Awang Ahmad Fatih bin Dato Paduka Haji Junaidi, B.A. (Hons 2.1) dalam Akaun dan Pengurusan dari University of Reading, Ampuan Haji Asrin bin Ampuan Haji Tengah, B.Sc (Hons 2.1) Pharmacology dari University of Liverpool dan Dayang Hajah Nora Aznezh binti Dato Paduka Haji Ibrahim, B.Sc. (Hons 2.1) dalam Kejuruteraan Pembinaan.

Sejak skim tersebut diperkenalkan pada tahun 2000, beberapa bank telah menyertai iaitu HSBC, Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan IDBB.

Peraduan Melukis sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Ogos. - Seramai 120 orang penuntut menengah satu hingga lima dari seluruh Daerah Brunei dan Muara mengikuti Peraduan Melukis Sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA).

Peraduan yang dianjurkan oleh SMJA adalah



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad menyampaikan Skim Insentif Kementerian Pendidikan kepada seorang penuntut. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PENGARAH Urusan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB), Pengiran Datin Paduka Hajah Urai menyampaikan Skim Insentif kepada seorang penuntut yang menerima Skim Pembiayaan Pengajian Al-Falah. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Oleh Siti Seri Leila Farrah

Zohre Haji Abdullah

tajaan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSP), Syarikat Gas Cecair Asli Brunei Sdn. Bhd. (BLNG), Syarikat Brunei Shell Tankers Sdn. Bhd. (BST) dan Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSM).

Dalam pada itu, setiap sekolah menghantar seramai lima orang penuntut.

Sebanyak 10 hadiah disediakan untuk para pemenang dan lima hadiah istimewa akan diberikan kepada mereka yang layak memasuki peringkat akhir.

Peraduan itu akan diha- kimkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kempen Keselamatan Jalan Raya 2005.

123 guru Bahasa Arab terima sijil

Oleh Siti Seri Leila Farrah

Zohre Haji Abdullah

GADONG, 13 Ogos. - Seramai 123 guru Bahasa Arab dari sekolah-sekolah rendah kerajaan seluruh negara menerima sijil mereka di Majlis Penutup Program Latihan Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Pusat Serantau SEAMEO-VOC-TECH, di sini.

Sehubungan dengan itu Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap II Kementerian Pendidikan, Dayang Apsah binti Haji Abdul Majid selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta.

Program yang diadakan selama enam hari bermula pada 8 Ogos lalu anjuran bersama Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO) dengan kerjasama The World Islamic Call Society (WICS).

Objektif program tersebut ialah memberi latihan kepada pengajar-pengajar dalam bidang pengajaran bahasa Arab di sekolah-

sekolah rendah Negara Brunei Darussalam seterusnya membolehkan mereka untuk melatih rakan-rakan kerja melalui sesi-sesi latihan tempatan.

Ianya juga melatih para peserta kaedah dan teknik moden dalam pengajaran dan pembelajaran manakala program berkenaan juga dapat meningkatkan pengetahuan para peserta dan menambah kepakaran mereka dalam bidang pendidikan dan akademik.

Program tersebut juga mengintegrasikan unsur kurikulum dan pengkaedahan dalam pengajaran bahasa Arab kepada murid-murid di sekolah rendah demi membantu meningkatkan kemahiran dalam bidang linguistik dan budaya yang kukuh berpancukan nilai-nilai Islam.

Justeru itu program berkenaan akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai perlunya mewujudkan kurikulum pendidikan dan kurikulum sekolah yang berasaskan kepada keperluan-keperluan kebudayaan tempatan serta murid-murid di Negara Brunei Darussalam.



PARA penuntut sekolah menengah yang menyertai Peraduan Melukis sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) di ibu negara. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damli.

اے کھلانے



BILANGAN 34

RABU 24 OGOS 2005

1426 رجب 19

PERCUMA



JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

BILANGAN TAWARAN: JPH/S/TAW/192R DAN JPH/S/TAW/195

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSU), Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 13 September 2005.

JPH/S/TAW/192R : SUPPLY OF FOUR (4) UNITS 4WD
VEHICLE

JPH/S/TAW/195 : SUPPLY OF THREE (3) UNITS 4WD
DOUBLE CAB VEHICLE

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Perhutanan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan.
5. Yuran Tawaran sebanyak B\$ 50.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan Yuran Tawaran ini tidak akan dikembalikan sekiranya Syarikat tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA KEMENTERIAN KEWANGAN

BILANGAN TAWARAN: TMSN/8/13.2005

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, CONSULTANCY AND MAINTENANCE OF ENTERPRISE INFRASTRUCTURE WITH RELATED HARDWARE AND SOFTWARE OF SECURE NETWORK CENTRE SERVICES FOR E-GOVERNMENT CENTRE (EG CENTRE)"

1. Pembeli hendaklah membuat pembayaran bagi harga Dokumen dan Tawaran yang berjumlah \$200.00 dan seterusnya mendapatkan Dokumen Tawaran dalam bentuk 'Compact Disc' melalui dari:
UNIT HASIL, BAHAGIAN KEWANGAN, TINGKAT 1, JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA KEMENTERIAN KEWANGAN, JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN BE1110, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi sahaja.
2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN: TMSN/8/13.2005

"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, CONSULTANCY AND MAINTENANCE OF ENTERPRISE INFRASTRUCTURE WITH RELATED HARDWARE AND SOFTWARE OF SECURE NETWORK CENTRE SERVICES FOR E-GOVERNMENT CENTRE (EG CENTRE)"

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN NEGARA
TINGKAT 1, KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 26 September 2005

3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

TAWARAN MENGENDALIKAN KANTIN

JABATAN KERJA RAYA,

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN TAHUN 2005-2008

Syarat-syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong tempatan untuk menghantar tawaran-tawaran mereka bagi menjalankan Perkhidmatan Kantin Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen-dokumen Tawaran boleh dilihat dan diperolehi di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan di Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila waktu pejabat dibuka (tidak lewat jam 3.00 petang).
3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang tertutup dan ditulis dengan nama TAWARAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN KANTIN, JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dihadapkan terus kepada Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 1, Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada 26 September 2005 (Hari Isnin).
4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

PERATURAN PENGIKLANAN DALAM EDISI IKLAN PELITA BRUNEI

1. IKLAN hendaklah dialamatkan kepada : Penerbit Iklan Pelita Brunei, Bahagian Akhbar, Tingkat 2, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Rang iklan hendaklah dimasukkan dalam disket menggunakan Microsoft Word dengan saiz font 11 ke 12 point, manakala persuratan mengenai ia boleh dihantar dalam 'hard copy'.
3. Iklan hendaklah sampai kepada penerbit dua (2) minggu sebelum tarikh terbit iklan yang dikehendaki
4. Rang iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan bagi deskripsi iklan yang dibukakan untuk penyertaan dari luar negeri atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan
5. Iklan-iklan hanya akan diterbitkan dua kali, itupun jika belum sampai kepada tarikh tutup tawaran. Walaubagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
6. Jika perubahan mendadak pada iklan-iklan yang sudah dihantar hendaklah dimaklumkan kepada penerbit tidak lewat pada hari Sabtu sebelum jam 10.00 pagi bagi iklan yang akan diterbitkan pada minggu berikutnya.
7. Sebarang iklan yang hendak ditarik balik (dibatalkan) hendaklah dimaklumkan tidak lewat dari hari Khamis 11.30 pagi iaitu bagi iklan yang akan diterbitkan pada hari Rabu akan datang.
8. Hanya kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi separuh kerajaan sahaja yang diterima mengiklankan di PELITA BRUNEI.
9. Hanya permohonan iklan-iklan yang mematuhi syarat-syarat dan peraturan ini sahaja yang akan dipertimbangkan.

5. Pemborong yang berjaya akan menjalankan perkhidmatan kantin berkenaan dalam tempoh tiga (3) tahun mulai tarikh perjanjian ditandatangani dan tertakluk kepada perkhidmatan kantin yang memuaskan.
6. Penyewa (pengurus) adalah dikehendaki menyatakan tawaran sewanya bagi satu (1) bulan dengan menulis angka diikuti dengan perkataan.
7. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Certificate of Registration- Business Names (Act) Bab-Bab 16 & 17 mestilah disertakan.
8. Makanan dan barang-barang yang dibenarkan dijual mestilah halal mengikut hukum syarak seperti makanan ringan (food kiosk) dan lain-lain barangan yang akan dijual mestilah dinyatakan jenisnya.
9. SEgala alat-alat perkakas yang diperlukan termasuk kerusi, meja, peti sejuk dan alat-alat dapur adalah tidak disediakan oleh Jabatan ini.
10. Bayaran: Cagaran \$100.00 dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada mereka yang berjaya. Dokumen Tawaran \$30.00 (tidak dikembalikan).
11. Penyewa yang berjaya akan dikenakan bayaran Perkhidmatan Elektrik (\$30.00), air (\$20.00) sebulan. Bayaran ini tidak termasuk sewa kantin.
12. Makluman mengenai pengalaman-pengalaman dalam mengurus kedai/restoran dan kedai-kedai runcit jika ada hendaklah disertakan.
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima sebarang tawaran yang paling tinggi atau apa-apa jua pun bentuk tawaran.



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

NO. PROJEK: JASTRE/BPP/T17/2005

MEMBEKALKAN DAN MEMASANG PORTACABIN BAGI
MENEMPATKAN ALAT STESYEN PEMANTAUAN KUALITI
UDARA DI KAMPONG MUMONG, DAERAH BELAIT

DIBUKAKAN kepada Pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam Kelas I, II & III di bawah Kategori 1,2,5b dan 5c sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada : 17 September 2005 (Sabtu)

Tarikh tutup pada : Hari Selasa, 20 September 2005 hingga jam 2.00 petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Kaunter Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam).

JASTRE/BPP/T17/2005

MEMBEKALKAN DAN MEMASANG PORTACABIN BAGI
MENEMPATKAN ALAT STESYEN PEMANTAUAN KUALITI
UDARA DI KAMPONG MUMONG, DAERAH BELAIT

No. Projek: JASTRE/BPP/T17/2005

Jumlah Yuran Tawaran: B\$ 25.00.

MAKLUMAN

LEBIH BANYAK IKLAN DI RUANGAN ANEKA
MUKA SURAT 9, 10, 11 dan 12

SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-
perkhidmatan kerajaan
<http://www.brunet.bn/news/pelita/24ogosi/kerja.htm>

Iklan-iklan tawaran
<http://www.brunet.bn/news/pelita/24ogosi/iiklan.htm>



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
DAN MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO 13/2004

MALAYAN BANKING BERHAD (B)
.....Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN
WILLIE NG (Malaysian IC No. 0400669)
.....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

- a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 Jun 2005.
Nama dan alamat terakhir diketahui : WILLIE NG, House No. 6, Lorong 3, Austral Park, Jalan Hospital, 88100, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Tarikh Petisyen : 17 Mei 2005. Bertarikh 3 Ogos 2005.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

